Tidak ada kelebihan seorang manusia
dengan manusia lain, kecuali usaha,
amal baik, dan iman kepada Sang Pencipta

LAKI AKU NEGRO

KAU PEDULI APA?

DR. HAYYA BILAL
↖bukan PhD beli

#inibukannovel
#memangceritabetul

LAKI AKU NEGRO

KAU PEDULI APA?

DR. HAYYA BILAL

FUTEH PRESS

2016

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, or transmitted in any form or by means, or stored in a database or retrieval system without prior notice written permission of
OPEN BRIDGE PUBLICATIONS SDN. BHD.

© Laki Aku Negro, 2016
ISBN: 978-967-369-325-2
First Printing Edition, 2016

Publication Team:
*Ikram Wazir, Dean, Syud, Idiazismail, Razi Samad.
Credit to: Hisham Salmin, Imran, Natasha.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing-in-Publication Data

Hayya Bilal
Laki Aku Negro / Hayya Bilal.
ISBN 978-967-369-325-2
1. Hayya Bilal,--Anecdotes. 2. Anecdotes. I. Judul.
808.882

Published by:
PUTEH PRESS
An imprint of Open Bridge Publications Sdn. Bhd. (678274-D)
No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100, Batu Caves,
SELANGOR, MALAYSIA
www.facebook.com/puteh.press
www.instagram.com/putehpress
admin@putehpress.my
putehpress.my
bookcafe.com.my

Printed by:
BS PRINT (M) SDN. BHD.
No. 10, Jalan Indrahana 1,
Off Jalan Kuchai Lama,
58100, KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

Kandungan

Prakata vii

Pengenalan xi

1
Berkenal-Kenalan

- Cinta Itu Aneh dan Dungu 1
- Berkenalan dengan Negro 3
- Makan Pisang 4
- Kena Sebiji 6
- Kenapa Negro Hitam 7
- Mainan Gadis Bujang 9
- Jatuh Tersuka 10
- Kau Ingat Senang 12

2
Berkahwin

- Kenduri Kahwin 15
- Jiran-Jiran Bombastik 16
- Awal Perkahwinan 17
- Makan Pisang Lenyek 18
- Ada Aku Kisah? 19
- Hak Bumiputera 21
- Kisah dalam LRT 22
- Gadis-Gadis Tidak Tahu Malu 23

3
Rasisme

- Mengandung Anak Pertama 25
- Anak Pan Afro Lawan Anak Pan Asia 25
- Rambut Afro 26
- Bibi Marah 27
- Tak Suka 28
- Anak Semua Bangsa 29

4
Balik Kampung

- Persiapan Balik Kampung 33
- Perjalanan ke Benua Afrika 35
- Bertemu Keluarga Mentua 36
- Rumah Mentua 37
- Pisang Lenyek Original 40
- Budaya Keluarga 42
- Ninja Tandas 44
- Garisan Khatulistiwa 47
- Bapa Mentua 49
- My Mukadday 51
- Jackie Chan 54
- Istiadat Perkahwinan 56

- Tahun Kacang 59
- Pasar Owino 61
- Salam Lelaki Perempuan 63
- Masuk Kampung Pedalaman 65
- Belalang Goreng 67
- Punca Sungai Nil 69
- Hospital Kandang Kambing 72
- Disko dan Salon Rambut 74
- Gerakan Kristian 75

5
Kenya

- Perjalanan ke Kenya 79
- Kenya 82
- National Geographic Konon 84
- Isteri Adik Ipar 87
- Orang Masai 87
- Kikomba dan Mitumba 89

6
Penyesuaian Diri

- Mazhab Apa? 93
- Benda Busuk Itu 94
- Menu Makanan 95
- Soalan Encik Suami 96
- Soalan Orang Malaysia 96
- Soalan Pegawai Jabatan Agama 97
- Konsultan Perkahwinan 99
- Carta Aliran Kahwin 100
- Masalah Berkahwin dengan Warga Asing 101

- Soalan-Soalan Pelik Buat Encik Suami 102
- Balik Kampung Lagi 104
- Musuh Wanita 107
- Kalau Kau Ingin Pahala 112

7
Deep

- Unik dan Pelik 113
- Kesan Penjajahan 115
- Membina Negara Bangsa 117
- Antah dan Beras 123

Epilog Akhir 127

Glosari 129

Teka Teki 130

Lampiran 131

Prakata

Satu titik hitam pada pipi menambahkan seri pada wajah. Tetapi satu titik hitam pada hati, boleh memusnahkan sebuah kebahagiaan.

Walaupun sudah berkahwin lebih daripada 20 tahun, masih ada kawan-kawan aku mengejek apabila mengetahui aku berkahwin dengan negro. Ejekan itu ada yang berbau hina kerana kulit suamiku hitam, anak-anakku hitam, ataupun kerana negro mempunyai nama yang pelik-pelik. Ada seorang temanku kalau berjumpa dalam perjalanan ataupun di tepi koridor di pejabat lama, dia pasti menggayakan tarian Afrika. Gaya menghina. Begitu menjengkelkan. Janganlah sombong kawan. Bagi aku orang begini, hanya

layak dikasihani. Kasihan! Kerana aku rasa dia sangat jahil.

Dia tidak sedar bahawa aku berasa begitu bersyukur kepada Allah s.w.t. yang memberi aku nikmat sebegitu besar. Hidup sebagai seorang Islam dan mengahwini seorang yang memahami Islam. Beliau membimbing aku menjadi hamba Allah s.w.t. yang baik. Nikmat manakah lagi yang aku mahukan? Apakah sebenarnya yang kita cari dalam kehidupan, dan bagaimana akhirnya kehidupan kita ini?

Perkataan Negro adalah perkataan yang kasar dan kurang sopan. Aku memilih tajuk buku ini kerana ini adalah bahasa rakyat Malaysia apabila bercakap dengan aku ataupun merujuk kepada orang kulit hitam. Aku ingin pembaca tahu, perkataan itu tidak sesuai digunakan dan tidak patut digunakan kepada orang berkulit hitam. Aku selalu cuba memaafkan orang yang berbicara dengan aku dan berkata negro. Bagi aku, sama ada dia jahil ataupun dia memang kurang mempedulikan perasaan orang lain. Sama seperti kita berkata kepada orang India, "paria". Kita harus belajar menghormati sesama manusia dan perlu meningkatkan budi bahasa kita. Itu adalah lambang kemuliaan seorang insan.

Selain itu, aku ingin berkongsi pengalaman yang aku alami, semasa aku masih jahil dan kurang memahami agama. Aku berfikiran negatif, kalut, tidak benar, dan huru hara kerana kurang ilmu, kurang sensitif, dan berasa diri hebat. Tidak ada yang hebat dengan diri kita ini, sebenarnya. Sombong kita itu, tidak dapat memecahkan langit dan tidak dapat menggoncangkan bumi. Sekalipun kita hebat, lebih ramai manusia lain yang sangat hebat. Hebat sangatkah kalau berkulit sawo matang berbanding dengan manusia yang mempunyai kulit hitam? Besar sangatkah kalau kita bertaraf sultan ataupun menteri berbanding seseorang bertaraf rendah? Ini adalah tema yang aku cuba persembahkan. Kita ini hanya mampu sedar diri apabila kita mengenali Allah s.w.t.

Sebagai manusia, kita perlu menjalani hidup dengan kesedaran. Aku menulis kerana ingin mengajak pembaca sedar tentang sesuatu. Kerana, kesedaran pasti menjadikan kita manusia yang bijak dan berhikmah. Kesedaran tentang hakikat kehidupan, kebahagiaan, perkahwinan, nilai-nilai kekeluargaan, nilai-nilai universal, dan akhir sekali tentang hakikat kehidupan di dunia dan di akhirat. Kesedaran tentang kewujudan

perbezaan, sempadan, batasan, dan kasta-kasta dalam kehidupan adalah ciptaan manusia semata-mata. Di sebaliknya, ada garis-garis kebenaran yang terlindung oleh mata kasar.

Biar banyak mana buku yang kita baca ataupun seribu ceramah agama yang kita dengar, ataupun beribu-ribu rakaat kita bersolat, tidak akan terbuka mata hati dan minda sedar kita tentang kekuasaan Allah s.w.t., jika Allah s.w.t. tidak memberikan petunjuk-Nya. Lalu, kita harus berusaha mencari petunjuk-Nya. Ada orang mendapat petunjuk selepas membaca Al-Quran. Ada orang mendapat petunjuk selepas mengembara. Ada orang mendapat petunjuk selepas membaca buku. Petunjuk mungkin suatu perkataan yang berat. Tetapi, aku mungkin boleh samakan petunjuk dengan sesuatu yang membuka mata hati. Aku berharap buku ini menjadi suatu buku yang dapat membuka mata hati.

Pada pendapat aku, buku ini diterbitkan pada masa yang sesuai dengan senario politik dan masyarakat di negara kita. Ketika masyarakat dikatakan semakin mementingkan bangsa sendiri. Bangsa aku lebih baik daripada bangsa lain. Sekalipun bangsa aku melakukan perkara-perkara yang mungkar, bangsa aku masih yang terhebat di dunia, tidak ada lagi yang dapat mengatasinya. Lalu, di manakah kompas sebenar kehidupan sebagai insan dan Muslim.

Kawan aku seorang rakyat Malaysia berbangsa Cina, memeluk Islam, dan berkahwin dengan seorang negro. Cabarannya lebih hebat. Beliau terpaksa mengatasi cabaran rasisme, pertentangan yang maha kuat daripada keluarga, dan selalu menjadi mangsa penghinaan ahli keluarga. Sebabnya adalah agama yang dia pilih dan suami yang dia kahwini. Dia dan suami bersama-sama anak-anaknya, akhirnya meninggalkan Malaysia dan tinggal di luar negara. Bagaimanakah keadaan pelbagai bangsa yang ada di negara ini? Cabaran perkahwinan campur, dilema agama, bangsa, kasta, kenegerian, status, pangkat, dan keturunan. Di manakah semua perbezaan ciptaan manusia ini akan berakhir? Aku berharap buku ini dapat menjentik pemikiran para pembaca tentang perkara ini.

Hidup adalah satu perjalanan yang pendek. Oleh kerana belum pernah ada yang kembali dan memberitahu bagaimana kehidupan selepas mati, kita terpaksa membuat kesimpulan dan membina formula



sendiri tentang kehidupan. Sebagai seorang Muslim yang berusaha bagi menjadi orang yang baik, kita selalu merujuk kepada Al-Quran dalam menjalani kehidupan dan membina formula kita. Sebagai manusia yang berbudaya dan bernegara pula, kehidupan kita dipengaruhi oleh budaya, pendidikan, agama, cara kita dibesarkan, dan pengalaman hidup yang kita lalui. Semua ini membentuk perspektif kita tentang kehidupan. Kadang-kadang perspektif ini berubah apabila kita membuat satu penemuan. Pengalaman ini adalah ilmu paling berguna dalam menjalani kehidupan.

Jadi, jika kita tidak dapat mengalami sendiri sesuatu pengalaman hidup, bacalah cerita ini ataupun dengarlah kisahnya. Pasti kita akan mendapat manfaat. Aku berharap buku "humble" aku ini dapat memberikan manfaat kepada semua. Jika buku ini berjaya membuka mata hati, Alhamdulillah, kerana hidayah itu milik Allah s.w.t. jua.

Selamat membaca.

Dr. Hayya Bilal.

http://www.freeworldmaps.net/africa/

Pengenalan

Benua Afrika

Afrika adalah benua kedua terbesar di dunia dan penduduknya adalah yang kedua terpadat di dunia. Keluasan benua Afrika lebih kurang 12 juta batu per segi dan terdiri daripada 54 buah negara. Benua ini diapit oleh Lautan Atlantik dari selatan ke Barat daya dan Laut Mediterranean di Utara. Terdapat tiga buah padang pasir utama seperti Padang pasir Libya, Kalahari, dan Sahara di bahagian utara benua. Garisan Khatulistiwa pula merentas

beberapa buah negara di Afrika di kawasan tengah. Pada bahagian selatan benua, keadaan bentuk muka bumi lebih mendatar dan suhu lebih sederhana. Gunung Tertinggi adalah Kilimanjaro, Sungai terpenting adalah Sungai Nil, dan Tasik Terbesar adalah Tasik Victoria. Bilangan penduduk di Afrika dianggarkan berjumlah 1.2 bilion.

Terdapat pelbagai jenis etnik, budaya, dan bahasa yang dituturkan di benua Afrika. Pada abad ke-19, penjajah Eropah menjajah kebanyakan negara-negara di Afrika dan membahagikan negara-negara itu kepada sempadan-sempadan yang kekal sehingga ke hari ini.

Negro

Negro menurut Ensiklopedia Collier (1921), Negro adalah merujuk kepada manusia yang berkulit hitam. Ia berbeza dengan kulit lain seperti putih, kuning, ataupun coklat. Mereka berasal dari Afrika, Sahara, India, lembah Indus-Ganga, dan kawasan di kebenuaan Australia. Perkataan Negro banyak dirujuk kepada suku kaum yang berasal dari Sudan, Afrika. Namun, terdapat kepelbagaian pada ciri-ciri dan perbezaan antara suku kaum ini yang boleh ditemui di seluruh benua Afrika. Bangsa Negro juga boleh ditemui di Madagascar, New Guinea, dan Melanesia. Walaupun begitu, terdapat sarjana dalam bidang antropologi yang tidak setuju dengan definisi yang dinyatakan di atas.

Terdapat beberapa kajian yang menyatakan manusia berasal dari benua Afrika yang bermula sekitar 100,000 tahun lalu. Manusia awal ini membiak dan berpindah randah ke seluruh dunia, sekitar 75 ribu tahun lalu. Fakta di atas mungkin selari dengan fakta dalam bidang agama, tetapi tidak dapat dibuktikan dengan menyatakan Nabi Adam a.s. sebenarnya adalah lelaki berkulit hitam. Al-Quran menyatakan Nabi Adam a.s. diciptakan dari tanah liat. Allah s.w.t. menyatakan dalam surah *Al-Hijr* ayat 26, "Sesungguhnya Kami sudah menciptakan manusia (Adam) dari tanah liat kering (yang berasal) dari lumpur hitam yang diberi bentuk."

Panggilan Negro dikatakan tidak sesuai dan tidak beradab. Malah, perkataan ini juga melambangkan penghinaan ataupun merendahkan martabat seseorang. Di Amerika, misalnya panggilan lelaki berkulit hitam ataupun Black lebih sesuai. Ada juga yang dipanggil African-American.

Murid-murid sekolah rendah di sebuah sekolah agama. Walaupun berkulit hitam nakal dan comel juga.

Islam di Afrika

Islam tiba di Ethopia (terletak di Barat Laut benua Afrika) pada zaman penghijrahan pertama sahabat bagi melarikan diri daripada kekejaman kaum Quraisy, Makkah. Ethopia pada masa itu diperintah oleh Raja Najasyi, seorang kristian. Antara sahabat yang berhijrah adalah Uthman bin Affan r.a. iaitu menantu Rasulullah s.a.w., Abdur Rahman bin Auf r.a., dan Jaafar bin Abu Talib r.a. Mereka adalah antara 118 orang penghijrah pertama. Raja Najasyi dikatakan memeluk Islam selepas yakin dengan ajaran yang disampaikan.

Terdapat beberapa hadith yang menyatakan Rasulullah s.a.w. mengimamkan solat jenazah ghaib apabila diberitahu Raja Najasyi meninggal dunia. Adalah menjadi kelaziman masyarakat pada zaman dahulu, mereka akan memeluk Islam apabila raja mereka memeluk Islam. Ada kemungkinan besar masyarakat Afrika di Ethopia sudah memeluk Islam secara beramai-ramai. Hal ini selepas raja mereka memeluk Islam,

iaitu lebih awal daripada orang Arab di Madinah, ataupun di tempat lain yang memeluk Islam. Penghijrahan ke Ethopia berlaku lima tahun selepas Nabi s.a.w. dilantik, lama sebelum pembukaan Kota Makkah.

Rasisme

Kepercayaan sesuatu bangsa itu adalah mempunyai kebolehan, kekuatan, dan kelebihan berbanding bangsa yang lain. Biasanya, fahaman ini diutarakan dengan tujuan bagi menguasai, mengawal, ataupun merasionalisasikan tingkah laku, tindakan, dan kepercayaan yang dimiliki terhadap bangsa lain. Rasisme juga berkaitan dengan stereotaip, generalisasi, dan label melabel terhadap bangsa lain, seperti menganggap semua orang dari bangsa tertentu pemalas ataupun bodoh. Bangsa yang lain pula rajin dan penipu. Manakala, sesuatu bangsa yang lain pula sebagai pembelit dan mudah berkhianat. Rasisme dikatakan menjadi punca kepada krisis dan konflik sesama manusia, yang mengakibatkan peperangan, kezaliman, dan bertingkah laku tidak adil terhadap bangsa lain.

Al-Quran mencatatkan tentang tujuan Allah s.w.t menciptakan pelbagai bangsa di dunia adalah supaya setiap bangsa belajar daripada kekuatan dan kelemahan masing-masing dan berusaha membina bangsa sendiri. Penciptaan pelbagai jenis bahasa yang dituturkan oleh umat manusia pula adalah satu tanda kebesaran dan keagungan Allah s.w.t.. Allah s.w.t. menyatakan:

> Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami sudah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami sudah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan suku puak, supaya kamu saling berkenalan. Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah adalah orang yang paling bertakwa antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya.
>
> (Surah *Al-Hujurat,* ayat 13)

> Dan antara tanda-tanda kekuasaan-Nya adalah kejadian langit dan bumi, dan perbezaan bahasa kamu dan warna kulit kamu. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan bagi orang yang berpengetahuan.
>
> (Surah *Ar-Rum*, ayat 22)

1

Berkenal-Kenalan

Cinta Itu Aneh dan Dungu

Cinta itu buta. Bukan sahaja buta, malah pekak, bisu, dan dungu. Apabila seseorang jatuh cinta, kuasa fikir dia akan menjadi lemah. Tetapi, kuasa emosinya akan menguasai diri. Jatuh cinta memang indah. Semua nampak bersinar-sinar. Pokok-pokok pun nampak lebih hijau. Sinar matahari pun nampak bergemerlapan. Burung-burung bagaikan menyanyi, bahkan menyokong cinta buta yang kita sedang alami. Angin yang bertiup tidak terasa sejuk. Semua yang ada di sekeliling kita tampak indah daripada biasa.

Waktu itu, pasangan kita nampak serba kena. Cakapnya, bajunya, perkataan-perkataannya, senyumannya, dan gaya berjalannya, semua kita suka. Yang muka berjerawat pun kita nampak macam licin, yang hitam boleh jadi putih, dan yang gemuk nampak kurus. Apa yang kita cakap dengannya terngiang-ngiang di telinga apabila ada di mana-mana. Kalau berjumpa, tidak cukup sejam dua. Tidak hairanlah kalau bil telefon melambung-lambung (zaman belum ada WhatsApp percuma, e-mel, ataupun skype). Pendek kata, jatuh cinta memang indah. Maklumlah syaitan menampakkan perbuatan berbahaya itu mengasyikkan.

Cinta memang pelik, aneh, dan ajaib. Yang buta boleh jatuh cinta kepada yang celik. Yang bersuara boleh jatuh cinta kepada yang pekak. Si pendek jatuh cinta kepada si tinggi. Yang gemuk bercinta dengan yang kurus. Apatah lagi yang cantik, kacak, bergaya, kaya, pendek kata ada segala-galanya. Mudah jatuh cinta. Lalu, ramai orang cuba mentafsirkan "jatuh cinta". Kenapa "jatuh" bukan "naik cinta"? Adakah kerana seseorang yang jatuh cinta dalam keadaan sakit?

Ada cinta terlarang, cinta separuh jalan, cinta membawa ke mati, cinta sampai mati, cinta tidak kesampaian, dan juga cinta bertukar-tukar pasangan. Aneh! Perkara yang sering dikaitkan dengan cinta.

Sebagai seorang Muslim yang baik, lelaki dan perempuan tidak digalakkan bercinta sebelum kahwin. Muslim digalakkan berkahwin, malah ada dalam situasi tertentu seseorang diwajibkan berkahwin. Cinta perlu berakhir dengan kahwin, ataupun kahwin dahulu baru bercinta. Malah, dalam Al-Quran menyatakan pemuda-pemuda dalam masyarakat perlu dikahwinkan apabila tiba masanya.

Perkahwinan dicipta oleh Allah s.w.t. dalam syurga. Tiada siapa yang tahu dengan siapa dia akan berkahwin. Apabila seseorang berkahwin, kedua-dua pasangan perlu berusaha menguruskan perkahwinan mereka supaya bahagia. Banyak perkahwinan gagal pada pertengahan jalan, kerana kedua-duanya tiba-tiba terasa cinta mereka sudah bertukar menjadi benci. Anehnya cinta.

Dalam usia lima ataupun enam tahun, aku sudah mengenal erti perkahwinan melalui main masak-masak ataupun main kahwin-kahwin. Yang jadi suami biasanya budak lelaki sebelah rumah. Adik kecil aku akan jadi anak. Abang aku pula akan jadi pak cik. Watak ini pula silih berganti. Kadang-kadang kami masak pasir dalam tin sardin ataupun tin susu sebagai periuk. Manakala rumah pula dibuat daripada kain selimut lama yang hujungnya diikat pada tali, dan tali diikat pada pokok. Indah kenangan itu kerana belum siap masak nasi olok-olok, sudah kena jerit dengan emak. "Balik makan nasi!"

Apabila sudah besar, isu perkahwinan jarang sekali menjadi sumber angan-angan. Ini kerana kebanyakan masa, aku sibuk belajar, belajar, dan belajar. Daripada SPM, STPM, Sarjana Muda, dan Sarjana. Aku memang suka belajar. Hujung minggu biasa dihabiskan dengan pelbagai jenis kelas, seminar, kelab, dan pelbagai macam aktiviti. Antaranya, mengembara bersama kawan-kawan ke merata-rata tempat.

Oleh kerana aku bekas pelajar di sekolah yang semua pelajarnya adalah perempuan, aku memang takut kepada lelaki. Jika berbual-bual bersama lelaki, semua badan akan menggeletar. Biasanya aku mengelak untuk berbual bersama-sama lelaki. Mungkin kerana haram di sisi agama, mungkin juga aku penakut. Tidak pernah terfikir walau sedetik ataupun

secubit pun aku akan berkahwin dengan seorang manusia asing, dari benua asing.

Aku pernah bertanya suami, "bagaimana kita berdua boleh terkahwin?" Pernah ataupun tidak semasa kecil, awak berangan-angan, "Apabila aku besar nanti, aku akan pergi ke Malaysia dan kahwin dengan orang Malaysia."

Jawapannya membuat aku ketawa panjang. "Sebenarnya, Malaysia pun saya tidak kenal. Adalah saya tengok dalam peta dunia. Itupun selepas mendapat surat tawaran untuk belajar. Kecil sahaja pun. Sebelum itu, saya sepatutnya menyambung pelajaran ke Tunisia. Sudah beli tiket kapal terbang dan sudah berada di lapangan terbang. Visa pun sudah ada. Belum sempat naik kapal terbang, kami diberitahu ada pemberontakan di Tunisia. Semua penumpang diarah berpatah balik."

Aku pula yang ketawa. "Kalau tidak, entah-entah awak kahwin dengan orang Tunisia."

Benarlah, perkahwinan dicipta dalam syurga.

Berkenalan dengan Negro

Aku menyambung pelajaran di sebuah universiti yang mempunyai pelajar daripada pelbagai bangsa. Itu adalah pertama kali aku melihat manusia dengan pelbagai warna kulit dan rupa dari dekat. Tetapi entah kenapa aku benci orang Afrika. Alamak! Hitamnya kulit mereka. Darjah kehitaman itu berbeza-beza pula. Hidung penyek-penyek. Muka pelik-pelik. Bentuk muka hodoh. Bulu roma mesti panjang-panjang. Geli apabila aku membayangkan. Pakaian mereka pelik-pelik pula. Giginya... ahh gigi sahaja yang putih. Nasib tapak tangan pun putih. Anak mata hitam. Tepi-tepi putih. Mulut tebal. Aku benci tengok Negro. Tak suka. Meluat dalam hati.

"Kenapa benci?" tanya rakan sebilik.

"Entah. Tak ada sebab. Saja benci," jawabku sombong.

"Sebab muka mereka hodohkah?" tanya kawanku lagi.

"Tak baik kau ni," nasihat kawanku lagi.

"Mungkin aku pernah tengok Negro di Chow Kit. Kasar. Besar. Cakap ***hoha-hoha*** macam anak raksasa. Walaupun yang di universiti ramai yang baik-baik dan bersopan

Benua orang hitam. Allah mencipta benua orang putih, orang kuning, orang coklat, orang bermata sepet dan pelbagai rupa dan warna manusia. Pemandangan di Pekan Minggu, Kenya.

santun, tetapi semua serupalah mereka ini," jawabku sinis.

"Entah datang dari hutan mana. Kenapalah kerajaan kita bagi mereka datang ke Malaysia? Entah-entah pengedar dadah," prasangka buruk dan rasis. Itulah aku.

Oleh kerana gagal dalam ujian bahasa Inggeris, aku terpaksa mengambil mata pelajaran bahasa Inggeris dan menjadi satu *assignment* kami disuruh mengelak berbual dengan bangsa sendiri. Sebaliknya, semua disuruh bercakap dengan orang asing.

Siapalah agaknya yang akan menjadi mangsa mendengar bahasa Inggeris aku yang tergagap-gagap ni?

Makan Pisang

Suatu hari, aku terjumpa seorang Negro di kantin. Kami menggelar mereka Mat Kopi. Sempat juga berbual-bual. Dia seorang pelajar yang menyambung pelajaran di

Menu makan tengah hari. Pisang dilenyek dan dikukus, dimakan bersama nasi dan ayam belanda (turkey) masak tomato dan kacang tanah masak tomato. Perhatikan tikar yang digunakan sama seperti tikar anyaman yang terdapat di negara kita tetapi tikar ini dibuat daripada sejenis daun seperti pandan.

sini. Aku bertanya asal usul negara. Otak aku yang lembab bab geografi ini sibuk berfikir tentang di mana kedudukan negara si Mat Kopi dalam peta dunia, tiba-tiba terpacul soalan tentang makanan.

"Orang-orang di negara awak makan apa? Aku bertanya ingin tahu.

"Makan pisang," jawab beliau.

"Apa punya manusia makan pisang. Itu monyet," perkataan yang sungguh kurang sopan tersembul dari lidah yang banyak berdosa.

"Hahaha..." aku ketawa panjang.

"Makan pisang itu bagaimana?"

Si Negro beritahu pisang itu kena rebus dan penyek. Selepas itu makan dengan kari.

"Hahaha..." ketawa lagi.

"Apa? Awak makan pisang lenyek? Tak pernah saya dengar seumur hidup. Lagi, awak makan apa?"

"Makan ubi, makan jagung, makan macam orang Malaysia makan juga."

"Kami makan nasi. Kami makan roti. Awak makan pisang, jagung, dan ubi. Mana sama," jawabku.

Negro tumpang ketawa.

"Makanan adalah makanan. Tujuan utama kita makan adalah bagi mengisi perut. Yang penting, makanan itu halal, seimbang, dan hemm... sedap. Kenapa awak ketawa fasal makanan kami?" tanya si Negro.

"Lucu pulak, makanan awak pisang..." aku bercakap dalam nada mengejek.

Kena Sebiji

Kali ini aku berjumpa dia lagi. Aduh! Si Mat Kopi ini. Teringin betul aku bertanya bermacam-macam soalan. Seronok juga. Sebab, dapatlah praktis belajar bahasa Inggeris. Kalau bercakap dengan bangsa sendiri, nanti kena kutuk. Kalau berbual dengan orang asing, salah tatabahasa pun tidaklah terasa malu sangat. Kan...kan...

"Negara awak macam mana? Banyak orang mati kebuluran, orang kurus-kurus macam jerangkung."

"Hahaha..." si Negro ketawa besar.

"Awak tengok televisyen rancangan apa?" tanya si Negro.

"Macam-macam. Ada berita. Ada rencana. Semua rancangan tunjuk negara awak miskin, tak ada makanan, kebuluran, perang..."

"Awak pernah pergi mana-mana negara Afrika? tanya dia lagi.

"Belum," aku menjawab.

"Tahu tak negara saya, rakyatnya mati kekenyangan. Emak saya ada penyakit darah tinggi dan bapa saya sakit kencing manis. Ini semua penyakit orang kaya, kan?"

"Jadi, awak orang kaya?"

"Saya tidak kaya. Tetapi tidak adil untuk beritahu negara saya orang kebuluran, sedangkan awak belum pernah pergi ke Afrika."

"Negara awak panas, ke?

"Tidaklah. Negara kami sejuk. Malaysia ini panas. Tidak tahan saya duduk di Malaysia ini."

"Ehh... Biar betul. Negara awak sejuk? Ada salji?"

"Ada beberapa tempat yang ada salji macam di kawasan pergunungan," jawabnya.

Kursus motivasi disebuah hotel yang sempat aku hadir kerana dijemput oleh kawan suami. Tidak ada pula yang kurus dan tidak makan. Hipotesis orang Afrika kurus kerana tidak ada makanan gagal.

"Oh... yakah? Berapa darjah Celsius?"

"Ada dalam 16 hingga 22 darjah Celsius. Kalau di kawasan pergunungan, boleh jadi negatif."

"Sejuk juga, eh!"

Kenapa Negro Hitam

Sudah beberapa kali aku berbual-bual soalan pun, semakin bertaraf kurang ajar. Peduli apakan?

"Tempat awak sejukkan. Kalau macam itu, kenapa awak hitam?" aku bertanya selamba.

Si Negro ketawa. (Apa punya soalan kurang ajar, agaknya).

"Kenapa awak tanya?"

"Yelah, bukankah awak hitam sebab cuaca di negara awak panas?"

Hahaha. Si Negro ketawa lagi.

"Awak tak belajar geografi ke?"

"Hahahah..." Aku ketawa sebab terasa macam bodoh sangat.

Ladang teh sepanjang jalan ke Kenya. Cuaca di luar sejuk dan berangin. Pemandangan sangat menakjubkan kerana keluasan ladang teh yang menghijau berbukit-bukit beberapa kilometer jauh. Hipotesis manusia hitam kerana cuaca panas gagal lagi.

"Belajar geografi masa dulu-dulu, tapi sudah lupa," jawabku.

"Orang kulit gelap bukan sebab duduk di cuaca panas. Awak ingat kalau kita letak orang Melayu di tempat Eskimo 100 tahun, mereka akan jadi putih?"

"Hahaha...," mungkin jugak.

"Gelap atau putih, itukan ciptaan Allah. Allah ciptakan manusia dengan pelbagai rupa dan warna, bukan kerana pengaruh cuaca. Kalau awak letak orang Cina di negara panas, mereka tidak akan jadi hitam."

"Habis tu, mereka jadi apa?" aku pula yang bertanya.

"Jadi matilah. Sebab panas. Kawan saya beritahu, ramai orang China yang bekerja di negeri Arab, lari kerana tidak tahan panas. Kulit dia tidak jadi hitam pun."

Emm... alahai. Dahlah tidak belajar geografi dengan betul. Tidak tahu asal-usul manusia.

Ingatkan orang kulit hitam kerana negara dia panas.

Mainan Gadis Bujang

Kawan-kawan yang pernah mengenali aku, tahu aku seorang manusia degil dan keras. Umur pun sudah sepatutnya berkahwin. Tetapi entahlah, memilih sangatkah aku?

"Nasiblah siapa yang akan kahwin dengan kau," kata rakan baikku. Dia sudah bertunang dan akan berkahwin.

"Siapalah agaknya calon suami kau," kata rakan serumahku yang seorang lagi. Mengejek.

Pada hujung minggu, biasanya kami kumpul beramai-ramai di rumah sewa aku, termasuk kawan-kawan bujang dari tempat lain. Kadang-kadang kami beramai-ramai ke pantai ataupun ke mana-mana melawat kawasan pelancongan.

Malam itu, kawan aku yang paling nakal mengajak kami main satu permainan. Permainan meneka siapa calon suami. Permainan "gadis gatal" kataku.

Caranya, ambil sehelai rambut daripada pemain yang akan bermain, masukkan rambut dalam lubang jari cincin, biarkan tergantung, dan kira berapa kali cincin itu berayun (Macam bandul dalam mata pelajaran fizik). Cincin kawanku ini dibawa dari Makkah. Jadi, kononnya darjah kesahan dan kebolehpercayaannya lebih tinggi. Tetapi tafsirannya bergantung kepada ketua permainan malam itu, yang kami panggil "tok bomoh." Mula-mula kami cuba pada kawan yang sudah bertunang. Tetapi cincin itu tidak berayun langsung. Semua ketawa gamat sekali.

"Itu tandanya kau sudah ada calon," kata tok bomoh.

"Tak boleh percaya khurafat," kami protes ramai-ramai.

Macam main *spirit* duit syiling pula. Bermacam-macam tafsiran, sehingga gamat betul. Suspen juga sebab permainan ini perlu dimainkan dengan menutup lampu dan hanya menggunakan lilin. Memang agak menakutkan. Kami semua duduk berkumpul dalam bulatan.

Kami cuba seorang demi seorang, sehinggalah tiba giliran aku. Apabila diletakkan rambut aku, cincin berayun tidak berhenti-henti. Kawanku yang menjadi pemimpin gadis-gadis gatal mencuba lagi, dan lagi. Sudah lima kali dicuba. Setiap kali cuba, cincin itu berayun tidak henti-henti.

"Kau tipu ya, tok bomoh. Kau hembus kot, patutlah tak berhenti-henti," kataku.

"Mana ada," sahutnya.

Semua menunggu penuh debaran kerana ayunan cincin aku paling pelik tingkah lakunya.

"Oii, apa tafsirannya, sudahlah?" kataku tidak sabar.

"Kenapa cincin tak berhenti-henti? Kau yang ayunkan?"

"Nanti sekejap tok bomoh nak buka kitab," katanya. Kami ketawa berguling-guling melihat gelagat kawanku tadi. Dia memang seorang yang pandai melawak dan merapu. Memang macam real saja. Selamba dan spontan.

"Kau akan berkahwin dengan lelaki jauh, oii jauhnya. Mungkin orang Arab ataupun Mat Salleh yang tersesat ke Malaysia. Dahsyat ini calon suami kau. *Made in oversea*." Gamat betul kami ketawa malam itu. Aku tersengih-sengih di buli kawan-kawan serumah. Merepek. Khurafat. Bohong. Aku menyumpah-nyumpah dalam hati.

Jatuh Tersuka

Oleh kerana sudah terbiasa berdebat di sekolah, dengan siapa sahaja aku suka berdebat. Lelaki yang ingin mengahwini aku mestilah sanggup berhujah dengan aku. Aku malas menghormati lelaki malas dan kurang ilmu. Yang penting, kau mesti sabar. Aduh! Adakah lelaki Melayu sebegini? Aku belum bertemu setakat ini. Soalan-soalan yang aku tanyakan membuat orang pening. Suatu hari aku berhujah bersama pensyarah dalam bidang agama tentang penciptaan Nabi Adam a.s., melarat kepada peranan wanita dan khalifah di muka bumi. Sehingga dia tidak tahan dan menggunakan teknik mematikan hujah dengan menyerang peribadi.

Ada seorang Negro ini membuat aku tertarik. Aku belum berjaya mematikan hujahnya. Apabila dia mengeluarkan ayat Al-Quran dan hadith, terus aku kalah. Tetapi, jawapannya lembut dan tidak menyakitkan hati. Benar-benar aku jatuh tersuka. Sekali peristiwa aku baru balik mengerjakan umrah. Aku pergi ke Makkah sendirian tanpa muhrim. Aku hanya menumpang muhrim orang lain yang diuruskan oleh syarikat pelancongan. Aku terjumpa dengan Negro itu, lalu kami bersembang tentang Makkah dan Umrah. Si Negro itu pun rupa-rupanya sudah pernah berumrah. Hadiah daripada kerajaan Arab

Saudi kerana menjadi pelajar terbaik universiti.

"Apa perasaan kamu masa mula-mula melihat Kaabah?" tanya aku.

"Rasa sedih, rasa terharu sangat, dan *feel very touching*," dia beritahu.

"Oh... begitukah? Aku sedikit keliru.

"Benarkah bagaimana pada mula-mula kita melihat Kaabah menunjukkan tahap iman kita?" aku bertanya.

"Tidak semestinya. Kenapa awak tanya?"

"Saya malu nak beritahu. Apa pandangan kamu kalau saya melihat Kaabah, saya rasa macam lahhh... macam ini saja Kaabah. Ingatkan macam mana..."

"Okay saja. Tak ada masalah," katanya.

"Tak ada masalah. Bukankah ini suatu masalah?" tanya aku balik. Rasa kecil sahaja. Sudah berhari-hari selepas balik dari umrah, aku berfikir tentang hal ini. Tidak tahu kepada siapa yang patut aku tanyakan.

Adalah peristiwa pelik lain yang aku alami di Makkah semasa berumrah. Misalnya, peristiwa ditolak oleh seorang wanita Negro dan diselamatkan oleh seorang perempuan Negro. Kalau tidak, aku tentu mati terpijak. Peristiwa pengsan dalam Masjidil Haram.

"Kamu tahu tak Saidina Umar Al-Khattab r.a. pun fikir macam kamu. Sampai dia pernah berkata, aku buat ini semata-mata kerana aku lihat Rasulullah s.a.w. buat. Dulukan Kaabah penuh dengan berhala. Jadi, Umar melihat zaman transisi daripada menjadi tempat menyembah berhala kepada rumah suci orang Islam," jawapan Negro itu menghilangkan segala kesusahan dan kerisauan dalam hati.

Aku tertanya-tanya, adakah aku ini seorang manusia yang benar-benar beriman?

Sebenarnya si dia ini tidak pernah mengaku dia hafaz Al-Quran. Tetapi, aku selalu bertanya. Ayat apa cerita pasal *Rakeem*? Secara automatik dia akan membaca dan memberitahu daripada surah apa? Ayat apa tentang anak yatim? Dia akan beritahu beberapa ayat dan membacakannya untuk aku. Ahh. Seronok betul menguji orang, ya. Bagaimana kita nak bahagikan harta kalau si mati tidak ada anak lelaki? Bagaimana manusia masa hari kiamat kalau dia makan riba? Pendek kata, tanyalah di mana ayatnya dan surahnya, dia akan bacakan dan beritahu. Macam ensiklopedia

bergerak. Aduh! Hormat aku melantun-lantun.

Si Negro ini juga pernah mengajak aku bertemu. Cis! Kau ingat, aku ini siapa? Aku biarkan dia menunggu tiga jam, kadang-kadang lima jam. Kalau mahu jumpa aku, kau kena tunggu. Kalau tidak mahu, kau boleh belah! Ada lagi kerenah-kerenah nakal melayan Negro yang sukakan aku. Konon jual mahal. Akhirnya, aku jatuh tersuka. Aduh mak!

Kau Ingat Senang

Jalan cerita ini begitu panjang, berliku-liku. Sukar juga sebenarnya. Apa kau ingat senang orang macam aku memilih lelaki? Kalau tidak, tentu aku sudah kahwin awal. Aku pun bukan lawa. Cuma, aku terlalu cintakan diri sendiri. Tidak suka dianiayai orang. Tidak suka terluka. Aku kenal diri sendiri dan kenal semua kelemahan diri. Aku mahu suami yang begini, begitu. Ada spesifikasi, macam hendak beli kereta juga.

Waktu aku beritahu emak ayah yang aku suka dengan seorang Negro, mahu pengsan emak aku. Ayah aku berleter tidak habis-habis. Sekejap marah. Sekejap mengamuk.



Ibu Negara Uganda, Kampala.

Sabar sahajalah. Saudara-mara jangan ceritalah.

"Biar betul kak."

"Eii, kak."

"Janganlah, kak. Entah siapa-siapalah orang tu."

Pendek kata, macam-macamlah pandangan negatif.

Tetapi kalau aku beritahu emak dan ayah, aku suka seorang Mat Salleh, kacak macam Brad Pitt, agak-agak apalah jawapan emak dan ayah aku. Saudara-mara aku tentu tidak sabar-sabar mahu lihat si Mat Salleh itukan? Glamorlah katakan. Nanti dapat anak Pan Asia. Mata Biru-biru.

"Wah! Bestlah, kak."

"Cayalah, kak."

Orang kita. Rasis.

Waktu itu, ada seorang lelaki datang merisik. Lelaki Melayu. Aku beritahu emak tanyakan lelaki itu, dia khatam Al-Quran setahun berapa kali? Dia solat lima waktukah? Apa visi dan misi bagi membina keluarga? Emak aku mengucap panjang.

"Kamu pergilah tanya sendiri. Soalan itu orang tak tanya masa orang datang merisik."

"Aik, emakkan suka orang tu," aku mengejek.

"Kalau lelaki datang merisik, tanya kerja apa, kerja kat mana. Tanyalah solatkah. Baca Al-Quran tak. Hisap rokok pula. Saya benci orang merokok. Pantang tok nenek."

Saya berleter dengan emak pula. Bagi aku, lelaki merokok macam tidak boleh dimaafkan. Perangai buruk, menghembus asap macam tidak ada apa-apa.

"Amboi Negro kamu tu, hebat sangatkah," marah emak.

"Taklah, hebat. Tapi, dia hafaz Al-Quran. Tahu bahasa Arab, bahasa Orang Putih. Dia pun pelajar terbaik universiti. Orangnya pun baik sangat," (kalau kau sudah suka promosilah habis-habiskan?).

Lama jugalah peristiwa yakin meyakinkan ini.

"Tidak adakah yang putih-putih sikit?" suatu hari tiba-tiba ayat ini terpacul dari mulut emak.

"Mak, sehitam Bilal pun, dia ahli syurga."

"Amboi, Negro kamu itu ahli syurgakah? Kamu tahukah dia akan masuk syurga nanti?" jerkah emak.

"Mak tak mahulah kamu tinggal di negara luar. Hidup dan mati tinggal di Malaysia saja," leteran emak aku sudah dengar berulang-ulang kali. Tinggal di Malaysia. Tinggal di Malaysia. Itu sahaja yang emak mahukan. Ayah aku pula hanya mengikut emak. Putih kata emak, putihlah kata ayah. Begitulah semua isu dalam keluarga kami. Semuanya emak yang tentukan, walaupun dia bukan *Queen Control.* Ayah terlalu sayangkan emak. Pembuat keputusan yang akan menentukan nasib aku.

"Kalau dia nak duduk di Malaysia, emak okaykah? Walaupun dia hitam."

"Budak ni, bukan boleh dilawan cakap. Nak menang saja." Itulah kemahiran berdebat teragung. Emak terkena pukulan.

Akhirnya begitulah...

Berkahwin

Kenduri Kahwin

Perkahwinan aku macam orang lain juga. Ada adat merisik, kenduri, hantaran, dan akad nikah. Adat merisik diketuai oleh rakan suami dan kawan-kawan dari universiti. Dalam perbincangan ditetapkan tarikh dan mas kahwin. Wakil suami aku ialah seorang guru besar sekolah dari Malaysia sebab emak dan ayah aku tak tahu berbahasa Inggeris. Balik sahaja rombongan merisik, emak aku tanya lagi. Sudah beberapa kali dia tanya. Seolah-olah menunggu aku cakap "tidak jadi". (Pesan Rasulullah, kalau sudah membuat keputusan, bertawakallah).

"Betulkah, kau nak kawin dengan Negro tu."

Sama ada emak tidak percaya dengan aku, atau emak tidak percaya yang dia akan dapat menantu orang kulit hitam. Nasib baik aku tinggal jauh dari keluarga. Kalau tidak, memang pedih telinga dan panas hati sahaja kena berleter hari-hari agaknya.

Akhirnya hari kenduri dan hari akad nikah pun tiba. Akad nikah di masjid dan kenduri di rumah. Perkahwinan aku tidak ada yang istimewa. Bahkan, aku berangan-angan ingin mencipta sejarah di kampung dengan melakukan kenduri yang orang belum pernah buat. Masak mihun dua atau tiga talam, hantar ke masjid selepas solat Jumaat. Akad nikah dan selepas itu makan mihun dan teh kosong sahaja. Tidak ada bunga telur, baju pengantin, pelamin, dan entah apa benda yang orang Melayu sibuk sangat. Aku pun tidak faham, bukan ada di zaman Rasulullah pun. Kalau masjid penuh sangat, buat di rumah tetapi panggil anak yatim dan orang tua-tua dari rumah orang tua-tua. Apa tidak boleh? Selepas kena marah dengan emak, aku berubah fikiran.

Emak hampir-hampir merajuk. Dia mahu kenduri kahwin gaya Melayu tulen. Ada bunga telur (kotak

cantik isi telur dibuang merata-rata, membazir betul). Ada nasi istimewa, pengantin makan atas meja khas, ada khemah, ada pelamin, jiran-jiran, dan sanak saudara jauh datang. Hanya duduk di atas pelamin aku berjaya tepis. Aku beritahu emak dengan baik-baik. "Emak, saya ini bukan barangan untuk pameran. Letak di atas rak macam di pasar raya, kemudian orang datang dan belek-belek. Menantu emak bukan *display item*."

Namun begitu, aku terpaksa juga setuju. Tidak apalah kenduri cara Melayu, biarlah dia menang pula kali ini. Kemenangan aku lebih besar. Tak apalah kalau kalah di medan Uhud sekali, untuk menang di Khandak, Ahzab, dan membuka Kota Makkah. Hahaha.

Sebenarnya, perkahwinan dengan warga asing ini banyak prosedur. Isi semua borang hantar ke jabatan agama. Aku diberi nasihat oleh ustaz di pejabat agama supaya jangan kahwin dengan Negro. Hahahah. Apabila suami aku masuk dan berbahasa Arab dengan beliau, terus ceritanya jadi lain pula. Borang itu kemudian dihantar ke pejabat Rabitah Al-Islami (berpejabat di PERKIM). Ayah aku dijemput datang untuk ditemuduga. Suami aku pula sudah kena temudga. Aku juga kena temuduga. Pendek kata, banyak betul temuduga. Isi borang itu ini. Akhirnya barulah dapat kelulusan.

Semua ini sudah takdir aku. Perkahwinan itu "made in the heaven". Belum pernah ada orang kampung kahwin dengan Negro. Akulah perintisnya.

Jiran-Jiran Bombastik

Kini dia menjadi suami, bakal bapa kepada anak-anak aku. Bulan pertama perkahwinan, ke mana-mana kami pergi menjadi tumpuan mata memandang. Ada yang sinis. Ada yang gembira. Ada yang senyum-senyum.

"Apa, sudah kurangkah lelaki Melayu?"

"Kenapa emak bapa dia boleh benarkan? ...ish ...ish ....ish!"

"Oii... kawan. Kau dah kahwin dengan negrokan? Betulkah?"

"Amboi, cari orang luar. Lelaki Melayu tiadakah?" tanya sahabat baik aku.

"Kalau ada gambar, bawalah ke sini nak tengok."

Pesan kawan-kawan, bekas kawan, kawan satu tempat kerja.

Semua teringin melihat wajah suami aku.

"Amboi, hebat sangatkah negro tu sampai anak kamu suka, sanggup kahwin?" jiran datang menyapa.

"Mak cik, suami saya ni macam manggis. Di luar saja hitam," saya mencelah.

Si suami pulak sudah dapat gelaran Mat Kopi, Mat Hitam, Mat Gagak.

"Amboi menantu kamu macam kopi," sahut jiran kepada emak.

Rasis sungguh bahasa. Mulut pun cabul betul. Belum ambil insuran agaknya. Berani sungguh seorang mak cik tua yang terkenal dengan bercakap tanpa berfikir bertanya kepada aku.

"Ular dia besarkah?" Aduh mak cik, soalan apakah ini? Tinggi sungguh daya ingin tahu makcik. Soalan setaraf Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Celaka betul. Kalau kecil atau besar, bukan boleh buat berniaga.

Awal Perkahwinan

Aku telah berjanji pada diri sendiri, aku akan belajar membaca Al-Quran dan Bahasa Arab. Setiap malam Encik Suami memeriksa tajwid aku membaca Al-Quran. Banyak kali ditegur. Kadang-kadang aku belajar menghafaz di dalam kereta.

Aku juga mula belajar bahasa Arab. Belajar perkataan asas. Merangkak-rangkak. Aku juga belajar bahasa Inggeris. Aku beritahu, malu juga bertutur dalam bahasa Inggeris kerana bahasa Inggeris aku tunggang langgang. Tatabahasa salah, selalu "is""was""were". Pening memikirkan kalau semasa, selepas, pada masa lepas, dan pada masa sekarang.

"Orang Inggeris sangat mementingkan waktu, sebab itu bahasa mereka mementingkan waktu," kata encik suami.

Ooo... begitu.

"Bahasa Inggeris awak sebenarnya sangat baik. Lagipun, apa nak dimalukan kalau tidak tahu berbahasa Inggeris. Kalau awak tidak fasih berbahasa Melayu, itu yang patut dimalukan. Lagipun, normal kalau kita kurang menguasai bahasa kedua."

Kata-kata ini meresap betul dalam kepala otakku yang kurang cerdik ini. Aku berasa begitu bersemangat untuk belajar bahasa Inggeris.

"Your english is okay since you are graduated from Malaysia...locally made," Encik Suami beritahu ada beberapa orang pensyarah beliau lulusan luar negara, tetapi bahasa Inggeris mereka kurang fasih.

Dua minggu selepas perkahwinan, ayahku meninggal dunia kerana kemalangan. Aku mendapat berita pada jam 3.00 pagi, pada bulan Ramadhan 1995. Dari Kuala Lumpur terus ke hospital. Dari hospital terus ke masjid dan terus ke tanah perkuburan.

Encik Suami banyak membantu. Dari hospital mengusung jenazah, memandikan, menyembahyangkan, mengangkat turun ke dalam liang, turun ke dalam liang, dan menimbus hingga ke akhir sekali. Jenazah selamat disemadikan hampir waktu berbuka. Encik Suami benar-benar letih, tersadai di tepi masjid. Ahli keluarga, jiran-jiran yang tidak sempat berkenalan bertanya-tanya.

"Negro mana di kubur tu. Dialah yang paling teruk sekali, dari mula sampai habis."

Ada yang berbisik, "Dia menantu si mati."

Makan Pisang Lenyek

"Saya teringin nak rasa makanan yang pernah awak sebut dulu. Pisang lenyek."

Encik Suami memberitahu pisang itu tidak ada di Malaysia, tetapi boleh cuba. Beliau ke pasar Chow Kit dan membeli seikat pisang tiga suku masak yang masih hijau.

"Oh! Pisang lenyek tu pisang hijau masak dulu ke?"

"Ya. Awak ingat, apa?"

"Ingatkan pisang masak lenyek macam nak buat kuih cekodok."

"Kuih cekodok. Apa tu?"

"Tak apalah, nanti saya buat cekodok. Baru awak tau."

Pisang merupakan makanan asasi. Pisang bakar memang sedap dimakan panas-panas dalam cuaca sejuk. Pak Mertua lalu pun dah tak nampak. Pisang dimasak dengan pelbagai cara sama ada dikukus, dibakar cuma pisang goreng celup tepung aku belum nampak. Rasa macam pisang tanduk. Harga 5 biji RM2-3.00.

Dia membuang kulit pisang dengan pisau. Oleh sebab masih muda, kulitnya bukan dikoyak macam kita makan pisang, sebaliknya dihiris dan dibuang. Tinggal isi pisang yang di tengah sahaja. Pisang itu kemudian direbus. Dia mencucuknya dengan garpu supaya berpecah-pecah besar. Betul-betul macam kentang rebus.

Encik Suami kemudian memasak kari daging dengan tomato. Masakannya memang menyelerakan. Kami makan berdua sahaja. Boleh tahan. Saya tidak ketawa lagi, tetapi makan banyak juga. Ini rasanya pisang lenyek dengan kari daging. *Not bad at all.* Petang itu, saya cirit birit. Encik Suami beritahu, "Saya risau tengok awak makan banyak. Sebenarnya, rasanya tak sama dengan pisang di negara saya. Pisang Malaysia banyak asid dan rasa masam. Ini agaknya sebab awak sakit perut. Mari ke klinik dulu."

Sejak itu, pisang lenyek itu tidak pernah menjejakkan kaki di dapur kami lagi.

Ada Aku Kisah?

Waktu itu, aku sudah berkahwin beberapa bulan. Aku suka berbual-bual dengan pensyarah aku, seorang profesor dari Pakistan. *A World Class Professor* yang pernah bekerja di University of London. Dia selalu bercerita dengan bangga dia tinggal di London dan mempunyai rumah di sana. Dia pernah beritahu dia suka dengan aku sebab aku seorang sahaja yang berani melawan cakap. Pelajar yang lain tidak mencabar langsung (hahaha..). Dia pernah mengajak aku ke rumahnya, dan menyuruh isterinya masak masakan Pakistan.

Suatu hari di dalam kelas, dia memuji-muji keindahan senibina Islam Taj Mahal yang katanya sangat hebat. Semua pelajar pun menambah gula di sana-sini supaya lebih manis. Semua suka bodek. Tiba-tiba dia bertanya aku, "*Sister, what do you think of Taj Mahal?*" Dari tadi aku berdiam diri. Inilah masanya aku melepaskan bom yang sudah lama terpendam.

Aku beritahu dia, kemegahan Taj Mahal itu dibina atas penderitaan begitu ramai manusia. 20 ribu orang, 22 tahun, dan belanja yang begitu besar hanya untuk membina sebuah kubur. Hanya kerana nafsu dan cinta seorang suami kepada isteri. Bukankah 20 ribu orang itu, rakyat miskin yang juga ada keluarga dan anak isteri?

Aku membuat kesimpulan, *"All significant structures in this world were*

built on human suffering. So, what is the point of we admiring them?" Muka profesor aku kelat dan masam. Kelas hening seketika.

Tetapi, hari itu ceritanya lain. Dia baru tahu aku sudah berkahwin dengan seorang Negro. (Aku tidak menjemputnya menghadiri kenduri perkahwinan kami).

"Kenapa awak kahwin dengan Negro? *They are bad people.*"

Dia bercakap macam bapa sayangkan anak dan sedang menasihatkan aku. Aku berasa sangat terkejut dan tidak tahu apa yang perlu dicakapkan. Bagaimana aku akan jawab soalannya itu. Tidak sangka perkataan demi perkataan rasis keluar dari mulutnya. Seorang profesor bertaraf dunia yang selalu bercakap pasal Islam. Islam mementingkan keadilan. Islam tidak memandang warna kulit. Islam untuk dunia, bukan untuk suatu bangsa. Pendek kata, Islam itu dan ini. Tetapi hari itu, butir-butir perkataan yang keluar dari mulutnya bagaikan racun.

"*You know in the UK, Negroes are so many. Very poor. In the US, Negroes are criminal. Many Negroes in jail.*"

Semua perkataannya menghina dan berbau perkauman yang kuat.

"*Why you did not tell me you like Negro? I should find a good husband for you.*"

"Masya Allah. Masya Allah. *Prof... Prof... Excuse me. Can I say something?*"

Kerongkong terasa tersekat. Aku tahan-tahan air mata yang hampir jatuh. Dalam sebak, sempat aku memberikan pukulan kepadanya.

"*If Allah make this world kiamat and I live again for the second time, I will marry the same Negro. I am sorry.*"

Aku keluar dari biliknya tanpa mengucapkan apa-apa. Tanpa menoleh ke belakang sambil menghempas pintu. Aku menangis sesedihnya di atas tangga. Adakah aku sudah melakukan kesalahan dengan mengahwini seorang Negro? Adakah salah petunjuk solat isktikharah yang aku buat?

"Ya Allah, salahkah cara aku berfikir. Salahkan tindakan aku ini? Berilah aku petunjuk-Mu."

Sejak hari itu, aku cuba mengelak untuk berjumpa dengannya. Sehingga suatu hari aku terjumpanya di tepi koridor. Penyembuh luka yang terbaik adalah masa. (*Time is a healer*). Luka hatiku pun sudah semakin sembuh.

"*Sister, I am really sorry for the other day.*"

Pemandangan di Uganda dari atas tingkap kapal terbang.

"Its okay, Prof. I have forgotten everything."

"Now, I know who is your husband. If that is the guy, I totally agree with you."

Tetapi, ada aku kisah?

Ya Allah, ampunkanlah dosa Prof. aku, tempatkanlah dia dalam kalangan orang-orang beriman. Dia meninggal dunia selepas beberapa tahun pulang ke Pakistan sekitar tahun 2000.

Hak Bumiputera

Encik Suami seorang yang sangat lemah lembut dan penyabar. Beliaulah tukang basuh pinggan, basuh baju, dan kemas rumah. Tukang sikat rambut, seterika baju, dan masak. Aduh! Bahagianya jadi bini si Negro. Adik-adik aku, sanak saudara, jiran, dan sahabat melopong melihat. Cemburulah tu!

Suatu hari yang bahagia, aku sedang berbual-bual dan bertanya kisah tentang masa depan keluarga dan masa depan kami berdua. Wajah Encik Suami agak sedih dan muram.

"Sebenarnya, ada satu perkara saya nak beritahu awak. Dulu sebelum kahwin, saya sudah berjanji dengan emak awak yang saya akan tinggal di Malaysia dan tidak akan bawa anaknya balik ke kampung saya. Sekarang, saya rasa tak tahan."

"*Actually I feel I did not belong's to this country.*"

"Ehh! Janganlah. Saya nak duduk di Malaysia sampai mati. Saya tak nak tinggalkan keluarga saya. Dulu syarat pertama sebelum kahwin, awak mesti tinggal kat Malaysiakan? Awak tak boleh mungkir janji, nanti munafik."

"Tapi, saya tak tahan dengan orang Malaysia," katanya sedih.

"Tak boleh, awak mesti kuat. Awak dah janji dengan saya, dengan emak," aku hampir menangis.

"Saya rasa tak boleh lama di Malaysia. Sebab orang Malaysia ni rasis."

"Rasis? Bagaimana?" tanyaku.

"Ada beberapa peristiwa menyebabkan hati saya terluka," jawab encik suami.

Suami aku ini, memang jenis manusia yang tidak suka bercerita. Kalau dia bercerita atau memberitahu sesuatu, mestilah perkara itu benar-benar bermakna atau terlalu berat bagi dia.

"*I'm sorry for you on behalf of Malaysian. What happen? They did something bad to you?*"

"*I was in the office van. All of them are Malays. Then they started to said in Malay. They think I don't know Malay.*"

"*I am sorry for you. What they say?*"

"*Something like I marry you because I want Bumiputera right. I want to take advantage from you. Many-many bad things. I really feel hurt. Do you think I want those things when I want to marry you. I don't even know what is that bumiputera.*"

"*Hemm... that's bad. I don't know that Malay can say such things. Maybe in your office only.*"

Aku tidak tahu bagaimana hendak menyatakan simpati kepada Encik Suami. Cuma, kasihan sahajalah.

Kisah dalam LRT

Hari itu, Encik Suami berwajah sedih. Terbenam di dalam sofa. Duduk diam memandang dinding kosong.

"*What's wrong with you,*" aku bertanya.

"Are you okay?"

"You know what, I think I have to go back to my country. Soon when I finish my study."

"No. No. Please. Last time you said you will stay here? You promise me. You cannot break your promise," aku hampir menangis. Bila darjah kenormalan sudah kembali aku bertanya.

"Sebenarnya, apa yang berlaku sampai awak tiba-tiba nak balik negara awak ni?"

"Tadi dalam LRT, ada orang ramas-ramas kepala saya. *You know very painful.*"

Aku yang tidak memahami perkara ini ketawa kecil.

"Haha... Kenapa orang tu buat macam tu? Dia syok nak rasa pegang kepala you kot."

"Eh. No. In my culture, thats very-very big. It is like insult. You cannot touch someone's head like that. If you do like that, you can get a punch."

"Mungkin dia teringin rasa rambut awak. Rambut awak ini, *in my culture very-very special.* Mungkin dia teringin nak rasa rambut *afro* awak tu. Jangan la kecik hati. Benda kecik saja. Mesti budak-budak saja ni."

Gadis-Gadis Tidak Tahu Malu

Suatu hari, kami sedang makan di meja.

"You know, I have something to tell you. But, actually I feel very embarrassed."

"Apa lagi kali ini?"

"There is group of college girl looking at me and talk in Malays language about my things."

"You mean, your private thing?"

"Hahaha..." aku tergelak kecil. *Depa* cakap apa pulak. Aku berbahasa Kedah.

"They said, 'Negro ni mesti ada kemaluan besar dan ketawa beramai-ramai.'" (Dia bercakap dalam bahasa Melayu memberitahu aku).

"I feel so embarrassed. Maybe they think I don't know Malay. I don't know how to make my face... very-very bad."

"Kenapalah awak malu? Patut masa nak turun dari LRT tu, awak tanya."

"You all semua nak tengok ke kemaluan saya?" aku mencabar.

"Takkan lah saya nak cakap macam tu," jawab Encik Suami.

Kesian encik suami. Dia ini ustaz. Sangat terkenal kerana seorang yang sopan dan pemalu. (Aku rasa macam tidak percaya aje).

Oleh sebab budak-budak perempuan kolej yang tidak tahu malu, terpaksalah aku meminta maaf beribu-ribu kali bagi pihak kerajaan Malaysia dan rakyat Malaysia semua kepada Encik Suami. Malunya aku kepada si Negro. Malunya ada wanita-wanita muda yang tidak tahu malu. Yang penting, janganlah balik ke negara asal kerana peristiwa-peristiwa kecil dari budak-budak hingusan.

Aku ada tanggungjawab besar untuk keluarga yang masih banyak. Adik-adik masih kecil. Aku telah terkahwin dengan encik suami. Seorang Negro yang lemah lembut, bersopan-santun, baik hati, penyabar, dan hafiz Al-Quran.

Rasisme

Mengandung Anak Pertama

Aku mengandung anak pertama. Kawan-kawan di tempat kerja sibuk menasihatkan aku dengan pelbagai petua. Kau makan ini. Kau minum ini. Kau minum air soya banyak-banyak. Nanti anak kau putih. Jangan makan kicap, nanti anak kau hitam.

Kalau dah bapanya Negro, emaknya Melayu berkulit sawo matang, takkan minum air soya setempayan besar boleh mengubah warna kulit. Dulukan kau belajar teori Mendel dan teori Genetik. Dominan versus resesif. Yang mana dominan, yang itulah yang akan mencorakkan rupa dan wajah anak-anak. Lagi pun, kenapa hendak putih atau hitam? Bukankan manusia sama sahaja di sisi Allah. Bukankah Allah menilai iman, amal, dan takwa?

Orang kita ini, kadang-kadang obses dengan warna kulit. Tengok iklan *Fair and Lovely*. Tengok iklan Qu putih. Sejak akhir-akhir ini, macam-macam produk memutihkan kulit. Pendek kata, perniagaan memutihkan kulit di Malaysia ini sangat menguntungkan. Apabila aku beritahu Encik Suami, dia ketawa besar.

"*There is such things in your culture*?"

"Tapi, saya tidak mahu anak saya putih. Anak saya mestilah anak saya. Kalau putih itu, bukan anak saya," kata suamiku, keras dan tajam.

Anak Pan Afro Lawan Anak Pan Asia

Kawan-kawan aku ini ada juga yang bermulut seperti longkang. Busuk.

"Kau tak risau ke dengan siapa anak kau akan kahwin nanti?" tanya kawan baikku. Oleh sebab dia kawan baik, aku bersangka baik sajalah. Dia

prihatin kepada anak aku. "Nanti anak kau kulit gelap." (Dalam erti kata lain, tidak cantiklah, bukan?)

"Entahlah, kawan. Aku pun belum lagi fikir sampai setahap itu. Aku baru mengandung, belum nampak rupa anakku."

Tapi soalan-soalan begini makin menjadikan aku sensitif. Kepada siapa lagi tempat saya bercerita kalau bukan kepada Encik Suami. Katanya, jodoh dan ajal di tangan Allah. Manusia kahwin atau tidak kahwin, bukan kerana hitam putih. "Ramaikan kawan awak yang putih-putih belum kahwin." Ya. Aku mengangguk lesu. Kenapalah singkat sangat pemikiran kawan-kawan?

Waktu itu, aku sudah memiliki tiga orang anak yang comel-comel. Anak Pan-African. Aku baru menerima rakan sekerja yang baru balik dari United kingdom. Suaminya Mat Salleh. Dia mempunyai seorang anak kecil yang berusia tiga tahun. Memanglah comel. Maklumlah, bapanya orang putih. Emaknya pun agak putih, boleh tahan. Mata biru. Rambut keriting keperang-perangan. Bercakap bahasa Inggeris yang sangat comellah pendek kata.

Kadang-kadang, kawan aku tadi membawa anak kecilnya ke tempat kerja. Ramailah kawan-kawan yang suka bermain, mengusik, dan membelikan sesuatu untuk anak kawan tadi. Mendukungnya ke hulu ke hilir, prihatin, dan bertanyakan khabar. Dia pula suami isteri memang mahu anaknya jadi model atau pelakon bila dia besar nanti.

Kalau aku membawa anak aku ke tempat kerja, jarang pula kawan-kawan menjadi sebegitu baik hati. Lalu aku bersangka baik sajalah. "Anak aku hitam." Terima sajalah.

Rambut Afro

Waktu itu, anak-anakku masih kecil. Dalam lingkungan umur tiga, empat, dan lima tahun. Anakku yang sulung seorang perempuan. Rambutnya memang betul-betul afro macam David Arumugam penyanyi, Alleycat. Aku suka betul rambutnya lembut dan gebu macam kapas dalam bantal sofa. Kami suka bermain-main dengan rambutnya yang kadang-kadang sangat sukar disikat. Antara permainan yang menyebabkan dia sakit hati adalah bermain sorok-sorok barang dalam rambutnya seperti kereta kecil, pin rambut, dan benda-benda kecil lain. Waktu bangun pagi, rambutnya begitu kusut masai dan bentuk afro tidaklah secantik rambut David Arumugam, tetapi senget sebelah sebab bekas bantal.

Suatu hari. Dia bermain di luar. Tiba-tiba anakku tadi meluru masuk ke rumah. Mukanya sedih sekali. Dia sebenarnya seorang yang sangat lembut dan baik hati.

"Kenapa kakak?" tanyaku. Dia enggan menjawab. Saya keluar ke tempat letak kereta dan melihat jiranku sedang berleterkan anak lelakinya yang agak nakal.

"Mohon maaf sangat kak. Anak saya ni, dia cakap takut dengan anak akak."

"Kenapa pulak."

"Dia cakap takut rambut anak akak..."

"Hahaha..." saya hanya mampu ketawa.

"Tak apalah, perkara kecil saja. Budak-budak."

Saya masuk ke dalam rumah dan bertanya kenapa kakak. Anakku memberitahu, "Adik sebelah mengejek kakak, Hindu. Anak Hindu," sedih benar dia.

"Tak apalah, kakak. Adik sebelah tu tak pandai lagi. Sebab tu dia cakap kakak macam tu."

Aku sangat kasihankan anakku, kakak.

Bibi Marah

Oleh sebab aku bekerja, terpaksalah mengambil pembantu rumah untuk menjaga anak-anak yang masih kecil. Setiap petang, bibi akan membawa anak-anak bemain di tepi pokok hampir dengan hujung taman. Tempat itu agak sunyi. Bibi telah membuat buaian dengan tali kain yang aku beli. Tempat itu pula menjadi tarikan kepada anak-anak lain. Tetapi, mereka masih kekok untuk bermain apabila melihat anak aku.

Suatu petang, bibi pulang ke rumah dengan tergesa-gesa. Nampak sangat dia dalam keadaan marah.

"Kenapa bibi? Mana budak-budak."

"Budak-budak masih dibuaian ibu."

"Bibi cari apa"? tanyaku lagi.

"Saya cari gunting ibu."

"Kenapa pulak bibi?"

"Nanti saya ceritakan."

Tidak lama kemudian, dia pulang dengan membawa anak-anak. Buaian dan tali berjela-jela di heret pulang. Badannya bergetar-getar. Mukanya marah betul.

"Kenapa bibi?"

"Sabar dulu. Perlahan-lahan. Apa masalahnya."

"Ini ibu... saya marah sangat," dia hampir menangis.

"Kawan saya, si Juju (bibi jiran) mengejek-ejek anak ibu. Katanya, saya kerja sama Negro, budak-budak pun hitam-hitam. Bapanya mesti hitam. Masa dia cakap tu, bapak pulang." (Suamiku baru sampai dari tempat kerja).

"Dia ketawakan bapak. Dia cakap bontot si Negro mesti hitam, Bu. Saya marah sangat ni."

Mengigil-gigil tangannya menahan marah.

Aku terdiam kehilangan kata-kata.

"Tak apalah, bibi. Kawan bibi tu kan orang tak ada pelajaran. Biar sajalah."

Tak Suka

Anak aku nombor dua seorang lelaki. Kadang-kadang dia memberitahuku begini.

"Mama, mengapa mama putih. Kenapa Muhammad hitam. Muhammad tak suka kulit macam ini. Muhammad tak suka rambut macam ni."

Anak aku yang sulung, si kakak turut menyampuk.

"Ya, mama. Kami tak suka rambut macam ni. Boleh tak kakak ada rambut macam mama. Rambut lurus. Rambut mama cantik."

Aduh! Aku terkesima sekejap. Tidak tahu bagaimana hendak dijawab permintaan yang begini dan begitu. Sedih pun ada, terkejut pun ada.

"Kakak, mama suka rambut kakak. Sebenarnya, rambut kakak sangat *best*. Gebu macam bantal. Biarlah orang tak suka rambut kakak. Itu orang bodoh saja."

Kebetulan pulak pada masa itu, ada iklan twisties di televisyen dan budak lelaki yang berambut afro itu sangat lucu. Iklan itulah yang selalu aku rujuk betapa hebatnya memiliki rambut afro.

"Mama, mana putih. Putih ni macam warna tapak tangan. Mama ni coklat. kamu pun bukan hitam. Kamu berkulit gelap sikit daripada mama. Okeylah tu, anak mama semua baik, sihat. Alhamdulillah."

Sejak mereka sudah faham sikit penerangan dalam bahasa Melayu dan Inggeris yang agak tinggi, aku beritahu bahawa Allah suka orang yang baik, rajin, dan pandai. Allah suka orang yang taat kepada ibu bapa dan guru. Allah marah orang yang malas dan jahat. Aku bercerita tentang sahabat Nabi yang bernama Bilal. Beliau adalah ahli syurga, walaupun kulitnya hitam. Manakala Abu Jahal, bapa saudara Nabi, ahli neraka walaupun dia orang Arab yang kacak.

"Faham tak ni?"

"Faham," jawab mereka serentak.

Entah, apalah yang difahami oleh budak-budak lima enam tahun.

Anak Semua Bangsa

Anak aku yang sulung sudah masuk sekolah tadika enam tahun, dan anak kedua tadika lima tahun. Setiap hari aku menghadapi masalah untuk menghantar mereka ke sekolah kerana mereka tidak suka pergi ke sekolah. Alasannya, kerana tidak ada kawan.

"Tak ada orang nak kawan dengan kita orang."

Kakak memberitahu dengan mata terbeliak.

Aduh! Kenapa lagi. Anak-anak aku jelas sekali tidak mempunyai rakan sepermainan. Rakan mereka sama ada sepupu yang datang pada masa cuti sekolah, bibi, atau ibu bapa. Jika mereka ke padang permainan, semua kanak-kanak lain akan meninggalkan peralatan permainan atau mereka akan diejek. Jadi, aku terpaksa membawa mereka ke tempat-tempat awam sahajalah. Biasanya ke KLCC atau ke sungai sahaja.

Setiap hari untuk ke sekolah, kami akan singgah di stesen minyak untuk membeli gula-gula secara banyak atau apa-apa mainan kecil. Makanan ini merupakan umpan untuk diberi oleh anak-anak supaya dapat mempunyai kawan. Aku mengajar mereka bagaimana memberikan gula-gula dan bagaimana memulakan perbualan.

Oleh kerana tidak tertahan dengan situasi ini, suatu hari aku menghadiri mesyuarat ibu bapa dan guru, serta bercakap di khalayak ramai sambil menangis. Aduh! Malu sangat.

"Cikgu-cikgu semua, saya tidak minta yang banyak daripada cikgu-cikgu. Bukan memuliakan anak-anak saya. Cuma, saya pohon sekali sekala semasa perhimpunan, mohonlah guru besar bercakap pada semua anak-anak tentang penciptaan manusia. Tentang Allah menjadikan manusia pelbagai warna dan kulit. Cakaplah Allah tidak melihat warna kulit tetapi kerajinan, budi pekerti, akhlak, dan daya usaha. Cikgu, kalau cikgu buat aktiviti dalam kumpulan, ajaklah anak-anak pegang tangan anak saya."

Aku tahu tangan mereka hitam, nampak macam kotor. Tetapi, anak-anak aku tidak kotor. Hati mereka sangat bersih. Aku menangis tersedu-sedu. Hatiku benar-benar sedih untuk anak-anak yang tidak berdosa. Bermacam-macam ingatan datang menerpa. Ada perasaan kesal kerana berkahwin dengn orang berkulit hitam. Perasaan marah kepada guru dan pihak sekolah. Perasaan marah kepada masyarakat di Malaysia. Macam-macam. Aku tidak pula dapat meneka bahawa apabila mendapat anak campur begini, mereka akan menghadapi masalah begini daripada masyarakat sekeliling.

Ada satu peristiwa, aku sedang menunggu anakku di kantin sekolah. Datang seorang ibu kepada murid perempuan di sekolah anakku. Dia memperkenalkan diri dan memberitahu anakku dan anaknya berkawan baik. Aku pula tidak pasti kerana memang tidak mengenali beliau.

"Anak kakak ada beritahu apa-apa semalam?" tanya beliau.

"Tak ada pulak. Kenapa?" Dadaku berdebar-debar.

"Semalam ada seorang budak lelaki sebabkan anak kakak jatuh di depan orang ramai. Kasihan sangat. Dia tahan kaki, sengaja bagi anak kakak jatuh," katanya lagi.

"Oh... masya Allah anak kakak tak beritahu apa-apa pulak. Luka ada tak? Aduh! Budak-budak ni."

"Budak lelaki tu memang selalu buli anak kakak," katanya. Aku tiba-tiba berasa geram.

"Saya yang tengok pun rasa geram. Saya suruh Aina (nama anaknya) pergi marah kepada budak lelaki tu. Lepas itu saya cakap kat anak kakak, jangan biarkan orang buli kita. Kita kena lawan balik. Budak-budak ini memang kurang

ajar sikit," aku yang mendengar tumpang marah.

"Tapi anak kakak, saya betul-betul *respek*. Baik betul dia. Ya Allah, penyabarnya."

Aku hampir-hampir menitiskan air mata. Entah kenapa tiba-tiba jadi sensitif pula.

Dia cakap, "Tak apalah mak cik. Saya tak luka pun. Allahkan ada."

Terus air mataku menitis tanpa ditahan-tahan lagi.

Aku sangat risau akan anak-anakku. Apakah akan jadi pada masa depan mereka kelak? Adakah mereka akan membesar sebagai anak-anak yang mempunyai *self esteem* yang rendah.

Tidak lama kemudian, aku memindahkan anak-anak ke sekolah antarabangsa. Mereka nampaknya lebih gembira dan ceria. Mereka tahu dimana kedudukan mereka sekarang. Mereka bukan anak Melayu atau anak Afrika. Mereka anak semua bangsa. Di sekolah mereka juga terdapat ramai murid daripada pelbagai bangsa.

Ternyata anak-anak aku sangat disukai oleh para guru kerana kesopanan dan kerajinan. Ketiga-tiga anakku ditawarkan melompat kelas. Anak pertama dan kedua melompat satu tahap dan anak ketiga melompat dua tahap. Mereka juga mempunyai ramai kawan-kawan sekarang. Malah, ada yang sanggup berhujung minggu tidur di rumah.

Kali ini, ada beberapa komen positif daripada kawan-kawan. Anak campur biasanya geniuslah, bijaklah, dan sebagainya. Semua pujian itu milik Allah s.w.t. yang telah menciptakan manusia dengan cara yang dikehendaki-Nya.

21

Balik Kampung

Persiapan Balik Kampung

Aku teringin benar hendak melihat negara encik suami. Kami mengumpulkan duit beberapa tahun barulah cukup. Boleh tahan kosnya.

Kami kena buat pasport. Ada lima orang yang perlu membuat pasport baru. RM300 seorang, jadi RM1500.

Kemudian, kami perlu mengambil beberapa suntikan. Pertama, suntikan *Yellow Fever*. Di Kuala Lumpur hanya ada sebuah hospital swasta yang memberikan suntikan ini. Harganya RM120 untuk satu suntikan. Kami ada enam orang. Kedua, suntikan anti virus yang dinasihatkan oleh doktor. RM80 untuk satu suntikan.

Kemudian, kami perlu membeli ubat-ubatan. Yang penting sekali ubat malaria. Harganya agak mahal kerana di Malaysia, tidak ada demam malaria. Ubat-ubatan seperti gas penyedut untuk anakku yang ada asthma, panadol, minyak kapak, pil chi kit teck aun, dan pelbagai jenis minyak angin.

Seterusnya, membeli makanan segera. Maggie satu kotak besar. Milo, kopi, teh, susu tepung, jem, dan kaya. Pelbagai jenis biskut, sardin, dan makanan yang boleh dimakan segera. Encik Suami berpesan, kalau hendak betul-betul *adventure,* jangan bawa apa-apa dari Malaysia. Tetapi aku risau juga, nanti kebuluran.

Selain itu, kami membeli hadiah untuk ahli keluarga. Apa hadiah yang paling sesuai diberikan kepada ahli keluarga Encik Suami? Ramai benar ahli keluarga dia. Senarai nama dibuat berserta dengan hadiah yang patut diterima. Gula-gula untuk anak-anak rumah yang akan dilawat, alat tulis, dompet kanak-kanak, buku kartun nipis, t-shirt anak-anak untuk

Perjalanan dari ibu negara ke kampung melalui kawasan landai menghijau. Itu bukan padang rumput tapi hutan simpan negara iaitu kawasan pokok papyrus. Di bawahnya air. Pokok Papyrus hanya hidup dalam air. Jaraknya mungkin berpuluh-puluh meter ke bawah. Kawasan pokok papyrus dilarang dibangunkan kerana jika kering di sini Sungai Nil yang mengalir ke Mesir itu juga akan kering. Udara di luar agak dingin. Perlu berbaju tebal.

anak-anak saudara, sepupu sepipit, dan pelbagai jenis barangan lain yang murah dari Wholesale Jalan Kenanga. Jubah orang Arab untuk ibu dan bapa mentua. Kain pasang untuk ahli keluarga perempuan, dan baju kemeja untuk ahli keluarga lelaki. Rabak juga poket.

Kemudian, barulah membeli pakaian yang sesuai untuk anak-anak seperti sneakers, jaket, dan pelbagai jenis baju untuk emak dan bapa. Tidak dilupakan bawa telekung, sejadah, tuala, dan selimut.

Bawakan juga sabun cuci baju, shampoo, sabun mandi, ubat gigi, dan macam-macam barang kecil seperti gunting, pengepit kuku, pisau, dan sikat. Yang paling penting, kalau tidak ada benda ini, hidup akan susah adalah periuk nasi elektrik. Encik Suami membeli sebuah periuk nasi elektrik untuk dibawa kerana sifatnya yang *versatile* boleh juga memasak selain nasi.

Perjalanan ke Benua Afrika

Duit yang dikumpulkan sudah mencukupi. Tambang tiket untuk enam orang hampir RM20 ribu ringgit. Perjalanan akan mengambil masa 24 jam. Dari Kuala Lumpur ke Dubai mengambil masa lebih kurang lapan jam. Kami singgah di Dubai untuk transit selama 10 jam. Perjalanan diteruskan ke Nairobi dan memakan masa lebih kurang enam jam. Dari Nairobi ke negara encik suami, kami bertukar kapal terbang lagi dan mengambil masa dua jam. Duit simpanan hampir RM30 ribu untuk belanja rumah sewa, makan, kenderaan, dan hadiah. Banyaknya seperti harga sebuah kereta kancil.

Dari lapangan terbang Nairobi ke negara Encik Suami, aku baru sedar semua muka-muka pelik yang tidak pernah aku lihat seumur hidup masuk ke dalam perut kapal terbang. Yang lucunya, mereka semua manusia! Takkanlah mereka *alien* dari planet Marikh. Aduh! Mengapa aku macam rusa masuk kampung? Agaknya, aku seorang sahaja yang berwajah Asia. Selainnya, manusia yang aku anggap pelik. Seorang demi seorang aku perhatikan

dengan teliti. Macam ini rupanya orang Afrika.

Si wanita boleh dikatakan mempunyai fesyen rambut yang pelbagai rupa, jenis, dan bentuk. Ada bermanik-manik urai, ala Bo-Derek. Ada yang mempunyai jala ikan di rambut. Ada yang mewarnakan rambut dengan perang, berwarna warni. Ada yang bersanggul, tidak ada rambut, atau botak sama sekali.

Yang berambut keriting pula mempunyai pelbagai jenis bentuk keriting. Ada yang halus, ada yang kasar. Pendek kata, rambut mereka memang menarik perhatian.
Yang jelas, wanita yang menaiki kapal terbang mestilah orang berduit kalau dilihat gaya pakaian mereka ada berChanel, Louis Vitton, bergemerlapan dengan barang kemas. Aku membanding-bandingkan diri. Betapa ringkasnya aku. Tiada barang kemas, tiada beg tangan, tiada kasut tinggi. Sekadar sandal biasa, baju kurung, dan tudung yang tidak sampai RM100.

Bertemu Keluarga Mentua

Setelah dua orang anakku muntah sampai lembik dalam kapal terbang, akhirnya kami sampai juga. Hampir 24 jam dalam perjalanan. Badanku menggeletar kesejukan sebaik sahaja kaki melangkah ke luar. Kami semua menggigil-gigil di luar kawasan letak kereta lapangan terbang. Aduh, sejuk betul. Inilah yang diberitahu oleh Encik Suami dulu. Negaranya sejuk. Aku tidak percaya hinggalah aku merasakan kesejukannya.

Kawan Encik Suami membawa kami ke rumah tumpangan yang telah ditempah terlebih dahulu. Pagi esoknya kami akan dibawa bertemu dengan keluarga Negro. Semua Negro! Oii kawan... aku akan berjumpa keluarga Negro. Kau ada?

Pagi yang sejuk *nak mampus*, semua orang tak mahu mandi. Malas keluar dari selimut kerana penat yang belum hilang. Terpaksalah kami menukar pakaian juga kerana anak-anak akan berjumpa datuk dan nenek Negro pertama kali.

Sejarah akan dicipta pagi ini.

Aku sampai di rumah mentua. Mentua Negro. Semua berkulit gelap dan dipelawa masuk. Aduh! Rupa-rupanya bapa mentua dan emak mentua boleh berbahasa Inggeris. Rupa mereka macam orang Melayu juga, ada mata, telinga, hidung, rambut... aku berangan-angan kenapalah aku macam tak pernah tengok manusia.

Tetapi gaya bersalaman si Negro ini betul-betul menjatuhkan

martabat salam orang Melayu. Salam mereka 100 peratus lebih sopan, beradat, bertatasusila, dan ikhlas. Adik-adik suamiku melutut ke atas lantai apabila bersalam dengan abangnya yang sudah beberapa tahun tidak berjumpa. Begitu juga dengan Encik Suami kepada bapa dan ibunya. Mereka bercakap dalam bahasa yang tidak aku faham, begitu lemah lembut, macam suami isteri di dalam kelambu. Lama pula. Aku yang kebingungan hanya mampu memerhati dan meneliti serta mengkagumi cara mereka bersalam.

Aku pun tidak ada idea untuk berbual dengan bapa mentuaku. Dia pula nampak gaya tidak mempedulikan aku langsung. Ibu mentuaku pula sudah ke dapur. Aku bercakap dalam bahasa Melayu dengan anak-anak menyatakan tidak tahu apa yang perlu dicakap atau dibual. Rasa macam kena boikot. Apa punya fesyen pun aku tidak faham.

Rumah Mentua

Rumah awak macam mana ya?

Macam mana? Macam rumah orang Malaysia juga.

Eh! Rumah awak bukan buat daripada rumput kering?

Ada juga. Ada yang dibuat daripada rumput kering. Ada dibuat daripada bata. Tengok tempatlah. Macam di Malaysia juga. Rumah orang kaya, orang miskin, orang kampung, dan orang bandar tidak sama.

Ohh… okay. Rumah awak sendiri macam mana?

Rumah saya… eh rumah bapa saya. Saya belum ada rumah, tetapi kalau rumah bapa saya macam rumah orang Malaysialah. Sebenarnya rumah yang dibuat daripada rumput itu sangat best. Selesa sangat sebab tidak panas.

Aku mengangguk-angguk. Sebenarnya, aku sedikit pun tidak percaya yang rumah si dia macam rumah orang di Malaysia. Dalam diam-diam aku berangan-angan mesti rumah yang bumbung macam kon itukan? Mungkin macam yang aku tengok dalam buku-buku teks atau dalam gambar. Rumit juga memikirkan rumah mereka.

Waktu pertama kali sampai, aku terperanjat besar. Rumah mentua lebih besar daripada rumah aku di kampung. Rumah simen dengan empat bilik besar. Malah, anak lelaki tidak dibenarkan tidur bersama di dalam rumah ibu. Mereka tidur di luar yang berupa berek panjang dan mempunyai bilik sendiri. Mereka

Rumah berbentuk kon hanya boleh didapati di kawasan pedalaman. Gambar ini diambil di sebuah kampung kira-kira 400 km dari ibu negara. Kebanyakan didiami oleh orang asli. (Semata-mata ke kawasan ini untuk mengambil gambar supaya pembaca faham bentuk rumahnya) dan sebuah dalam proses pembinaan.

cuma masuk ke rumah ibu untuk bersalam pada waktu pagi, untuk makan, ataupun untuk berbual-bual dengan ibu bapa. Apabila masuk bertemu ibu bapa, gaya bersalam sungguh sopan sekali.

Aku menulis bahagian ini bukan untuk menunjukkan keluarga suami, tetapi untuk bercerita bahawa kadangkala pandangan kita boleh tersasar jauh kerana kejahilan kita sendiri. Ada yang rumah aku lawati lebih baik dan lebih bagus daripada ini. Tetapi, ada juga yang lebih miskin, lebih buruk, dan sangat daif. Ada budaya yang lebih baik daripada kita seperti cara bersalam.

Rumah mentua banglo tiga bilik. Di belakang rumah ada 3 bilik tempat anak lelaki tidur dan tidak bersambung dengan rumah ibu. Anak lelaki tidak dibenarkan tidur dalam rumah ibu bapa tetapi perlu masuk pada waktu pagi dan mengucapkan salam dan bertanya khabar.

Rumah orang asli.

Rumah saudara yang sempat dikunjungi.



Rumah dari selut (tanah liat).

Rumah masih dalam pembinaan.

Pisang Lenyek Original

Jam sudah hampir tiga petang. Perut pun sudah meminta-minta makanan sejak tadi. Jamuan ringan yang berupa teh susu halia (susu asli macam dari ladang), pisang, dan kuih macam donat tetapi keras *piang* sudah kami habiskan dua pusingan. Bau makanan dari dapur menusuk-nusuk ke hidung. Encik Suami bersembang tidak habis-habis. Aku sudah tertidur dan terbangun dua kali. Anak-anak pun semua tertidur di atas sofa. Akhirnya makanan pun tiba. Menunya:

1. Pisang lenyek dalam daun pisang (dimasak kukus).
2. Ikan talapia masak merah.
3. Sayur bayam merah dipotong halus masak tanpa air dengan tomato.
4. Ayam masak dengan tomato, cili benggala, bawang besar.
5. Nasi daging warna coklat ada ketulan daging.
6. Ubi kentang rebus.
7. Kacang tanah yang telah ditumbuk masak dengan tomato.
8. Air buah markisa.

Pisang lenyek, ikan tilapia, sayur, dan tomato bersama lobak merah dimasak. Sedap!

Makanannya aduh, enak sekali. Rupa-rupanya semua ini dimasak dengan dapur arang. Patutlah pukul tiga petang baru dapat makan. Bau sedap sangat sebab dimasak dengan dapur arang secara perlahan-lahan. Aku makan pisang lenyek (matokay) dua pinggan. Kalau aku ikut hati, mahu tambah lagi. Tetapi malu dengan ibu mentua dan bapa mentua. Nanti terkejut pula menantu orang Malaysia. Makan kuat!

Selepas makan, Encik Suami mengeluarkan beg yang berisi hadiah dan diberikan kepada semua yang berkumpul melihat kami. Ada juga jiran-jiran yang datang bersalam-salaman (bunyi macam sungguh gembira... (Aku sepatah pun tidak faham). Sambil bermain-main dengan rambut anak-anakku.

Rumah mentua berhampiran dengan Tasik Victoria. Sejuk mencucuk kaki dan angin kuat berhembus dari tasik memang *best* sangat.

Agaknya cantik. Entah apa yang dikomen, tetapi bunyi macam positif sahaja.

Selepas makan, aku ingin membantu membasuh pinggan di dapur, tetapi dilarang oleh ibu mentua. Waktu pula sudah hampir petang. Cuaca makin sejuk dan gelap. Angin bertiup dengan kencang. Aku keluar ke kawasan rumah. Rupa-rupanya rumah mentua aku ini berhampiran dengan Tasik Victoria, tasik yang terbesar di dunia. Patutlah cuaca begitu sejuk, menyucuk-nyucuk kaki dan kulit.

Pemandu kami sudah datang untuk mengambil dan menghantar ke rumah tumpangan. Selepas bersalaman dan mengucapkan ribuan terima kasih, aku masuk ke dalam kereta dengan perasaan lega kerana tidak tahu apa yang hendak dikatakan. Kematian kata-kata dan idea.

Budaya Keluarga

Dalam perjalanan kembali ke rumah tumpangan (*homestay*), aku bertanya macam-macam soalan kepada Encik Suami. Pertama, kenapa bapa mentuaku macam sombong dan tidak melayan aku. Dia ketawa lalu memberitahu dalam budaya kami, bapa mentua tidak boleh bercakap dengan menantu perempuan. *Its taboo* (macam haram). Oh! Patutlah. Bapa mentuaku hanya memandang sipi-sipi. Sekarang, baru aku faham. Kenapa mula-mula kahwin, Encik Suami enggan beramah mesra dengan emakku. Rupanya menantu lelaki dilarang berbual-bual dengan emak mentua. Kalau ada apa-apa mesej akan disampaikan melalui aku sahaja. Kali ini baru jelas sikit.

Kenapa ibu dan bapa mentua tidak mengajak kami tidur di rumahnya sahaja tadi. Kata Encik Suami lagi, itupun tidak boleh. Dia memberitahuku, di luar rumah tadi ada nampak macam berek bujang. Itu semua bilik untuk anak lelaki. Mereka tidak dibenarkan tidur di dalam rumah yang didiami ibu bapa (rumah ibu). Aku melopong mendengar penjelasan.

Mulut tidak henti bertanya nama makanan. Macam mana dimasak. Siapa saudara mara yang datang tadi. Aduh, ramai betul. Oleh kerana semuanya berkulit gelap, Negrolah katakan, kita yang tidak pernah melihat kelibat begitu rupanya agak rabun. Untuk membezakan seorang dengan seorang agak payah. Rasa macam semua serupa sahaja. Rupanya, otak kita boleh menjadi keliru. Rasa macam otak aku dalam kalangan genius juga, tetapi masih keliru untuk membezakan yang satu dengan yang lain.

Waktu kami mula-mula balik kampung, aku betul-betul susah hati di mana hendak basuh kain yang banyak selepas balik dari berjalan-jalan. Bukan sikit pula. Mesin basuh pula tidak ada.

Suatu hari kami pergi keluar ke bandar. Apabila balik, aku dapati kain baju yang kami tinggalkan dalam tiga besen besar belum berbasuh sudah disidai di penyidai. Terkejut sebentar apabila suami memberitahu, adik lelakinya yang basuh. Adik lelaki dalam umur 20 tahun. Aduh! Semua baju-baju kecil juga dibasuh. Aku malu sungguh! Suami menyuruh adik lelakinya datang ke rumah tumpangan kami tinggal. Aku tidak diberitahu pula, disuruh datang untuk membasuh kain.

"Kenapa suruh adik *you* basuh?" tanyaku. Kata suami jangan risau, itu memang budaya mereka anak

Salah sebuah rumah persinggahan yang kami sewa. Satu malam RM130.

lelaki buat semua kerja rumah. Tidak ada perbezaan *gender*. Barulah aku faham mengapa suamiku tidak kisah membuat kerja rumah seperti memasak, menjaga anak, membasuh kain, pinggan, dan sebagainya. Rupa-rupanya memang budaya keluarganya begitu.

Sebelum aku balik kampung suami, ibuku berpesan, "Nanti balik ke sana, tolong tanyakan bagaimana orang Afrika mendidik anak-anak mereka sopan sangat." (Merujuk kepada suamiku yang sopan gaya bercakap dan tingkah laku).

Kereta yang kami sewa. Sehari RM90.

Kita di Malaysia ini, agaknya tidak pandai mendidik anak, katanya merujuk kepada adik-adikku yang kadangkala gemar melawan emak. Aku hanya mampu ketawa, tetapi berazam ingin melihat gaya didikan mereka. Waktu mula-mula aku lihat adik-adik iparku, aku tersenyum-senyum. Mereka semua sangat bersopan, hormat, bercakap dalam nada yang sama dengan suami, macam kembar pula. Bila aku tanyakan suami, katanya adalah dilarang melawan cakap ibu, membentak. Lakukan sahaja apa yang disuruh, tidak boleh ber "ahh". Terima sahaja sebagai anak. Aku katakan di Malaysia pun adatnya sepatutnya begitu, tetapi entah kenapa kita hilang adab itu.

Tandas dari pandangan belakang di sebuah kampung.

Ninja Tandas

Aku sudah balik kampung Encik Suami banyak kali, tetapi tandas di negara dia memang tidak ada perubahan. Sampai aku pernah berkata "jom kita buat bisnes berniaga tandas. Kalau berniaga tandas, mesti boleh jadi jutawan."

Rumah ibu bapa mentuaku ialah rumah banglo moden yang mempunyai sofa dan alat kelengkapan rumah yang moden seperti televisyen. Yang aku tidak tahan ialah sistem tandasnya. Mereka mendirikan bilik air yang agak panjang sederet bersebelahan. Ada dua bilik mandi dan tiga bilik tandas. Tandas menggunakan sistem korek lubang jauh ke dalam tanah. Walaupun tandas cantik ada marmar, tetapi baunya busuk. Apabila ingin ke tandas, terpaksalah mengikat kain atau tuala panjang yang sudah diletak perfume atau bedak bayi di muka. Betul-betul macam ninja.

Anak-anakku pula sanggup tidak membuang air kecil atau besar kalau pergi ke rumah sesiapa. Syarat pertama jika Encik Suami ingin mengajak pulang berziarah adalah

tempat tinggal mestilah ada tandas duduk. Bukan tandas mencangkung.

Peristiwa tandas ini ada juga lucunya. Sewaktu melawat ke sebuah kampung, aku ingin ke tandas. Isteri tuan rumah memberikan aku satu tong air dan memberitahu tandas di belakang rumah. Aku pun memakai kain ikat Ninja yang sudah bersapu minyak wangi. Kain ini perlu dibawa ke mana-mana. Ikat kepala, tinggal mata sahaja. Sampai di belakang rumah, nampak sebuah tempat yang dikelilingi pokok teh pagar. Daunnya jarang-jarang pula.

"Mana tandas ni. Takkan ni tandas. Boleh nampak orang lalu lalang."

Aku masuk dalam kawasan berpagar pokok teh dan nampak sebuah kawasan bersimen kecil. Belum lagi aku buat apa-apa, tiba-tiba nampak seorang lelaki dewasa datang dengan memegang kain terburai-burai menghala ke tempat aku sedang berdiri. Apabila melihat aku yang macam Ninja agaknya, dia terperanjat terus dan melarikan diri. Aku pun tidak jadi hendak buang air. Aku masuk semula ke dalam rumah. Encik Suami dan anak-anak sedang menjamu selera. Tiba-tiba masuk lelaki tadi. Apabila melihat aku, dia tersenyum-senyum. Rupa-rupanya

Di dalam kawasan kebun pisang terdapat "tandas" tidak berbumbung dan berdinding. Hahahaha.

tuan rumah... hahaha. Pertemuan yang pertama bermula di tandas.

Ada sekali kami berjalan-jalan di ibu negara Encik Suami. (Anak-anak tinggal di rumah tumpangan). Bandarnya kecil sedikit dari Chow Kit, Kuala Lumpur. Banyak juga bangunan tinggi-tinggi. Aku berada di sebuah pasar raya besar. Terasa betul-betul ingin membuang air, tetapi tidak ada tandas yang berair. Puas aku bertanya. Kebanyakan tandas tidak disediakan air. Ada seseorang memberitahu tandas yang ada air cuma di masjid negeri. Aku pula macam berada di tempat yang sejauh di Bukit Bintang.

Pemandangan di Ibu Negara, Kampala, Uganda.

Masjidnya terletak di Jalan Tunku Abd Rahman. Apa lagi tanpa sempat memberitahu Encik Suami, aku turun dari pasar raya dan menaiki boda-boda.

Tambangnya RM3. Boda-boda ialah motosikal yang telah ditukar menjadi alat pengangkutan awam. Naik membonceng motosikal. Kalau pakai kain, sukar sedikit. Boleh terselak paras paha kerana sudah dibuat pelantar besi. Boleh naik dua atau tiga orang di belakang, bergantung kepada saiz badan. Boda-boda ini senang sekali dijumpai, dipanggil, dan boleh masuk di celah-celah bangunan.

Aku memanggil boda-boda dan beritahu ingin ke masjid negeri. Aku sudah berazam dalam hati kalau dia melencong ke tempat lain, aku akan terjun sahaja dari pelantar boda-boda. Tetapi, dia betul-betul menghantar aku ke masjid negeri. Selepas melepaskan hajat, aku memanggil boda-boda untuk menghantar semula ke pasar raya tadi. RM3 lagi. Sampai di pasar raya tadi, aku berjumpa encik suami. Wajahnya begitu bimbang sekali. Dia ingat aku sudah diculik oleh orang jahat. Puas dia berkeliling mencari aku.

Garisan Khatulistiwa

Sekitar tahun 1994, aku pernah melawat ke Kalimantan, Indonesia dengan tujuan melancong. Kami naik bas dari Kuching, Sarawak hingga sampai ke bandar Pontianak, Kalimantan. Sampai di suatu tempat, kami diberitahu tempat tersebut ialah tempat di mana garisan Khatulistiwa merentasi Kalimantan. Kami sempat singgah bergambar di suatu tempat yang ditandakan dengan gambar bumi. Bas hanya berhenti beberapa minit sebelum kami menyambung semula perjalanan.

Dalam perjalanan melawat saudara mara di kampung, suamiku memberhentikan kereta dan memberitahu di sinilah garisan Khatulistiwa. Tidak sangka aku akan berjumpa garisan khatulistiwa kali kedua, tetapi kali ini ceritanya berlainan pula. Dulu aku ingatkan Garisan Khatulistiwa hanyalah garisan ilusi saintis atau ahli geografi untuk membahagikan bumi kepada Kutub Utara dan Kutub Selatan. Apabila sampai di negara suami, kami melalui tempat yang dikatakan Garisan Khatulistiwa. Garisan ini hanyalah suatu garis khayalan, bukan? Tetapi apabila berada di sini, baru aku tahu garisan ini bukan khayalan, tetapi ada maknanya. Jika kita berada di kawasan kutub

selatan, berat kita akan berkurang 0.5 peratus. Aku mencuba berkali-kali di stesen ini yang disediakan alat penimbang berat badan. Ternyata badan aku lebih ringan apabila berada di atas garisan khatulistiwa.

Alat dalam gambar di atas pula ialah satu alat eksperimen. Jika kita menuang air ke dalam alat ini, di kutub utara air akan bergerak ke bawah mengikut pusingan jam. Tetapi jika kita bawa alat ini dan letak di sebelah kutub selatan, air yang dituang akan bergerak melawan jam untuk jatuh ke tanah. Anak-anakku mencuba berkali-kali. Masya Allah! Rupa-rupanya antara dua garisan ini ada medan magnet yang memisahkannya. Aku diberitahu medan magnet ini kadangkala boleh mengelirukan bacaan kompas, terutama kepada juru terbang. Maha Suci Allah yang menciptakan pelbagai kejadian.

Alat eksperiman di hujung ialah di kutub selatan, manakala yang berdekatan ialah di kutub utara. Garisan kuning (rujuk Lampiran) ialah garisan yang membahagikan antara utara dan selatan. Namun, garisan di atas tanah hanyalah anggaran sahaja, tetapi tidak betul-betul berada pada atas garisan seperti di atas peta. Sebaliknya, kuasa magnet seperti yang dikatakan berada antara kedua-dua bekas seperti yang di atas.

Hotel Equator terletak di sebelah Garisan Khatulistiwa.

Kedai cenderamata di tepi-tepi jalan di Garisan Khatulistiwa.

Bapa Mentua

Pada suatu hari, bapa mentuaku bertanya satu soalan. Aku sudah agak. Dia mesti teringin bercakap denganku walaupun adab melarang bapa mentua bercakap dengan menantu. Sebenarnya, bapa mentuaku sangat tertib dan bersopan santun orangnya. Bapa

Sebuah kawasan yang cantik dalam perjalanan ke kampung. Kelihatan lembu susu dari jauh. Udara sejuk di luar menambah kecantikan di kiri kanan jalan. Allah memberikan tanah yang subur dan udara yang sejuk tetapi masih ramai yang hidup dalam kemiskinan.

mentuaku lulusan Diploma Elektrik. Dulu, dia pernah bekerja dengan World Bank.

"*What is your opinion about our country?*" tanyanya tiba-tiba. Encik Suami tersengih-sengih. Aku tergamam kerana tidak tahu bagaimanakah cara yang sopan untuk menjawab. Maklumlah, aku ini manusia yang suka berterus terang. Nanti terluka hati orang tua.

Kalau aku, aku mahu beritahu negara bapa sudah ketinggalan zaman. Di Malaysia, kami sudah ada LRT (Light Rapid Transportation), ada menara berkembar, ada lima juta murid sekolah, 11 ribu sekolah, dan berpuluh-puluh buah universiti.

Nenas antara tanaman utama. Besar dan manis serta tidak memedihkan lidah. Kalau aku banyak duit aku akan buka kilang memproses nenas.

Kami ada elektrik dan air di seluruh negara. Bukan seperti negara bapa. Jalan raya pun masih belum cukup. Banyak jalan masih tanah merah. Ramai rakyat miskin dan tidak pergi ke sekolah.

Mahu sahaja aku membanding-bandingkan Malaysia dengan negara dia. Kalaulah aku bercakap begitu, apakah akan terjadi? Tetapi, aku memilih untuk berkata begini:

"Well, I can conclude like this. You have everything Allah gives to your country. Nice weather, very fertile land, and hard working people. Only you don't know yet how to utilise them."

Hahaha... dia ketawa. Gembira. Aku pun tidak faham apa yang lucu sangat. Tetapi ayat-ayat aku itu diulang-ulang kepada semua anak-anak, adik- beradik, dan saudara mara yang datang.

"We have everything, but we don't know how to use it yet." Perkataan *"yet"* itu dicakap berulang-ulang.

Sejak itu, dia baik sahaja dan ingin berbual-bual pasal Malaysia. Suatu hari dia masuk ke bilik dan mengeluarkan keratan akhbar

Perigi yang dibina secara derma dari NGO Kuwait. Sebuah perigi begini berharga USD 12 -15 ribu USD kerana air hanya boleh didapati jauh ke bawah dan memerlukan jentera pengorek minyak untuk mencari punca air. Ini kerana negara ini berada di kawasan tanah tinggi.

mengenai Malaysia. Hampir menitis air mataku. Bapa mentuaku ini sebenarnya diam-diam membaca mengenai Malaysia rupa-rupanya.

Keratan akhbar itu merupakan dua muka surat penuh cerita mengenai Malaysia. Ada gambar menara berkembar Petronas dan LRT. Aku bangga semacam. Kembang kuncup hidung bila mengetahui bapa mentuaku tahu mengenai Malaysia. Apabila aku baca artikel dalam surat khabar berkenaan, dia membandingkan negara mereka dengan Malaysia. Penutup artikel itu membuat aku terpana sekejap.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhammad telah meletakkan jawatan selepas 22 tahun memegang kuasa. Presiden (nama presiden mereka) bila lagi akan meletakkan jawatan?

My Mukadday

Suatu hari, Encik Suami meninggalkan aku bersama-sama anak-anak di rumah tumpangan agak lama. Gelisah juga aku kerana tidak tahu apa yang perlu dibuat. Tiada Internet. Kalau menonton televisyen, sepatah pun tidak faham.

Stesen radio milik Universiti Islam beroperasi dari dalam van. Stesen radio berkonsepkan Islam ala Radio IKIM.

Aku pun tidak membenarkan anak-anak menonton televisyen mereka kerana boleh dikatakan cerita-ceritanya tidak ditapis. Aduh, pakaiannya sahaja boleh menjojolkan mata.

Tidak lama kemudian, Encik Suami pun pulang dan memberitahu bapa saudaranya meninggal. Yang sebenarnya sudah 40 hari. Hari itu merupakan hari kenduri besar yang akan diadakan sempena 40 hari kematian. Kami semua dijemput. Tetapi pesannya jangan hairan sangat (dia sudah tahu aku yang suka bertanya soalan... hahaha). Ini kerana, bapa saudaranya Muslim berkahwin dua. Isteri pertama beragama Islam dan seorang lagi beragama Kristian. Apabila ada kenduri tadi, ada paderi dari gereja membacakan doa. Sekarang giliran Imam Islam pula. "Yang awak akan lihat nanti, versi Islam." Tetapi apabila kami sampai, yang versi Islam juga sudah tamat. Tidak dapatlah aku melihat adat kematian mereka.

Kami sampai di sebuah rumah yang agak besar, banglo dua tingkat penuh dengan sanak saudara. Ada khemah besar didirikan. Apabila sampai, semua mata memandang kami. Anak-anak aku malu sungguh. Aku buat selamba sahaja dan duduk di tengah-tengah. Bapa mentuaku

Bangunan milik sebuah NGO Islam yang mempunyai sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah sendiri. Diusahakan oleh seorang warga Pakistan bersama-sama dengan penduduk tempatan.

bangun, lalu bercakap dalam bahasa tempatan yang tidak aku fahami. Kemudian dia menjemput suamiku pula bangun dan bercakap. Macam gaya memberikan ceramah pula.

Tiba-tiba suamiku bercakap dalam bahasa Malaysia.

"Mama, bangun dan perkenalkan diri. Mereka nak kenal dengan awak."

Aku terperanjat sangat. Diam tidak terkata-kata. Beratus-ratus mata memandang aku yang sedang berdiri. Apa yang hendak aku beritahu?

"Nak cakap apa. Saya tak reti."

"Beritahulah nama, kerja apa, dan sedikit ucapan ringkas."

Aku pun memberitahu namaku dan pekerjaan dengan ucapan ringkas.

"Thank you for accepting me to be part of the family. I feel honoured and bless to be part of your bigger family. I am from Malaysia. A very far distant place. It takes 24 hours to reach my country. Bla...bla...bla..."

Apabila aku duduk, semua memberikan tepukan. Aduhai! Malu tidak terkata.

Waktu balik dari kenduri dan singgah di rumah mentua, bapa

mentuaku sempat mengucapkan terima kasih atas ucapan aku dan memberitahu dia sangat bangga. Aku malu lagi. Terasa terharu sangat.

"*You are now my mukadday. My daughter.*" (Sebenarnya menantu perempuan).

"*Thank you, daddy.*"

Bapa mentuaku ini sungguh bersopan santun dan menjaga tatatertib orangnya. Dulu pernah suamiku berikan hadiah baju dan kot (kot digunakan untuk hadiri kenduri kahwin. Kot akan dipakai di atas jubah). Terus dia menangis kerana terharu. Setiap kali dia menghantar kami ke lapangan terbang, dia akan mengucapkan terima kasih kepada aku. Mula-mula dulu aku tidaklah faham sangat ucapan terima kasih. Ingatkan sekadar berbasa basi. Tetapi ucapan itu dengan suara yang bersopan dan lembut. Ucapan terima kasih kerana menjaga anak dia dengan baik.

"*Thank you for your care and love of my son. It seems you really take care of him*". Hah! Aku jaga suami ke? Rasa aku, dia yang jaga aku. Tetapi aku sengih-sengih sahajalah mengiyakan. Dapat markah percuma sahaja.

Jackie Chan

Suatu hari dalam perjalanan dari kampung, kami sempat singgah di sebuah pekan kecil. Kami ke pasar untuk membeli daging. Dagingnya murah dan segar sangat. Sekilo baru RM7. Puas makan daging kalau balik kampung.

Kami lalu di satu tempat yang agak pelik dan sedang berbunyi bising macam persembahan nyanyian. Aku melihat sebuah kawasan yang dipagar dengan dinding dibuat daripada daun kering. Betul-betul macam atap rumbia. Berbumbung atap rumbia juga. Macam tempat wayang opera China. Encik Suami memberitahu itu tempat menonton wayang.

"Ini menarik. Boleh saya tengok."

Aku masuk ke dalam rumah (pondok) sementara itu dan mendapati tempat duduk dibuat daripada papan bertingkat-tingkat macam auditorium atau stadium. Suasana agak gelap kerana tiada tingkap. Hanya pintu masuk bertutup kain buruk. Terdapat sebuah pentas di depan tempat duduk dan sebuah televisyen besar sedang menayangkan filem Kung-fu Jackie Chan. Ia ditayangkan dalam bahasa Cina yang tidak ada terjemahan.

Salah sebuah panggung wayang yang telah dinaiktaraf di sebuah kawasan kampung pedalaman. Yang aku kunjungi masih berdinding daun macam nipah.

Penontonnya dalam 15 orang sedang menonton filem tersebut. Di sebelah televisyen, ada seorang lelaki sedang bercakap dengan menggunakan mikrofon. Dia menonton filem tadi dan bercakap dalam bahasa penduduk tempatan. Bunyinya begitu menarik dan kuat. Apabila Jackie Chan menumbuk, dia pun menggayakan cara menumbuk. Apabila Jackie Chan bercakap, dia pun bercakap. Percakapannya sangat pantas dan begitu kelam-kelibut seperti siaran langsung bola sepak. Aku tidak faham sepatah pun.

"Lelaki tu, buat apa. Saya tak faham langsung."

Encik Suami tersenyum-senyum.

"Dia sedang bercerita kepada para penonton apa yang Jackie Chan sedang bercakap."

"Macam mana dia tahu apa yang Jackie Chan cakap?"

"Entah," sahut Encik Suami.

"Dia faham bahasa Cinakah?" tanyaku lagi.

"Dia tak faham, kot."

"Hahaha. Habis tu, macam mana dia tolong terjemahkan apa yang Jackie Chan cakap?"

"Dia agak saja."

Macam mana menonton wayang, ada orang tolong terjemahkan, dan orang itu sendiri tidak faham? Aku ketawa sampai sakit perut. Kalau kita ada di tempat itu dan lihat sendiri adegan penterjemahan dan gayanya menterjemah, lucu gila. Para penonton pula khusyuk menonton yang mana satu. Aku pun tidak pasti. Mereka tonton penterjemah atau Jackie Chan yang sedang beraksi di kaca televisyen?

Macam ini pun ada di dunia ini. Ahh! Indah sungguh dunia ini. Macam-macam.

Berwarna-warni.

Istiadat Perkahwinan

Aku beritahu Encik Suami, aku teringin sangat hendak melihat adat istiadat perkahwinan mereka. Kebetulan suatu hari, kawan Encik Suami datang dan memberitahu kami sangat bertuah kerana kami akan dapat menyaksikan suatu perkahwinan yang akan berlangsung di sebuah sekolah.

Apabila kami sampai, majlis baru bermula sekitar empat petang. Sekolah yang dimaksudkan ialah sebuah sekolah antarabangsa yang mempunyai kolam renang. Jadi,

para tetamu jemputan duduk di atas kerusi di sekeliling kolam sementara menanti pengantin datang.

Tidak berapa lama, hidangan pun sampai. Hidangan itu diletak dalam dulang macam dulang asrama yang mempunyai bilik-bilik. Aku tidak sabar-sabar ingin merasa nasi. Rupa-rupanya, hanya ada seketul ayam macam KFC, sehiris kek kecil, dan coleslaw. Air minuman Coca Cola setiap seorang sebotol. Kata Encik Suami, makanan bukan merupakan bahagian penting dalam perkahwinan. Jadi, apa yang penting?

Pengantin pun tiba diiringi dengan sorak sorai bunyi macam budaya perkahwinan orang Arab. Pengantin memakai gaun putih yang menampakkan buah dada dan pengantin lelaki memakai kot dan bertali leher. Betul-betul macam budaya barat diiringi dengan lagu pengantin yang biasa kita dengar di gereja Kristian.

Para tetamu pula, semuanya memakai pakaian yang hebat-hebat. Lelaki memakai kot, jubah, dan kopiyah tarbus (ala Turki). Perempuan pula memakai baju kebangsaan dipanggil Gomez. Berkilat-kilat. Aku diberitahu harga Gomez boleh menelan belanja beratus-ratus ringgit dan memang menjadi tempat untuk menunjuk-nunjuk siapa yang lebih hebat pakaian Gomeznya.

Tiba waktu ucapan. Banyak ucapan yang disampaikan oleh pelbagai pihak. Menurut Encik Suami, bermula dengan Mufti, kemudian keluarga pihak lelaki, kemudian pihak perempuan.

"Lamanya ucapan. Apa yang diberitahu," tanya aku.

"Kenapa orang bertepuk-tepuk tangan?"

Kata Encik Suami, mereka mengumumkan apakah hadiah yang diberi kepada pengantin. Misalnya keluarga pengantin lelaki memberikan tanah. Keluarga perempuan ada yang memberikan kambing, beras, makanan, dan sebagainya. Semua diumumkan di majlis itu. Kalau hadiah kau kecil, baik kau duduk diam sahaja. Aku ketawa mengingatkan hal itu.

Sesudah sesi menyampaikan ucapan, tiba masa sesi memotong kek perkahwinan yang tingginya enam tingkat. Kek itu kemudian diletakkan di piring-piring kecil. Kedua-dua pengantin membawa piring tadi dan memberi kepada hadirin. Yang pertama kepada Tuan Mufti dan VIP. Seterusnya kepada para jemputan.

Makanan di sebuah restoran mamak (bukan di tempat kenduri). Ikut pusingan jam: ikan tilapia goreng, kari dal dan kentang, bawang goreng bersama cili, nasi, peria goreng, dan ayam masak tomato.

Yang aku tidak sanggup menonton ialah baju pengantin perempuan yang tunduk membongkok sewaktu menyembah para hadirin untuk memberikan piring. Kenyanglah Mufti, ustaz, dan lelaki-lelaki nakal dalam majlis itu.

Selepas upacara makan kek, tibalah masa yang paling penting dalam sesuatu majlis perkahwinan, iaitu tarian Afrika dan muzik. Pasukan ahli muzik khas pun masuk membawa gendang dan pelbagai alat muzik tradisional, diikuti dengan penari perempuan. Pakaiannya aduhai! Lemah jantung Pak Imam dan Mufti. (Aku diberitahu Mufti terbesar di negara itu).

Anak baju dan skirt pendek menampakkan pusat. Lelakinya pula memakai seluar pendek dan baju macam tidak berjahit. Bermulalah tarian Afrika yang biasa kita tonton di televisyen. Macam tarian punggung dan perut sahaja. Aku bosan melihat. Hadirin membunyi mulut macam tarzan sahaja. Ada yang menari bersama-sama dengan penari.

Aku beritahu Encik Suami ingin balik sahaja kerana berasa agak malu dan tidak sanggup melihat adegan seksi di sekeliling kolam. Dalam kereta, kawan Encik Suami bertanya, "Apa pandangan aku tentang perkahwinan yang aku lihat tadi?" Aku beritahu dia, "*You have to Islamise the wedding.*"

Apabila aku bercerita perkahwinan di Malaysia, dia tidak percaya. Ringkas dan cepat. Perkahwinan bermula dengan sesi makan biasa pada jam 11.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang. Kalau perkahwinan anak Menteri di hotel, mungkin ada besar dan hebatnya. Tetapi kalau orang biasa, ringkas sangat.

Adat perkahwinan mereka ada "*bachelors party*, *after party,* dan kenduri yang sebenar macam yang aku hadiri tadi. Walaupun kau miskin dan bergaji kecil, kenduri kau akan dibiayai oleh saudara mara, sahabat, jiran, supaya nampak sangat hebat.

Lepas kenduri kahwin, kau jatuh papa melarat tiada siapa peduli lagi.

Tahun Kacang

Aku baru dapat tahu bahawa orang-orang di negara Encik Suami tidak ada kad pengenalan. Eh! Rupa-rupanya kad pengenalan ini suatu nikmat Allah yang kita tidak tahu menghargainya. Kalau tidak ada kad pengenalan, maknanya sukar untuk bergerak, bukan? Bagaimana hendak mendaftar rumah, kereta, tanah, pekerjaan, bank, atau ke luar negara. Tetapi yang paling penting, kau tidak ada dokumen yang membuktikan kau siapa, dari mana, dan anak siapa?

"Macam mana pula awak boleh ada pasport?" tanyaku.

"Saya buatlah semasa hendak ke Timur Tengah dulu."

"Habis, awak tak ada surat beranak. Macam mana pula. Tak faham."

"Masa hendak buat pasport, mereka temu duga dan tanya siapa awak, tinggal di mana, suku kaum apa."

"Aikk, boleh kenal kalau awak datang dari kampung yang jauh?" Katakanlah awak dari Sabah dan pejabat imigresen di Kuala Lumpur, macam mana orang di imigresen tahu awak ialah rakyat di negara ini?"

"Mereka tahulah."

"Ish... ish... Macam mana mereka tahu?"

"Berdasarkan nama kampung, suku kaum, ada pecahan-pecahan nama keluarga. Lagi satu, mereka

Gerai menjual sayur-sayuran di tepi jalan. Keistimewaan sayur-sayur di sini ialah organik, keras, kecil dan tahan lama. Aku pernah bereksperimen dengan karot yang dibeli dan dibiarkan sahaja kerana tidak ada peti ais. Boleh tahan dua minggu dan tidak membusuk.

akan uji bahasa awak. Kalau awak suku kaum ini, awak mesti boleh cakap bahasa suku kaum ini." Hanya orang dari suku kaum ini boleh cakap.

"Kalau atuk awak pula tidak ada surat beranak, macam mana tahu dia lahir tahun apa?"

"Atuk saya (kami pernah melawat kuburnya di kampung) lahir tahun kacang."

"Hahaha. Tahun kacang?" aku ketawa geli hati.

"Habis dalam setahun awak tanam kacang berapa kali... hahaha," aku tidak boleh tahan.

"Bukan macam tu. Tahun kacang tu maksudnya tahun yang benar-benar orang ingat seperti musim kemarau ataupun apa-apa yang *significant*. Macam Rasulullah. Rasulkan lahir Tahun Gajah. Tahun Abrahah membawa gajah menyerang Kaabah."

"Okay... okay. Saya faham."

Ingatkan pokok lalang tetapi millet sejenis bijirin berbentuk seperti beras perang tetapi lebih kecil dan sangat sedap untuk dijadikan tepung dan buat kuih-muih.

"Habis tu, adalah yang lahir tahun kentang, kacang panjang, cili, kubis, bawang..."

Hahaha...

Pasar Owino

Pesan suamiku, jangan pergi ke pasar Owino kerana tempat ini memang terkenal dengan tempat paling ganas dan "notorius". Jenayah yang tidak terbayangkan oleh daya fikir manusia macam orang Malaysia. Katanya, orang merompak siang-siang di depan mata semua orang. Tidak ada sesiapa yang pedulikan si mangsa. Polis pun tidak peduli kerana mereka mempunyai bahagian dalam rompakan tersebut. Contohnya kamu sedang melalui kawasan tersebut, datang seseorang yang akan memeluk kamu dari belakang. Semasa kamu berhempas pulas melawan dakapan si penjahat, kawannya akan memunggah dan meraba poket seluar. Dia akan mengambil apa yang ada.

Boleh jadi juga ketika sedang menelefon seseorang, tiba-tiba datang seorang pelari jarak dekat dengan pantas menyambar telefon dan berlari dari tempat kejadian. Sementara itu kita akan menjerit-jerit, tiada siapa yang peduli. Aku tidak percaya cakap-cakapnya. Mesti ingin menakutkan aku sahaja. Katanya lagi, jika orang asing lagilah bahaya kerana pada pandangan mereka, orang asing banyak duit. Mudah menjadi sasaran kerana orang asing tidak kenal sesiapa.

Sebenarnya, hati aku bagai digaru-garu ingin melihat pasar tersebut kerana aku memang suka melihat pasar kalau pergi ke mana-mana. Bagi aku, pasar adalah nadi kehidupan rakyat sebenar. Kau akan dapat lihat makanan apa yang mereka makan, ikan apa mereka jual, barangan apa yang ada di tempat mereka dan tidak ada di tempat kita. Pendek kata, kalau pergi ke mana-mana jangan pergi ke pasar raya. Jika ke pasar harian atau pasar basah, kita akan dapat lihat kehidupan rakyat biasa.

Suatu hari suami aku pergi berjumpa kawannya dan meninggalkan aku bersama anak-anak. Inilah peluang aku ke pasar Owino. Aku pesan kepada anak-anak supaya tinggal di rumah baik-baik dan main komputer sahaja. Aku keluar dan naik boda-boda ke pasar Owino. Aku duduk di atas motosikal dengan mengadap jalan, bukan mengadap pemandu. Aku berazam jika dia bawa aku ke tempat yang aku nampak pelik, aku akan terjun dari motosikal. Tetapi, dia benar-benar menurunkan aku di pasar Owino.

Aku berasa sungguh gembira. Bahagianya melawan cakap suami. Patutlah anak-anak perangai begini. Jangan itu ini disuruh-suruh. Kebetulan aku bertemu dengan satu kumpulan pelarian dari Somalia yang memakai tudung labuh macam telekung. Aku masuk bersama-sama kumpulan mereka. Di mana mereka pergi, aku pun ikut sekali.

Seronoknya aku melihat pelbagai jenis barangan pelik. Antaranya ikan asap (smoke fish). Ikan yang didapati dari Tasik Victoria akan dikeringkan dengan menggunakan asap. Jadi, bau asap pada ikan sangat kuat, tetapi makanan inilah paling sedap bagi mereka. Aku juga dapat melihat belalang goreng pelbagai perisa dan harga serta gred. Betul-betul macam udang geragau (kecil). Aku berpusing-pusing ingin mencari kraf tangan murah-murah jika ada. Terjumpa kulit siput babi yang

telah mati dijadikan kraf. Sungguh menjijikkan kerana isinya masih ada dan berbau busuk.

Yang murah ialah kain cadar bundle yang dilonggok dari Amerika dan Jepun. Sangat berkualiti dan masih cantik. Bau kacang tanah digoreng dan ditumbuk sungguh wangi menusuk hidung. Kacang yang siap ditumbuk boleh dibeli dan masak dengan tomato sebagai kuah (bukan macam kuah kacang untuk makan sate).

Puas juga aku merayau-rayau. Membanding-bandingkan harga. Kumpulan pelarian Somalia entah ke mana tinggal aku seorang diri merayau masuk ke lorong-lorong bahaya. Selepas penat berjalan-jalan, aku pun keluar dari pasar dan naik semula boda-boda dan minta menghantar aku ke rumah tumpangan. Satu benda pun aku tak beli. Sekadar ingin memahami harga barang dan membandingkan dengan Malaysia. Beras, minyak, gula, dan barang dapur yang lain hampir sama dengan Malaysia. Barang import seperti milo, nescafe, dan maggi sangat mahal. Harganya tiga kali ganda dari Malaysia.

Apabila aku sampai, suami aku sudah menunggu. Apabila aku beritahu aku ke Pasar Owino, dia hanya mampu mengucap panjang. Alhamdulillah tidak ada apa-apa terjadi katanya. Lain kali jangan pergi lagi. Waktu melawat ke rumah mentua, suami aku memberitahu ibu dan bapanya. Kedua-duanya mengucap panjang. Kata ibu mentuaku, "Orang tempatan pun jarang ke Pasar Owino." Aku hanya mampu tersengih-sengih. Tidak tahu apa yang patut dijawab. Mereka belum kenal siapa aku!

Salam Lelaki Perempuan

Suatu hari, suami aku menyalami seorang wanita, kenalan dari negara beliau. Aku melihat dengan perasaan tertanya-tanya. Waktu sampai di rumah aku bertanya, "Mengapa awak salam dengan perempuan tadi? Bukankah salam lelaki perempuan tu haram."

Aku biasanya tidak akan bersalam dengan lelaki. Selalunya aku akan meletak tangan di dada sahaja. Soalan aku itu menghasilkan perdebatan agama, mazhab yang berpanjangan beberapa hari lamanya. Suami aku memberitahu, "Salam lelaki dan perempuan ini adalah sebahagian daripada budaya masyarakat saya. Bagaimana nak ubah?"

Aku pula berpendapat, "Sebagai ustaz, awak mestilah

mempertahankan agama berbanding dengan budaya."

"Awak akan faham apa yang saya cakap nanti apabila awak pergi ke negara saya," kata suamiku.

Suatu hari kami sampai di sebuah kampung, kampung suami semasa dia dibesarkan dari kecil sehinggalah dia menyambung pelajaran ke Timur Tengah. Sejak pulang dari Timur Tengah, dia tidak pernah lagi pulang ke tempat tersebut. Rumah yang kami singgah ialah jiran yang pernah menjaga suami semasa dia kecil. Seorang wanita tua yang aku terpegun kerana sangat baik hati. Sewaktu kami sampai, terperanjat besar dia melihat suami aku. Dia memeluk suamiku berkali-kali sampai menangis. Seolah-olah tidak mahu dilepaskan. Dia bercakap bahasa tempatan yang aku tidak faham, tetapi bunyinya macam tersangat rindu atau berasa sedih kerana sudah lama sangat tidak berjumpa.

Apabila dia melihat aku, terusnya dipeluk aku dan anak-anakku dengan erat sekali seorang demi seorang, sehinggakan aku menitiskan air mata. Sangat terharu.

Kami dipelawa masuk dengan nada bersungguh-sungguh, tidak dapat aku gambarkan. Kami masuk dan duduk di atas sofa buruk. Kelibatnya hilang. Ingatkan ke manalah mak cik ini hilang. Rupa-rupanya dia ke rumah jiran-jiran memanggil mereka untuk memberitahu tentang kedatangan kami. Riuh rendah dengan semua mak cik tua datang melihat suami, keluarga, dan anak-anakku. Semua berpeluk-pelukan. Berpusing-pusing antara aku, suami, dan anak-anakku.

Yang melucukan apabila bercakap sepatah dua ayat, dia akan bangun dan datang memeluk suami, aku, dan anak-anak bergilir-gilir. Bercakap sahaja dua tiga minit dia akan bangun dan datang memeluk suamiku lagi. Ya Allah, mesra sungguh. Aku hanya tersengih-sengih tidak faham buah butir percakapan mereka.

Waktu kami ingin pulang bersungguh-sungguh, dia mengajak kami tidur di rumahnya. Waktu kami sudah berada di luar rumah, dia dan jiran-jiran tadi datang membawa pisang, mangga, dan buah-buahan untuk kami. Penuh dalam kereta. Aduh! Terharu sungguh.

Waktu kami berlepas pergi dia menangis. Kami pun menangis dalam kereta. Suamiku diam agak lama dalam kereta. Agaknya mengenangkan mak cik yang pernah menjaganya semasa kecil.

Aku bertanya, "Kenapa dia peluk banyak kali sangat? Apa makna percakapannya dan macam-macam lagi?"

Katanya, dia sangat rindukan suamiku dan tidak sangka dulu-dulu suamiku yang kecil sudah sangat besar. Sudah ada isteri orang asing. Sudah ada anak-anak. Dia marah sebab suamiku tidak datang menjenguknya dan bertanyakan khabar.

Perjumpaan dengan mak cik tua dan jiran-jirannya pada hari itu mengubah persepsi aku mengenai salam lelaki dan perempuan. Entahlah!

Masuk Kampung Pedalaman

Selepas beberapa hari di ibu negara, Encik Suami membawa kami melawat ke kampung-kampung tempat dia dibesarkan dan bersekolah. Jarak perjalanan seperti dari Kuala Lumpur ke Pulau Pinang. Waktu kami bertolak, cuaca masih pagi dan sempat singgah di beberapa buah kampung serta melawat saudara mara sepanjang jalan. Nama-nama tempat pun pelik. Seperti Namugongo dan Iganga susah melekat di otak.

Waktu kereta kami sampai di sebuah kawasan hampir dengan saudara mara Encik Suami, kanak-kanak kecil pelbagai umur datang dan melutut di atas tanah.

"Adoi! *No! no*! Jangan! *Don't*," aku berteriak.

Mereka sebenarnya sedang bersalam. Aduh! Kami bukan raja. Aku beritahu Encik Suami, tolonglah jangan bersalam cara ini. Tidak sanggup aku melihat kami disalam sebegitu rupa. Encik Suami ketawa. Katanya lah! Inikan cara salam kami.

Kami dijemput masuk ke rumah saudara Encik Suami. Rumahnya agak buruk. Tuan rumah sedang demam malaria. Pertama kali aku melihat bagaimana orang kena demam malaria. Mukanya pucat dan badan menggigil-gigil kesejukan. Mereka berbual-bual.

Oleh kerana aku tidak tahu apa yang patut dibualkan, aku keluar rumah kerana ingin melihat kawasan sekitar bersama anak-anak. Mereka menanam lobak merah, kentang, bawang, dan sayur-sayuran di tepi rumah. Ada juga arnab dan kambing dipelihara. Anak-anak orang Kuala Lumpur melihat kambing dan arnab pun terasa gembira satu macam. Sebenarnya, tanahnya agak subur dan cuaca yang sejuk memang

Buah avokado sesuai dibuat jus atau dimakan mentah sebagai salad. Banyak digunakan untuk membuat barang kosmetik. Sayang sekali tiada sesiapa yang mengusahakan secara besar-besaran dan dimana-mana buah terbiar tidak ada yang peduli.

sesuai menanam pelbagai jenis tanaman. Baru aku faham yang dikatakan mereka mati kekenyangan. Allah s.w.t. memberikan tanah yang subur. Cuma, perlukan sedikit usaha.

Aku sempat melihat sebatang pokok yang mempunyai buah betul-betul macam cili benggala. Cuma, buahnya agak kecil berwarna kuning. Oleh kerana tangan terasa gatal ingin merasa, aku petik sebiji dan aku letak pada hujung jari ke lidah. Tiba-tiba terasa satu sengatan kepedasan yang tidak terjangkau oleh fikiran, masuk ke dalam mata, hidung, dan kerongkong. Air mata, air liur, dan hingus meleleh-leleh keluar. Aku berlari-lari ke dalam rumah.

"*Help me! help me!*" Encik Suami terperanjat besar.

"Tolong, I termakan buah ini."

Tuan rumah masuk dan membawa secawan gula. Aku

makan gula beberapa genggam. Kepala terasa mahu pitam kerana kepedasan yang teramat. Macam skala richter 9.8. Tuan rumah membawa air. Bergelas-gelas aku minum. Masih juga tidak hilang. Kepedasan hilang sedikit demi sedikit. Hampir satu jam baru lidah aku kembali normal. Suamiku ketawa tidak henti-henti. Tuan rumah dan ahli keluarga menggeleng-gelengkan kepala tidak henti-henti. Agaknya dia ingin bertanya aku.

"Kenapalah kamu ini kebulur sangat..." (Taubat nasuha, jangan tangan itu gatal lagi).

Selepas hilang perasaan malu yang teramat sangat, kami meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya.

Sejenis cili api super pedas, tetapi bukan ini yang aku telah termakan. Aku termakan cili api versi lain. Mungkin sebab cili api original dan organik, maka darjah kepedasan boleh menyebabkan pitam. Cili api ditanam untuk diberikan kepada ayam sebagai ubat antibiotik. Bila aku beritahu cili api makanan harian orang Malaysia, terlopong mereka tidak percaya dan menganggap orang-orang Malaysia sangat hebat. Memang betul-betul kagum separuh mati... hehehehe (Aku agak, mungkin kerana mereka membayangkan orang Malaysia makan cili api versi Afrika). Yang kelakar sebab aku katakan orang di sebuah kawasan (Negeri Sembilan) boleh makan cili api macam makan keropok.

Belalang Goreng

Ada beberapa nama tempat yang masih aku ingat. Masaka. Di sepanjang perjalanan ke Masaka, pemandangan indah sekali dengan rumput kehijauan macam padang rumput di New Zealand yang kulihat dalam televisyen. Sepanjang jalan aku melihat rumput macam pokok menerung. (Sejenis pokok rumput tinggi di sawah). Encik Suami beritahu, itu pokok papyrus yang banyak ada di Mesir dan boleh digunakan untuk buat kertas. Di sini, pokok papyrus dapat di dalam paya dan paya merupakan hutan simpan negara yang tidak boleh diterokai.

Sampai di suatu kawasan, keadaan sekitar seperti savanna dan hutan kecil. Betul-betul macam filem dokumentari tentang haiwan liar, tetapi seekor binatang liar pun tidak kelihatan. Aku ingat aku akan dapat melihat zirafah atau singa. Dapat lihat kuda belang pun jadilah. Encik Suami hanya ketawa. Katanya, mana ada binatang itu lagi. Kena pergi zoo atau kawasan hutan simpan negara baru ada. Aku ingatkan ada di tepi jalan macam dalam filem.

Hari sudah hampir maghrib, tempat yang kami tuju belum sampai. Di suatu perkampungan, aku dapat melihat cara orang mengumpulkan belalang kunyit

(belalang yang boleh dimakan). Kebanyakan rumah yang mengusahakan menangkap belalang ini adalah rumah banglo kerana harga belalang ini agak mahal. Jual belalang pun boleh jadi kaya. Suatu kawasan kecil sebesar gelanggang badminton akan dibuat simen dan terdapat tiang lampu kalimantang. Di bawah lampu kalimantang tadi terdapat tong drum.

Sebuah zink panjang dibuat berbentuk V dimasukkan ke dalam tong drum. Belalang yang bilangannya berjuta-juta macam kelkatu suka pada lampu. Apabila belalang datang menerpa lampu, mereka akan terjatuh ke atas zink tadi dan menggelonsor masuk ke dalam tong drum. Belalang tadi kemudian akan dikeluarkan dan disiang, buang kaki dan kepala, kemudian digoreng. Rupanya betul-betul macam udang kering. Ada yang digoreng tanpa minyak, ada yang diletakkan cili, dan pelbagai perasa lain. Sekilo belalang yang siap dikeringkan boleh mencecah harga RM90.

Akhirnya, kami sampai di sebuah rumah. Rumah datuk Encik Suami tempat dia dibesarkan. Ada elektrik, tetapi voltan sangat rendah menyebabkan lampu agak malap.

Dalam perjalanan sempat singgah membeli mangga. Satu besen kecil RM5.00. Mangga versi Afrika kalau masak berwarna ungu campur kuning.

Hanya nampak macam bayang-bayang apabila berbual. Udara pula begitu dingin sekali, lebih sejuk dari tempat tumpangan kami. Aku diberitahu kuasa elektrik di sini diberi keutamaan kepada industri. Jadi, pengguna domestik hanya dapat elektrik yang rendah voltan. (Macam ini pun ada).

Kami dihidangkan dengan nasi panas. Tetapi aku tidak nampak lauk yang hendak disenduk, dan terpaksa mengangkat mangkuk lauk hampir ke muka (macam kurang adab).

Makan sahajalah apa yang ada. Anak-anak yang keletihan nampak gaya tidak lalu makanan Afrika. Ini betul-betul makanan kampung.

Tidak lama kemudian, bapa saudara Encik Suami datang. Dia berjalan sejauh tujuh kilometer semata-mata untuk berjumpa Encik Suami dan membawa satu beg plastik berisi belalang goreng. Masih panas! Ada bawang dan cili sekali. Tetapi aku tidak sanggup menelan belalang. Terpaksa aku meminta maaf banyak kali. Bapa saudara datang tujuh kilometer berjalan kaki, bawa makanan yang paling sedap. Aduh! Nasib baik dia faham. Encik Suami berbual-bual dengan kaum kerabat sehingga pukul berapa, aku pun kurang peduli. Cuaca sejuk sangat.

Malam itu kami tidur berhimpit-himpit. Semua selimut terasa kurang tebal!

Punca Sungai Nil

Siapa yang tidak kenal dengan Sungai Nil, mesti orang itu betul-betul buta geografi. Masa aku kecil, aku ada terbaca yang Sungai Nil ini hulunya di syurga. Masa itu fikiran bodoh aku kurang faham macam mana dari atas langit boleh turun ke bumi. Tetapi cerita Saidina Umar Al-Khattab yang menulis surat kepada Sungai Nil supaya jangan kering itu betul-betul menarik ingatan. Adalah menjadi adat di Mesir, setiap tahun mereka akan mengorbankan anak dara ke Sungai Nil. Pada suatu ketika, Sungai Nil menjadi kering.

Gabenor pada masa itu, Amru Al-As memberitahu kepada Saidina Umar Al-Khattab tentang tradisi tersebut. Beliau lalu menulis sepucuk surat yang ditujukan kepada Sungai Nil. Surat itu berbunyi begini.

Punca Sungai Nil
Sumber Gambar: http://kenyacountyguide.com/home/the-elegant-lake-victoria/

Dari hamba Allah, Amirul Mukminin, Umar bin Al-Khattab. Jika kau mengalir kerana dirimu sendiri, maka janganlah engkau mengalir. Namun jika yang mengalirkan airmu adalah Allah, maka mintalah kepada Allah yang Maha kuasa untuk mengalirkanmu kembali.

Amru Al-As kemudian melemparkan surat itu ke dalam Sungai Nil. Sejak itu Sungai Nil tidak pernah kering lagi.

Waktu aku belajar geografi, Sungai Nil merupakan sungai yang sangat penting di Mesir kerana menjadi punca kuasa air untuk pengangkutan, tanaman, dan ternakan. Tidak pernah pula aku tahu yang Sungai Nil berasal dari mana. Encik Suami ingin membawa kami melihat punca Sungai Nil atau di mana Nil bermula. Aku bertanya berulang-ulang kali, seperti tidak percaya.

"Sungai Nil yang di Mesir itu, ke?

Jalan menghala ke Sungai Nil

"Ya," jawab Encik Suami.

"Eh! Biar betul. Sungai Nil yang cerita dalam Al-Quran tu, tempat Nabi Musa a.s. dihanyutkan."

"Sungai itu di Mesirkan? Macam mana pulak sampai di sini?"

"Ya. Awak tidak belajar geografi?"

"Belajar. Tetapi tidak belajar asal usul Sungai Nil." (Sebenarnya, aku sudah lupa barangkali).

"Sungai Nil ini berasal dari sini dan akan bertemu dengan satu punca lain dari Sudan. Di sini dipanggil Nil Putih. Di sana Nil Biru. Dua sungai ini akan bertemu di Khartoum, merentas 10 buah negara. Sejauh 7,000 kilometer."

"Wow! Wow! Aku melopong. Kali ini benar-benar melopong.

Perjalanan ke punca Sungai Nil atau *sources of the Nile river* melalui kampung-kampung kecil seolah-olah ke kawasan pedalaman. Rumah-rumah buruk dibuat dari tanah liat dan uzur kelihatan di kiri kanan jalan.

Kami berjumpa dengan sekumpulan Mat Salleh yang menunggang basikal, agaknya pelancong. Kami menyusuri sebatang sungai yang agak lebar dan berair jernih. Selebar Sungai Perak. Cantiknya... ada air terjun kecil dan deras. Sampai di satu kawasan yang tidak nampak macam kawasan pelancongan atau kawasan yang hebat pun, tetapi tertulis *source of the Nile River.*

Dari jauh di tengah-tengah sungai dapat dilihat air membuak-buak naik. Pelancong tidak dibenarkan menaiki bot atau ke tengah sungai untuk melihat kerana berbahaya. Oh Masya Allah... Subhallah. Ya Rabbi. Itu sahaja yang termampu aku ungkapkan kerana begitu kagum melihat, merefleksi, dan berfikir tentang kejadian Allah s.w.t.

Hospital Kandang Kambing

Cuaca sejuk dan suasana debu merah sangat tidak sesuai untuk anakku yang mempunyai penyakit asthma. Dari Malaysia lagi, peralatan seperti inhaler, pelbagai jenis ubat dibawa sebagai persediaan. Anakku pula selalu berjaket tebal dan menutup mulut dengan penutup seperti doktor di hospital.

Suatu hari, kami dijemput menghadiri kenduri kahwin. Tempatnya agak jauh dari bandar. Waktu itu masih panas sekitar pukul dua petang. Oleh kerana terlalu teruja untuk melihat kenduri, aku terlupa membawa inhaler dan ubat-ubatnya. Sampai di tempat kenduri, anakku sudah menunjukkan tanda-tanda akan kena asthma. Oleh kerana asyik melihat persembahan, ucapan, makan, dan berbual-bual, kami terlupa akan beliau yang sudah diserang asthma. Jam sudah menunjukkan pukul 5.00 petang. Udara semakin sejuk.

Keadaan anakku bertukar-tukar perlahan menjadi teruk. Kami bergegas keluar dari tempat kenduri dan naik kereta kawan kepada suamiku. Sebuah kereta Pajero tua. Beliau memandu kereta untuk mencari hospital yang terdekat. Jalan pula berliku-liku dan agak teruk, berlubang-lubang. Kereta melambung-lambung sehingga kepala hampir mencecah bumbung dan terbuai ke kiri dan ke kanan kerana dipandu dengan laju. Keadaan anakku sangat serius. Bunyi dia menarik nafas terlalu kuat sehingga seperti orang berada di hujung nyawa. Nazak. Aku sudah menangis di dalam kereta. Bayangan hospital pun belum nampak lagi.

Oleh kerana keadaan semakin kritikal, anakku duduk di atas tanganku dalam keadaan telungkup. Kakinya di atas lantai kereta. Aku pula menangis-nangis *Faster! Faster!* Kawan suamiku yang memandu melajukan kereta. Allah sahaja yang tahu. Masya Allah! Masya Allah!

Akhirnya kami sampai di sebuah tempat yang dikatakan hospital. Hospital? Betul-betul macam kandang kambing. Entah di mana hospital itu, di sebuah kawasan luar bandar. Dindingnya dari dua tiga keping papan bersusun jarang-jarang. Jam hampir pukul 6.00 petang. Cuaca semakin sejuk dan langit macam mendung. "Doktor! Doktor!" Jerit kawan suami. Tetapi tidak ada doktor. Ya Allah! Cepatlah. Mahu buat apa ini? Aku menangis-nangis. Suami dan kawan berkeliling "hospital" mencari doktor, tetapi tidak ada.

Tiba-tiba datang seorang lelaki tua yang memperkenalkan diri sebagai tukang kebun. Dia beritahu doktor tidak ada dan sudah pulang ke rumah. Rumahnya tidak jauh dari hospital. Suamiku dan kawannya berlari-lari anak mengikut pak cik tadi. Agak lama juga mereka pergi. Tinggal anakku yang sedang menarik nafas dengan bersusah payah di atas ribaanku.

Tidak lama kemudian, mereka datang bersama seorang doktor wanita yang berusia dalam 30-an. Beliau lantas membuka pintu dan membawa kami ke dalam. Anakku didudukkan di atas sofa buruk yang koyak rabak. Katanya, mereka tidak ada ubat asthma berbentuk gas yang biasa aku dapati di hospital Malaysia. Cuma, dia ada ubat berbentuk suntikan yang akan mengambil sedikit masa untuk sembuh dan suntikan agak sakit. *Okey*. Setuju. Jawab suamiku.

Doktor terus mengikat pergelangan tangan anakku dengan tali plastik seperti tiub dan memberikan satu suntikan. Mak aii! Besarnya jarum. Anakku menangis kesakitan. Agak lama kami menunggu nafasnya menjadi normal kembali. Dalam hati, Allah sahaja yang tahu. Tidak putus-putus kami berdoa.

Sambil menunggu, aku melihat sekitar bilik. Terdapat sebuah katil buruk dibuat daripada besi seperti katil hospital, tetapi sangat buruk. Tilam daripada kulit tiruan seperti sofa dalam kereta lama, tetapi koyak rabak. Keadaan dalam bilik doktor yang dipanggil wad sangat daif. Kalau kau jadi pesakit, kau datang ke hospital, bukan semakin sembuh,

tetapi semakin sakit kerana kuman dari hospital.

Tidak berapa lama, keadaan anakku hampir pulih. Nafasnya beransur-ansur kembali normal. Jam sudah hampir pukul 8.00 malam. Oleh kerana terlalu berterima kasih kepada doktor, suami aku memberikan hadiah wang sebagai tambahan kepada dia. Alhamdulillah.

Sejak kejadian itu, kami sangat berhati-hati jika ingin pulang ke Afrika lagi.

Disko dan Salon Rambut

Aku suka memerhatikan kawasan sekeliling dan kemudian bertanya kepada suamiku begini, begitu, mengapa. Setiap kali dalam perjalanan ke kampung, aku dapat melihat banyak rumah-rumah buruk dan ada juga yang cantik di tepi jalan. Ada yang betul-betul berupa kandang kambing. Tetapi tertulis perkataan Disko. Walaupun buruk, masih ada lampu begemerlapan atau lampu *lip lap*.

"Orang kampung ini datang berdisko-kah?" tanyaku.

Kata suami, ini untuk pemandu lori perjalanan jauh yang akan merentas benua ke Tanzania, Rwanda, Kenya, dan negara-negara sekitar. Kebanyakan pengunjung orang Kristian. Umat Islam jarang ke disko.

Minuman yang terkenal di disko ialah "waragi" alkohol buatan tempatan. Kilangnya pun besar, walaupun kecil sedikit dari Kilang Guiness di Shah Alam. Aku beritahu suami, "Kalau beginilah banyaknya disko di tepi jalan, tidak hairanlah negara awak banyak orang mengidap Aids. Di sinilah tempat pembiakannya!"

Selain disko, salon rambut merupakan satu jenis perniagaan penduduk tempatan yang sangat popular. Dalam sebuah kampung yang jauh, boleh dijumpai salon rambut. Dua atau tiga salon sekali adalah biasa. Nampaknya, wanita-wanita mereka suka menggayakan rambut. Aku membawa anak-anakku ke sebuah salon dan ingin mencuba rambut gaya Afrika. Maklumlah kalau di Malaysia, tidak ada kepakaran memelihara dan menjaga rambut afro. Biasanya susah disikat dan diuruskan.

Tuan kedai bertanya mengenai fesyen rambut yang aku mahu. Aku hanya mampu ketawa. Masya Allah, pelbagai jenis. Apabila melihat kepada rambut-rambut palsu yang ditawarkan, baru aku faham. Rupa-rupanya, rambut-rambut wanita

yang pernah aku nampak dalam perut kapal terbang ialah rambut palsu. Kebanyakan wanita di sini boleh dikatakan mempunyai rambut keriting yang sangat keriting hampir-hampir botak. Jadi, rambut palsu yang mereka ada seperti sanggul atau dandanan halus atau tocang sebenarnya ialah rambut palsu yang diikat (seolah macam jahitan) kepada rambut asli.

Rambut ini tidak perlu dibuang, malah menjadi seperti rambut asli yang dipakai bertahun-tahun lamanya. Tukang rambut yang melihat rambut anak-anakku sangat gembira dan suka hati kerana jarang mereka melihat rambut yang begitu banyak dan gebu. Dia bermain-main dengan rambut mereka sambil ketawa gembira dan mencadangkan mereka membuat tocang dandanan halus macam Bo Derek. Perlu banyak getah rambut. Aku pun setuju. Tidak lama kemudian, siaplah rambut anakku dalam harga RM15 seorang.

Aku beritahu anak-anakku, simpan rambut nanti tunjuk dengan nenek mereka di Malaysia. Tetapi selepas seminggu, anakku sudah tidak tahan gatal kepala. Terpaksalah membuka getahnya satu per satu yang mengambil masa juga. Lenguh tangan dibuatnya.

Gerakan Kristian

Penduduk di negara suami menganut agama Islam, Kristian, Hindu, dan Pagan. Bilangan umat Islam dalam 35 peratus daripada 34 juta orang. Kebanyakan mereka mengamalkan Mazhab Syafi'i, tetapi ada juga pelbagai mazhab lain yang tidak diiktiraf seperti Syiah Ismailiyah. Agama Hindu pula dianut oleh pendatang India yang menguasai ekonomi negara ini. Tetapi, Kuil Hindu yang ada di sini betul-betul seperti masjid. Kata suami, ini kerana agama Hindu yang dianut oleh mereka dari golongan Brahmin, manakala India yang ada di sini pula ialah berkulit putih keturunan Aryan seperti pelakon filem Hindustan.

Umat Islam menguasai beberapa aspek kehidupan di sini. Misalnya, urusan penyembelihan daging untuk dijual dikuasai oleh umat Islam sepenuhnya. Ini kerana, sudah ditetapkan dalam undang-undang negara hanya umat Islam dibenarkan menyembelih binatang untuk jualan. Jadi, kau boleh pergi ke mana-mana untuk membeli daging. 100 peratus halal.

Yang aku ingin ceritakan ialah mengenai agama Kristian yang sangat berusaha bersungguh-sungguh untuk berdakwah tentang agama mereka. Waktu aku sampai di

Ini kuil hindu bukan masjid. Hindu di sini berkulit putih dan bermazhab Brahmin.

Lembu Ancholi sejenis lembu bertanduk panjang. Agak menakutkan bagi yang tidak biasa melihat. Tetapi lembu tetap lembu juga boleh dikawal oleh manusia. Lembu ini boleh dilihat di Zoo Negara di Ulu Kelang (lima tahun dahulu aku ke Zoo Negara dan melihat lembu jenis ini).

rumah mentua, aku agak terperanjat kerana pendakwah Kristian bebas masuk ke dalam kawasan rumah dan membaca Bible di tengah halaman, walaupun tiada siapa yang peduli. Waktu aku ingin ke pusat bandar, aku ternampak seorang lelaki berdiri di tepi jalan, di tengah panas terik matahari memberikan ceramah mengenai Kristian. Tiada siapa yang pedulikan beliau.

Waktu aku sampai di pasar, aku perhatikan ada seorang pemuda yang memakai seluar hitam dan baju putih (kata suami, pakaian rasmi pendakwah Kristian) berdiri di tengah-tengah pasar bercakap tanpa mikrofon mengenai Kristian. Waktu kami melalui stadium, aku melihat ramai betul manusia, beribu-ribu orang. Ingatkan ada perlawanan bola sepak. Kata suami, orang Kristian menghadiri acara agama mereka. Suasana bising dan gamat seperti konsert dengan lagu dan nyanyian yang boleh kedengaran dari jauh. Aku beritahu suami, aku teringin masuk ke stadium dan melihat apa yang berlaku. Tetapi dia melarang.

Suatu hari, kami berjalan di sebatang jalan raya dari tempat peranginan menuju ke tempat letak kereta. Kami melalui satu kawasan yang didirikan khemah, orang-orang sedang menari beramai-ramai. Betul-betul di tepi jalan. Mendengarkan muzik mereka yang begitu merdu terasa seperti ingin turut serta. Aku berhenti di tepi jalan dan melihat gaya mereka menari. Ada beberapa orang yang sedang menari memandang kepadaku dan melemparkan senyuman. Aku tanya Encik Suami, mereka ini siapa dan kenapa mereka menari di tepi jalan. Kotak muzik pembesar suara yang besar-besar seperti konsert antarabangsa diletakkan di bawah satu khemah. Siapa yang membiayai khemah dan muzik serta peralatannya? Kata Encik Suami, inilah "Born Again Christian (BAC)." Mazhab agama Kristian yang sangat agresif dalam kerja dakwah mereka.

Pendakwah Kristian sedang memberikan ceramah di tepi jalan.

Apabila masuk ke sesuatu negara, BAC akan mengkaji mengenai kegemaran dan cara hidup penduduk tempatan. Mereka akan memberikan apa sahaja kepada penduduk tempatan secara percuma. Contohnya masyarakat di sini gemarkan muzik dan tarian. Mereka akan sediakan khemah-khemah bermuzik di tepi jalan untuk menarik sesiapa yang berminat menari secara percuma. Sambil mendengar ceramah dari pendakwah mengenai Kristian.

Cerita Encik Suami menyebabkan aku bertanya pelbagai jenis soalan sampai ke akar umbinya. Baru aku dapat tahu ramai umat Islam memeluk Kristian termasuklah ustaz, golongan alim, serta berpelajaran tinggi dalam agama. Malah seorang bekas ustaz, kini menjadi paderi yang menarik ramai umat Islam menjadi Kristian.

Tetapi beritahu suamiku, ini semua adalah berkaitan dengan duit, kemewahan, dan kekayaan material kalau menjadi Kristian. Kalau bercakap di tengah pasar, di tepi jalan macam yang aku lihat, mendapat gaji dalam seribu setiap bulan. Menjadi pendakwah Kristian sebagai satu kerjaya, cari makan untuk keluarga. Kalau jadi paderi, lebih banyak pendapatan bulanan yang kita dapat. Kaya raya berbanding dengan ahli keluarga dan jiran tetangga yang miskin. Penerangan suamiku membuatkan fikiran aku merawang jauh ke langit, ke syurga, neraka, dan kembali ke bumi. Astaghfirullahalazim.

5 Kenya

Perjalanan ke Kenya

Sesi perkara wajib sudah berakhir, iaitu melawat ibu bapa, mentua, saudara mara, dan kaum kerabat. Kini, tinggallah sesi perkara sunat pula, iaitu melihat kawasan atau melawat tempat-tempat menarik. Duit pula sudah semakin kurang. Aku teringin sangat hendak melihat Taman Negara seperti dalam televisyen, orang Masai, dan binatang-binatang ciptaan Allah s.w.t. yang selalu aku tonton dalam *National Geographic*.

Tempat yang kami ingin tuju ialah Nairobi di Kenya, negara jiran kepada negara ibu bapa mentua. Jauhnya lebih kurang 700 kilometer. Jarak perjalanan sehari semalam dengan menaiki bas. Naik pada pukul 5.00 petang dan sampai pada pukul 5.00 petang keesokannya. Tambang lebih kurang RM80 seorang. Basnya pula macam bas zaman dahulu, sebelum ada bas ekspres di Malaysia. Tempat duduk keras betul (keras keding). Sakit belakang, sakit punggung, sakit pinggang, semua ada. Tetapi oleh kerana hati sangat seronok, semua sanggup diredah.

Perjalanan tersebut melalui kawasan tanaman teh yang sangat cantik, *awesome, beautiful!* Tidak terbayangkan oleh kata-kata. Jaraknya, besarnya selautan mata memandang. Ladang teh yang lebih besar berganda-ganda daripada Cameron Highlands. Kami juga melalui ladang tebu seluas-luasnya. Lautan kehijauan permaidani percuma. Langit membiru. Hamparan pokok tebu dan pokok teh menerbitkan pertemuan antara langit dan bumi, serta membentuk gambaran indah yang tidak dapat ditaip di atas komputer. Allah s.w.t. memberikan aku peluang untuk melihat semua kebesaran dan keindahan ini. *Subhanallah*. Maha Suci Allah. Berkali-kali aku membaca *Rabbana maqalaqtahaza batilan subahanaka faqina aza bannar*. Terima kasih Allah yang memberikan aku nikmat mata untuk melihat dan hati yang merasa kebesaran Allah s.w.t.

Yang kukesalkan ialah terlepas semua jenis solat. Bas pun tidak berhenti. Manusia penuh di dalam bas. Ada yang membawa ayam, pisang, guni-guni entah apa duduk di atas lantai. Bas ekspress pun boleh membawa penumpang duduk di atas lantai. Yang sebenarnya, ini adalah tidak dibenarkan. Sepanjang perjalanan pemandu mengambil mereka. Mereka ini membayar tiket kepada pemandu dan konduktor, sedangkan kami membeli tiket di kaunter. Di sini pun ada korupsi juga. Pemandu cari wang tambahan.

Kami sampai di suatu tempat lebih kurang pukul 3.00 pagi. Betul-betul di tengah-tengah hutan, dalam kegelapan malam yang pekat, bas berhenti kerana tayar pecah. Allah sahaja yang tahu. Kalaulah ada pengganas atau perompak jalanan, tentulah dia akan menuju kepada aku dulu kerana aku *muzungu* (orang asing). Aku tentu dianggap banyak duit. Aduh!

Ya Allah! Hanya terdengar bunyi cengkerik dan binatang entah apa bersahut-sahutan. Semua orang dalam bas termasuk suami adalah orang tempatan. Akulah yang menjadi manusia asing di sini. Aku dan anak-anakku sahaja orang Malaysia. Sejak petang aku terperasan ada beberapa orang yang asyik memandang kami yang bermuka agak berlainan dan memakai tudung. Macam-macam

perkara buruk datang menerpa dalam ingatan. Apa yang akan terjadi ini sunyi sepi di tengah hutan, sebuah kenderaan pun tidak ada yang lalu.

Pemandu bas dan penumpang-penumpang menuruni bas. Aku pun turun juga menyibuk kerana ingin melihat. Sempat aku memandang ke langit dan mengucap Subhanallah berulang-ulang. Di langit, kelihatan berjuta-juta bintang berkelip-kelip sungguh indah sekali dalam kegelapan langit yang pekat di tengah hutan. (Hutan bermaksud padang rumput, bukan hutan macam di Malaysia). Penumpang pula mengeluarkan telefon bimbit yang mempunyai lampu. Dengan lampu yang suram-suram dan kegelapan malam, pemandu dengan bantuan penumpang menukar tayar bas. Apabila bas mula bergerak, barulah hilang darah gemuruh dan segala ketakutan dalam diri. Masya Allah! Itu sahaja yang dapat aku ungkapkan. Aku diam membisu cuma membaca pelbagai doa di dalam hati.

Satu jam jugalah berada di situ. Bersuluhkan lampu picit, beribu-ribu bintang di langit bumi Afrika yang gelap pekat. Sampai di perbatasan Kenya, kami semua dipaksa turun dalam kegelapan subuh pagi. Kami berjalan dalam kesejukan ke tempat pemeriksaan pasport. Apabila sampai ke tempat imigresen, pegawai yang mengecop pasport membelek-belek pasport aku dan anak-anak.

Baru pertama kali dia melihat pasport Malaysia berwarna merah dan melihat orang Malaysia. Katanya, rupa aku macam orang Afrika juga. Tidak begitu jauh berbeza. Hahaha. Aku ketawa besar. Dia keluar lalu menyalami aku. Encik Suami dan anak-anak sambil ketawa besar melihat anak-anak Pan-Afrika. Dia sangat gembira apabila tahu yang aku dari Malaysia. Dalam hati terasa kecut dan gementar kerana aku tidak ada visa, hanya meredah dan takut jika dia minta rasuah. Pura-puralah menjadi peramah dan baik hati konon. "Wah, tuan bekerja hingga larut malam," "Rajin, tuan," dan sebagainya.

Akhirnya, pasport kami dicop dan kami berjalan semula ke tempat bas berhenti. Apabila sampai, aku lihat beberapa orang askar dengan senjata sedang memeriksa bas. Gementar lagi melihat perkara-perkara begini, walaupun kami tidak melakukan apa-apa kesalahan. Perasaan bimbang itu ada. Akhirnya, semua penumpang dibenarkan menaiki bas dan perjalanan diteruskan ke Nairobi, Kenya.

Nairobi kenya

Kenya

Jam hampir 5.00 petang, kami tiba di sebuah bandar moden, penuh dengan manusia, bangunan tinggi, dan kenderaan bersimpang siur. Jalan raya sangat baik. Tidak jauh bezanya dengan Kuala Lumpur. Aku tercengang-cengang jadi rusa masuk kampung lagi.

Encik Suami memberitahu, Nairobi ialah bandar yang terbesar di Afrika. Kebanyakan organisasi antarabangsa berada di Nairobi. Tidak hairanlah jika kita dapat melihat ramai orang Inggeris, *expatriat* yang bekerja di sini. Ada beberapa bangunan tinggi macam kawasan Bukit Bintang. Kami dijemput oleh adik Encik Suami yang bekerja di Kenya dan berkahwin dengan warga Kenya bangsa Kikuyu. Beliau tinggal di sebuah apartment yang agak besar dan cantik. Barulah rasa puas hati sebab betul-betul rasa macam di Malaysia.

Apabila kami sampai, isterinya sudah masak. Terkejut besar aku, kami dihidangkan dengan *coconut rice* (nasi lemak) dan roti canai

(dipanggil capati). Eh! Ini macam Malaysia. Kami makan dengan lahap sekali kerana sudah beberapa hari rindu masakan Malaysia. Aku tertanya-tanya di dalam hati, "Adakah nasi lemak dan capati makanan milik semua bangsa?"

Bagaimana nasi lemak dan capati boleh sampai di Kenya?

Menu disebuah restoran

National Geographic Konon

Adik Encik Suami menyewa sebuah kereta dan meminta bantuan kawannya untuk membawa kami berjalan-jalan ke sekitar kerana beliau bekerja. Pemandu membawa kami ke Zoo Nairobi. Sebaik sahaja sampai, kami dipelawa membeli tiket oleh pemandu pelancong. Beliau memberitahu, dia lulusan ijazah pelancongan. Beliau bertanya mahukah kami melawat pelantar kayu yang terbesar di dunia yang dibina merentas hutan, dan kami akan dapat melihat haiwan dari bawah pelantar.

Wah! Aku membayangkan mesti gempar habis. Pelantar kayu terbesar di dunia, merentas hutan pula, dan melihat haiwan dengan mata di bawah jambatan. Tentu ia pemandangan yang menarik. Tiketnya USD20 seorang. Selepas membeli tiket, kami berjalan-jalan di atas pelantar. Aku ketawa kerana pelantar itu indah khabar dari rupa. Binatang seekor pun tidak dapat kami lihat. Kata si pemandu pelancong, waktu siang biasanya haiwan liar menyorok atau tidur di dalam semak atau atas pokok. Habis, yang kami belanjakan USD120 untuk tengok pokok ini kenapa pulak ya?! Adoi!

Setelah berlegar-legar, tiba-tiba keluar seekor burung Kasawari Afrika. Mak aii! Besarnya. Kalau dibandingkan dengan burung ostrich di Zoo Negara itu, aku rasakan ostrich di Malaysia dari spesis kerdil. Badannya sahaja boleh dinaiki oleh dua orang gemuk. Kami juga dapat melihat harimau bintang yang sedang tidur di atas pokok yang sangat tinggi macam pokok petai. Kalau ada binatang pemangsa lalu di bawah macam manusia yang tidak memandang ke atas, silap-silap boleh diterkam harimau bintang. Aku diberitahu oleh pemandu pelancong, harimau bintang ini sejenis binatang yang cerdik. Ia boleh memanjat, boleh berenang, dan boleh berlari dengan laju. Kalau terjumpa harimau bintang, di mana kita patut melarikan diri?

Aku juga baru tahu tompok-tompok pada badan harimau bintang ini sebenarnya berlainan dari seekor dengan seekor yang lain. Begitu juga kuda belang. Belang-belang pada badan kuda sebenarnya berbeza-beza. Belang dan tompok berperanan sebagai kad pengenalan antara sesama bintang. Oleh itu, binatang itu kenal sesama sendiri. Patutlah ibu kuda belang tahu siapa anaknya dan sebaliknya. Masya Allah... aku mengucap panjang mendengar penjelasan pemandu

Zirafah menunggu untuk disuap makan.

pelancong dan melihat bentuk-bentuk tompok pada badan harimau bintang pada sebuah poster dan membaca apa yang diberitahu tadi. Terpegunnya. Ya Allah. Maha Suci Allah. Tidak sia-sia engkau ciptakan benda ini.

Selepas tidak ada lagi binatang yang hendak dilihat (rasa mahu marah pun ada), dan dekat RM400 dihabiskan untuk melihat pelantar yang terpanjang di dunia (hahaha!), kami pun keluar dari tempat tersebut. Pemandu pelancong beritahu, sekarang tuan boleh melihat singa pula dengan bayaran lebih mahal dari tadi. Aduh! Baru aku tahu, tadi bukannya zoo yang sebenar, tetapi pintu masuk ke zoo. Zoo yang sebenar bayarannya mahal lagi. USD45 seorang. Hendak ketawa pun ada, menangis pun ada.

Bijak sungguh negara ini melancongkan pelancong. Ada lagi! Kalau mahu lihat zirafah sahaja USD10 lagi. Hilang pula rasa hendak marah kerana menyedari harga kebodohan, kerana malas bertanya soalan. Sepatutnya, tanyalah soalan dengan satu per satu. Di mana zoo, binatang apa di zoo. Ada berapa jenis zoo. Aku ingat macam zoo di

Melaka atau di Kuala lumpur. Sekali masuk, boleh lihat semua.

Akhirnya, kami setuju untuk melihat zirafah sahaja dan memberi makan zirafah. Tambah USD60 lagi untuk enam orang. Pelantar tinggi dibina sama tinggi dengan leher zirafah, dapatlah memberikan makan ke mulut zirafah. Sebenarnya, bayaran yang mahal ini dikenakan untuk warga asing sahaja. Untuk membeli tiket, kena tunjukkan pasport. Manakala warga tempatan perlu membayar RM5 sahaja.

Aku diberitahu oleh adik ipar (beliau pernah bekerja di Kementerian Pelancongan) bahawa sumber ekonomi terbesar di Kenya ialah pelancongan. Kalau betul-betul hendak melihat macam dalam dokumentari National Geographic, kena bayar dalam USD300 hingga USD400 sehari seorang. Kalau mahu melihat binatang liar betul-betul boleh sangat, tetapi perlu mengikut peraturan-peraturan yang agak ketat atas sebab-sebab keselamatan.

Pakej pelancongan dalam enam hingga tujuh ribu seorang untuk tiga hari. Pertama, perlu menyewa kereta khas (boleh keluarkan kepala dari atas bumbung). Pemandu pelancong juga perlu yang berlesen sahaja kerana hanya yang mahir boleh ke tengah-tengah semak

Zirafah dari pandangan atas pelantar

Anak-anakku sedang memberi makan kepada zirafah.

samun hutan savana. Malamnya boleh menginap di hotel di tengah-tengah kawasan binatang liar. Silap-silap, singa dan gajah masuk sekali dalam kelambu. Hahaha.

Isteri Adik Ipar

Isteri adik iparku mempunyai salon rambut. Dia mempelawa aku cuba membuat rambut gaya Afrika. Seronok juga, maklumlah *free.* Masa rambut aku dicuci dan diletakkan ubat, aku masih bertahan. Tetapi apabila kepala aku dimasukkan dalam alat pemanas macam periuk, aku hanya mampu bertahan 10 minit. Rasa macam kepala di dalam neraka. Aku membayangkan, inilah agaknya di dalam neraka nanti. Kalau tidak bertudung, akan diserkup dengan periuk panas. Akhirnya, aku *surrender* sahajalah. Oleh sebab rambut itu belum masak betul-betul macam rambut gaya Afrika, aku hanya mampu bertahan selama dua hari.

Isteri adik iparku memeluk Islam selepas berkahwin dengan adik Encik Suami. Dulu dia bukan Islam, tetapi agama pagan. Menarik juga belajar mengenai perbezaan budaya kaum-kaum di Afrika ini. Banyak soalan yang aku tanya tentang cara hidup, adat istiadat, dan sebagainya. Apabila aku tanya apa beza menjadi Islam dan tidak Islam, dia memberitahu banyak benda yang dia sudah berhenti makan sekarang.

"Apakah makanan yang paling sedap sebelum menjadi Islam dengan selepas Islam?"

"Buaya," katanya selamba.

"Apa?" aku hampir tersedak. Cerita makan buaya, keenakan dagingnya, bagaimana buaya di siang, membuatku terhenti mengunyah makanan di dalam mulut.

Orang Masai

Teringin benar rasanya aku ingin melihat orang Masai. Aku belum dapat melihat orang Masai seperti yang aku gambarkan dalam kepala dan yang pernah aku lihat dalam buku-buku. Tinggi, kurus, telinga panjang, memakai baju berwarna warni sambil berjalan membawa tombak. Apabila aku beritahu encik suami, dia ketawa besar.

Orang Masai ialah orang asli di Kenya. Mereka dikenali sebagai masyarakat penternak lembu dan dikenali melalui adat yang unik seperti tarian melompat. Aku pernah terbaca dalam adat mereka, jika ingin menjadi pahlawan, seseorang

Tanah Milik Kaum Masai, Kenya. Udara sejuk dan bersih. Pada waktu pagi berkabus tebal

itu mesti berjaya membawa balik kepala singa.

"Orang Masai tu macam manusia lain juga. Apa yang awak mahu lihat? Ada mata, kepala, telinga, hahaha."

"Tahulah, dia bukan *alien*. Tetapi, mesti tinggi-tinggikan. Betulkah dia orang minum darah lembu dan buat rambut dengan tahi lembu?"

Adik iparku ketawa besar, hahaha. Memecah ruang tamu rumah.

"Itu Masai zaman bila kak?" Dia bertanya. Aku rasa macam bodoh dan ketinggalan zaman. Masai dalam buku geografi masa aku di sekolah rendah tahun 1970-an.

"Hahaha."

Kraftangan orang Masai.

Kikomba dan Mitumba

Adik iparku membawa kami ke pasar raya West Gate (Pada tahun 2013, pasar raya ini dibom oleh ekstremis As-Shabab dari Somalia menyebabkan kematian 67 orang dan beratus-ratus orang cedera). Pasar raya yang kami kunjungi ini penuh dengan warga asing pelbagai bangsa dari seluruh pelosok dunia. Kecil sedikit dari Mid Valley Kuala Lumpur. Aku bertanya adik ipar kenapa dia membawa kami ke sana. Dia memberitahu, "Orang asing suka datang ke pasar raya."

Aku pun memberitahunya dengan berlagak, di Malaysia kami ada banyak pasar raya sebesar ini di merata-rata tempat. Malah lebih besar berganda-ganda.

"Tengok pasar raya mahu buat apa," kataku.

"Habis kak mahu tengok apa?"

"Kak mahu tengok pasar ikan, rumah orang miskin, kawasan setinggan. Kenya ada kawasan setinggan terbesar di dunia, kan," tanyaku.

Dia ketawa besar. (Agaknya, kakak ipar macam orang kurang siuman).

"Tempat itu nama Kikomba."

"Tempat itu kotor dan jalan dia teruk. Apa ada di situ."

Suamiku hanya mengiyakan. Akhirnya, adik iparku membawa kami ke kawasan setinggan yang aku tanyakan. Dia sebenarnya malas kerana takut kereta Toyota Corollanya rosak. Hahaha...

Sewaktu berjalan ke tempat letak kereta, kami melalui pasar kraftangan yang agak besar. Barangan buatan tangan Afrika memang cantik seperti ukiran kayu zirafah, singa, gajah, dan binatang lain. Aku membeli kotak pensil daripada manik untuk buah tangan saudara mara di Malaysia nanti. Mahu menawar harga, bukan main sukar. Kedekut *nak mampus*. Sombong pula. Aku ingatkan orang Afrika boleh tawar menawar.

Ada lukisan pada kain yang berlatar belakangkan binatang liar dan padang rumput di Kenya benar-benar menarik. Berulang kali aku melihat, tetapi harganya RM1200 membuat aku tersengih-sengih sahajalah. Kalau digantung di dinding rumah, memang nampak kelas. Aku berangan-angan. Si penjual pula sedikit pun tidak mahu bertolak ansur. Aku minta RM300 bermati-matian sehingga akhirnya aku mengalah.

Jalan ke kawasan setinggan begitu teruk kerana berlubang-lubang. Kereta yang dibawa oleh adik iparku melambung-lambung. Patutlah dia enggan tadi. Di kiri kanan aku melihat rumah orang miskin yang tidak terfikir dalam ingatan ada orang tinggal dalam keadaan yang kotor dan sempit begitu. Seluas tandas sahaja. Berdindingkan guni plastik sahaja. Senget-benget. Masya Allah. Masya Allah sahaja yang dapat aku ungkapkan. Aku ingin mengambil gambar, tetapi adik iparku melarang. Katanya mereka ini agak sensitif dengan jurugambar.

Kemudian, dia membawa kami ke pasar barang-barang terpakai atau Mitumba yang terbesar di dunia. Masya Allah! Masya Allah lagi. Di sinilah rupanya tempat pembuangan sampah pakaian dari seluruh dunia. Rupa-rupanya berpusat di sini. Baju-baju terpakai, ada yang elok dan tidak elok dijual begitu banyak. Terlalu banyak macam lautan di tempat yang agak kotor, tidak sistematik, berserabut. Kedai-kedai buruk dibina berliku-liku tidak habis-

Pasar pagi di tepi jalan dalam perjalanan ke kawasan pedalaman

habis kalau kita berjalan. Teruja juga melihat barangan terpakai.

Akhirnya anak-anak aku membeli sneakers dari Amerika yang masih nampak macam baru dengan harga RM20 sepasang. Tetapi memang berbaloi. Kasut yang dibawa dari Malaysia jenama Bata beri sedekah sahajalah. "Bundle itu *cool!*" Aku teringat dengan seorang aktivis politik yang gemarkan pakaian bundle.

Selepas tiba di rumah. Aku bertanya adik iparku lagi, "Macam mana mahu tengok orang Masai?"

"Lah, yang di pasar kraf tadi itulah orang Masai." (La... awat hang tak habaq).

"Patutlah tinggi dan kurus saja. Tapi mereka itu susahnya mahu tawar menawar."

"Memanglah kak, situ kawasan orang putih *shopping*. Orang Masai pun sudah cakap dalam bahasa Inggeris sekarang."

Umma University, Nairobi, Kenya. Sebuah universiti yang dibina hasil sumbangan kayawan dari Timur Tengah.

6

Penyesuaian Diri

Mazhab Apa?

Di Malaysia, kalau seorang lelaki ingin berkahwin dengan perempuan, yang akan ditanya ialah apakah pekerjaan lelaki tersebut. Tiada sesiapa seingat aku akan bertanya calon suami atau bakal menantu mazhab apa. Sejak Malaysia ada gerakan Syiah, Sufi, dan tarikat, mungkin ada yang bertanya calon menantu atau calon suami mazhab apa. Tetapi kalau kau sudah suka dengan seseorang, kau peduli apa. Kalau dia bukan Muslim pun, kau akan ajak dia masuk Islam. Tetapi kalau kau sudah tahu si dia itu ustaz dan lulusan Timur Tengah, lagilah kau suka. Lagipun hormat rakyat Malaysia pada golongan ustazkan melantun-lantun, walaupun kadang-kadang bukan semua ustaz-ustaz layak bergelar ustaz.

Selepas kahwin, kadang-kadang aku solat berimamkan Encik Suami. Peristiwa ini terjadi setelah 12 tahun kahwin. Suatu hari, Encik Suami sudah mengambil wuduk dan keluar dari bilik air. Aku pula yang kebetulan sudah berwuduk lalu di tempat yang sama. Lalu tangan aku tersentuh secara tidak sengaja dan sangatlah sedikit sentuhan tersebut, tetapi terasa pada kulit. Aku mengambil wuduk semula kerana sudah dikira terbatal. Encik Suami pula terus iqamat dan solat. Aku solat, tetapi betul-betul tidak khusyuk. Asyik tertanya-tanya di dalam hati.

"Eh, kenapa awak tak ambil wuduk lagi sekali tadi," tanyaku.

"Kenapa pula?"

"Eh, tadikan batal wuduk?"

"Saya tak batal sebab saya bukan Mazhab Syafi'i. Awak Mazhab Syafi'i, kena ambil wuduk semula."

"La... habis itu, awak mazhab apa?"

"Saya mazhab Rasulullah, tak ada mazhab."

"Ini ajaran mana pulak?"

Peristiwa tidak ada mazhab ini berakhir dengan beberapa debat berlarutan. Sudah 12 tahun aku berkahwin, tetapi tidak tahu Encik Suami mazhab apa. Rasa seperti satu tamparan pula. Hati tertanya-tanya, kenapalah aku tidak tanya masa sebelum kahwin dahulu. Yang aku nampak, macam biasa sahaja. Solat, baca Al-Quran, puasa... eh yang biasa-biasa sahajalah. *No big deal*.

Beberapa tahun kemudian, peristiwa yang sama berulang. Kali ini aku malas pula mengambil wuduk semula kerana menganggap satu pembaziran air kalau mengikut Mazhab Syafi'i. Lagipun bukan tersentuh dengan sengaja atau tersentuh kerana syahwat. Lagipun peristiwa tersentuh tangan itu, terlalu kecil untuk diambil kira. Encik Suami pula mengambil wuduk semula.

"Eh, kenapa pulak awak ambil wuduk semula? Awak dah masuk Mazhab Syafi'i?" tanyaku.

"Tak. Saya ambil wuduk semula *because I respect your* mazhab. Nanti *you* tak khusyuk pula. *And you, why you did not repeat your wuduk?*" dia bertanya.

Aku terasa malu.

"I sudah masuk *your* mazhab." Hehehe.

Benda Busuk Itu

Sekali sekala kami pulang ke kampung. Encik Suami ini suka mencuba, tetapi dia benar-benar kalah pada durian. Durian ini bagi dia, berbau busuk. Puas aku memujuknya supaya mencuba seulas. Katanya, dia pernah merasa aiskrim perasa durian dan menyebabkan tidak lalu makan kerana kerongkong berbau durian selama dua hari. Ketam dan udang juga dia mampu melihat sahaja. Sama seperti aku melihat belalang goreng di tempatnya.

Suatu hari kami ke sebuah kampung, kebetulan banyak betul durian baru gugur dari pokok, tidak ada siapa yang mengambil. Ada seorang jiran yang baik hati mengambil durian tersebut dan mempelawa suami aku merasa durian.

"Cubalah. Yang ini durian kampung, sedap," katanya.

Encik Suami hanya tersenyum-senyum melihat "benda busuk" itu. Aku sudah makan beberapa ulas. Nyam... nyam... punya sedap. Suami di sebelah pun sudah tidak nampak.

Encik Suami memberanikan diri dan mencucuk jarinya pada seulas durian dan menjilatnya.

"*Not bad,*" katanya.

Dia mengambil seulas dan merasa.

"Okey juga," tersengih-sengih.

Kemudian, dia ambil ulasan yang kedua, ketiga, keempat, kelima, dan seterusnya yang keberapa aku pun sudah lupa. Tetapi kira dahsyatlah juga bagi orang yang bercakap "benda busuk" itu.

"Hahahah..." aku ketawa besar-besar.

"Kalaulah awak rasa 15 tahun dahulu... Ruginya," aku mengejek.

Sudah 15 tahun kahwin, baru berani makan durian.

Sejak itu, aku sudah ada kawan makan durian, malah pernah ke Chow Kit malam-malam buta pukul 10.00 malam mencari durian.

Menu Makanan

Sekali peristiwa emak aku masak laksa Kedah. Laksa dan segala sayur-sayuran *aksesori* laksa sudah disiapkan dalam bekas-bekas kecil diletak di atas meja. Kami semua berada di ruang tamu. Encik Suami ke dapur dan makan laksa berseorangan. Selesai makan, dia pun datang ke ruang tamu.

"Sedap laksa? *Can you eat?*"

"*Not bad, but I am struggling to eat the vegetables.*"

"*How do you eat laksa?*"

"*I mixed the white mee with the vegetables.*"

"*You mean you did not put the soup?*"

"*You mean there is soup?*"

Kami ketawa beramai-ramai. Patutlah "*struggling*" tercekik makan daun janggus, bawang, dengan timun. Dia makan laksa kering.

"Kuah ada atas dapoq. Awat hang tak tanya?" kata emak.

Sejak itu, kalau hendak makan apa-apa, perlu bercerita makanan ini patut makan dengan apa, dan siapa kawannya. Kalau masak mee bandung, kena letak semua baru letak kuah. Kalau makan nasi himpit, mesti ada kuah kacang. Kalau makan sayur lodeh, mesti ada kuah kuning.

Rupa-rupanya cara kita makan sesuatu makanan, mesti daftar dalam kepala. Patutlah aku terdengar cerita kawan aku yang berkahwin dengan

Mat Salleh, makan sate dengan lidinya sekali.

Soalan Encik Suami

Suatu hari, Encik Suami bertanya aku satu soalan yang membuatkan aku terkejut dan sampai hari ini belum ada jawapan.

"Mengapa di Malaysia ada menjual pelbagai ubat kuat untuk lelaki? Macam-macam ada. Ada tongkat ali, ada herba, ada itu ini."

"Awak tengok di mana?" tanya aku.

"Kat mana-mana ada. Majalah. Dalam Harakah pun banyak."

"Entah. Di negara awak tak ada ke?" tanyaku.

"Saya tak pernah tengok. Mungkin ada tapi untuk orang sakit saja. Itu pun jarang-jarang saya dengar. Taklah macam di sini. Sangat terbuka," jawab Encik Suami.

"Kenapa awak tanya?" tanya aku lagi.

"Saya terfikir-fikir adakah orang-orang lelaki di Malaysia banyak yang sakit?" kata Encik Suami selamba.

"Hahaha," aku ketawa.

"Mungkin juga. Tidak pernah saya terfikir hal itu. Kenapa tak tanya sendiri dekat kawan-kawan Melayu?" kataku.

"Saya malulah. Nanti apa pula kata orang," Encik Suami berkata.

"Habis, tanya saya buat apa. Bukan saya tahu pun," jawabku selamba.

Soalan Orang Malaysia

Kadang-kadang orang Malaysia suka bertanya soalan macam kurang cerdik kepada aku atau encik suami. Aku tidak kisah sebenarnya, tetapi soalan-soalan itu kadangkala menampakkan betapa kita tidak membaca, kurang ilmu, atau sangat naif. (Macam aku tanya kenapa orang kulit hitam itu hitam?) Ada beberapa soalan yang perlu dirakamkan sahaja. Jadi apabila orang bertanya, tidak perlu menjawab sebab soalannya sama dan jawapannya pun sama juga. Biar aku mainkan sahaja rakaman itu di sini.

Soalan: Dia baru keluar dari masjid selepas bersolat wajib dan sunat. Seorang datang menghampiri dan bertanya, "Awak orang Islam?"

Jawapan 1: "Tak. Saya bukan Islam. Tadi itu saya sengaja main-main dalam masjid."

Jawapan 2: (Bagi penumbuk sebiji).

Soalan: "Orang Afrika cukup makanan tak?"

Jawapan 1: "Memang tak cukup makan. Eh! Tak tahukah semua orang di negara saya 30 juta semua mati kebuluran?"

Jawapan 2: "Memang tidak cukup makanan. Tuan mahu bantukah?"

Soalan: "Awak orang Islam sejak asalkah atau baru memeluk Islam?"

Jawapan: "Kalau saya baru memeluk Islam atau Islam sejak asal, mengapa? Apa masalahnya?"

Soalan: "Suami awak tu masuk Islam sebab mahu kahwin dengan awak atau Islam dari asal?"

Jawapan: "Kalau dia masuk Islam kerana mahu kahwin dengan aku atau dia Islam dari asal, kenapa? Islam awak lebih baikkah?"

Soalan: "Anak kau macam bapa diakah atau macam orang kita (Melayu)?"

Jawapan: "Kalau macam bapa dia atau macam aku, kenapa?"

Soalan Pegawai Jabatan Agama

Sekali peristiwa aku berkenalan dengan seorang ustaz yang bekerja dengan Jabatan Agama Islam. Setelah mendapat tahu aku berkahwin dengan seorang Negro, dia benar-benar ingin bertanya kepada aku pelbagai jenis soalan. Aku kata, silakan berjumpa dengan suami aku. Katanya ini soalan rahsia dan soalan yang agak memalukan. Aku sudah agak ini mesti soalan berat. Isu rumah tanggakah atau isu di bilik tidur? Saya ini seorang yang suka berterus terang, ustaz mesej sahajalah kalau malu. Aku berpesan. Aku ringkaskan soalan-soalannya begini sahaja.

"Saya banyak mengendalikan kes-kes cerai. Ada beberapa kes, perempuan Melayu tinggalkan suami kerana ingin berkahwin dengan Negro. Dengan alasan suami tidak mampu membahagiakannya. Apakah bagusnya berkahwin dengan Negro? Betulkah Negro *** ?"

Gaya soalan bertanya macam marah benar. Seolah-olah perempuan Melayu gatal, lelaki Negro jahat. Ustaz ini sekejap lagi kena dengan aku. Aku berbisik dalam hati.

Aku sudah agak soalan begini akan keluar. Macam soalan peperiksaan bab nikah kahwin pula. Masalahnya, aku pun tidak tahu bagaimana hendak menjawab soalan begini. Aku bukan kaunselor perkahwinan. Aku tanyakan perempuan jenis apa yang meminta cerai daripada suami. Ini perempuan yang beragamakah atau perempuan beragama pada kad pengenalan?

Setelah panjang lebar bermesej, aku membuat kesimpulan begini. Jika ada perempuan Melayu yang gilakan lelaki Negro dan sanggup tinggalkan suami sedia ada, orang Melayu pula, suaminya mesti setahap haprak dan kelas rendah. Si isteri pula, aku tidak pasti perempuan jenis apa. Perempuan gila sahaja yang sanggup. Mungkin perempuan itu ada alasan yang kukuh.

Aku katakan kepada pegawai agama berkenaan, perempuan biasanya tidak meminta yang banyak-banyak daripada lelaki. Perempuan perlukan kasih sayang, penghormatan, dan dijaga dengan baik. Lelaki Melayu tidak pandai dalam hal ini. Terutama lelaki zaman sekarang. Ramai yang menumpang tuah isteri yanag bekerja dan tidak bertanggungjawab. Lelaki Melayu mahu isteri super. Super dalam memasak, super menjaga anak, super di bilik tidur, super mengemas rumah, dan isteri yang sentiasa cantik, kurus, kemas, dan pandai bersolek. Duit isteri mahu menumpang, kasih sayang tidak pandai tunjukkan. Tanggungjawab tidak mahu dipikul. Terdiam dia mendengar pukulan aku bertubi-tubi.

Kalau lelaki Negro dapat memberikan apa yang lelaki Melayu tidak dapat berikan, saya rasa lebih ramai perempuan Melayu memilih Negro. Biar sakit di mata, bukan sakit di hati. Cubalah tuan beri kursus kepada lelaki-lelaki Melayu di Malaysia. Ramai sangat yang malas bekerja, malas mengaji agama, malas menambah ilmu. Malas membantu isteri di dapur. Saya selalu pergi majlis ilmu tengok lelaki sikit sangat. Macam mana ustaz?

"Tak apalah puan, nanti saya tanya lagi ya," sahutnya lemah sahaja.

Aku hanya mampu tersenyum.

Nasib kaulah cari nahas.

Konsultan Perkahwinan

Sudah hampir 20 tahun aku berkahwin. Sudah layak menjadi konsultan perkahwinan barangkali. Adalah beberapa orang yang datang bertanya kepada aku, "Apa pandangan aku kalau dia berkahwin dengan Negro?" Ada yang lelakinya dari Sudan, Liberia, dan entah mana-mana lagi aku pun sudah lupa. Mula-mula aku tanya dulu lelaki itu kerja apa. Sama macam emak aku yang aku marah dulu.

Bagi aku kalau ada pelajar perempuan yang hendak kahwin dengan orang luar, mestilah lelaki itu berkualiti. Maksud aku berpendidikan tinggi, berakhlak mulia, dan kalau ada banyak duit adalah suatu bonus. Ini kerana, ada perempuan yang bertanyakan aku hal itu, lelaki berkenaan cuma pekerja di restoran Arab. Takkan kamu akan makan nasi Arab seumur hidup?

Anak kau kena bersekolah yang baik. Kalau kau hantar anak kau ke sekolah kerajaan, anak-anak kau mungkin dibuli. Jadi, pilihan kau adalah ke sekolah swasta atau antarabangsa. Yurannya tinggi. Tidak ada bantuan kerajaan. Jangan mengharap biasiswa.

Sekali sekala suami kau hendak balik kampung. Belanja besar. Tambang kapal terbang sahaja beribu-ribu ringgit. Belum masuk belanja-belanja lain. Jika ada lelaki yang beritahu dia sanggup tinggal di Malaysia dan tidak ingin menziarahi kampungnya, beritahu dia, "Awak bohong." Suami kau warga asing. Susah hendak dapat pinjaman perumahan, kereta, dan semua pinjaman. Kau kena ada duit yang banyak untuk beli rumah. Untuk beli kereta. Semua jadi sukar. Kalau suami kau banyak duit, semua itu boleh diatasi.

Yang penting, dia mesti berpendidikan tinggi. Kalau setakat ijazah pertama dan sarjana, sudah ramai sekarang. Sekurang-kurangnya P.hD., pelajar terbaik universiti, pelajar yang mendapat kelas pertama, atau pelajar yang kaya raya. Bukan cerita wanita duitan di sini. Tetapi realiti selepas berumah tangga dengan warga asing. Susah nak dapat kerja di Malaysia, kecuali kalau kau hendak ikut suami balik ke negara dia. Kalau kau sanggup, apa masalahnya. Tak banyak aku jumpa orang Malaysia yang sanggup ikut suami ke negara asal.

Kawan aku yang mempunyai anak comel, sudah balik ikut suaminya ke Britain. Suaminya susah mendapat kerja kerana ijazah

Carta Aliran Kahwin

Prosedur Kahwin orang Asing (Jika pasangan seorang Muslim)



dalam bidang kemanusiaan sahaja. Kawan aku yang mempunyai ijazah dari universiti Britain tadi cuma jadi jurujual di pasar raya. Berjuta-juta ringgit kerajaan Malaysia habiskan untuk hantar dia belajar, akhirnya tinggal di Britain dan kerja di pasar raya sahaja.

Jangan buang emak, buang saudara, kerana kasih aku turutkan. Pada pandangan aku suami boleh dicari, tetapi ibu dan bapa hanya satu di dunia.

Masalah Berkahwin dengan Warga Asing

Aku ada ramai kawan yang berkahwin dengan warga warga asing. Antaranya Nigeria, Uganda, Liberia, Sudan, dan Ghana. Ada juga dengan Bosnia, British, Perancis, Amerika, dan pelbagai negara. Macam-macam berita baik dan berita buruk yang aku dengar. Aku boleh generalisasikan begini, kadar *surviving rate* dalam 40 peratus. 60 peratus lagi hancur.

Kawan aku yang berkahwin dengan suami warga asing dari negara yang sama ada dalam tujuh orang. Empat sudah bercerai.

Pertama, kerana suami gagal mendapat kerja di Malaysia. Mereka berpindah ke Amerika Syarikat selepas mendapat green card. Apabila tiba di sana, sewaktu peristiwa World Trade Centre dibom dan Islamic phobia, kawanku dipaksa suami supaya membuka tudung. Sejak itu, terjadi pergaduhan demi pergaduhan dan berakhir dengan perceraian.

Beberapa lagi pasangan bercerai kerana masalah pekerjaan dan tidak mendapat visa untuk tinggal di Malaysia. Isu ini agak rumit kerana perlu betul-betul faham undang-undang imigresen di Malaysia.

Kedua, kerana tidak sesuai dengan personaliti dan budaya yang jauh berbeza. Keupayaan toleransi mestilah tinggi dan sanggup beradaptasi dengan budaya tempatan.

Ketiga, kerana campurtangan orang ketiga seperti keluarga yang sejak mula tidak pernah bersetuju atau suami jatuh cinta dengan "orang kampungnya juga."

Keempat, oleh kerana tidak dapat visa, suami balik kampung dan meninggalkan isteri di sini. Suami balik ke negara asal tidak meninggalkan khabar berita bertahun-tahun lamanya.

Kelima, isteri enggan mengikut suami ke negara asal. Lalu mereka bercerai.

Selain itu, perkahwinan dengan warga asing terutama dari negara yang memang terkenal ramai pengedar dadah, sangat membahayakan. Mereka sanggup menjadikan isteri sebagai pengedar, asalkan mendapat wang yang banyak dan berpura-pura bertahun-tahun lamanya cintakan isteri. Aku pernah terlibat secara tidak langsung mendengar pelbagai kes-kes perkahwinan, perceraian, mahkamah, dan jenayah warga asing kerana mempunyai hubungan yang baik dengan kedutaan negara suami.

Pesan kepada pembaca buku ini, jika kamu sudah tersuka dengan warga asing, berfikir, berfikir, dan berfikirlah. Jangan berhenti berfikir dan berdoa kepada Allah. Kasihi diri dan keluarga sendiri sebelum mengasihi orang asing, warga asing yang kita tidak kenal, dan tahu latar belakang keluarga, serta pengalaman hidup. Jangan jadi gadis murahan dan gatal.

Soalan-Soalan Pelik Buat Encik Suami

Ada beratus-ratus soalan yang aku tanya kepada Encik Suami sejak kahwin. Dia sentiasa sabar menjawab soalan-soalan aku. Kadang-kadang macam bijak. Kadang-kadang macam bodoh. Katanya tidak ada soalan bodoh. Semua soalan adalah biasa dari seorang manusia yang ingin tahu. Sebahagian daripada soalan aku kongsikan dengan pembaca:

1. Betulkah di negara awak ada vodoo? (Bukan budu makanan Kelantan). Vodoo ialah sejenis sihir di mana bomoh akan mencucuk jarum peniti pada anak patung yang boleh menyebabkan orang yang dituju akan sakit atau mati.
2. Bagaimana Islam mula-mula masuk ke negara awak?
3. Kenapa di negara awak ada macam-macam suku kaum?
4. Macam mana dalam keluarga awak ada Kristian dan Islam. Islam masuk Kristian dan Kristian masuk Islam?

5. Kenapa HIV Aids banyak di negara awak?
6. Kenapa tidak ada penagih dadah?
7. Kenapa jarang-jarang sangat nampak orang hisap rokok?
8. Kenapa tidak ada golongan Mak Nyah?
9. Bagaimana nama-nama orang atau bayi diberi? (Mereka ada sistem memberikan nama bayi berdasarkan suku kaum. Aku masih tidak memahami sampai hari ini kerana sangat mengelirukan).
10. Mengapa awak pilih untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia?
11. Apa pandangan awak tentang Malaysia?
12. Apa pandangan keluarga awak, kahwin dengan orang luar?
13. Bagaimana adat perkahwinan di negara awak?
14. Bagaimana adat kalau kematian?
15. Kenapa masyarakat di negara awak sangat kebaratan?
16. Apa perniagaan yang paling baik di negara awak?
17. Apakah sumbangan yang sesuai diberi untuk negara awak?
18. Bagaimana sistem pendidikan rendah?
19. Bagaimana sistem pndidikan menengah?
20. Bagaimana awak boleh belajar di timur tengah?
21. Kenapa negara awak miskin?
22. Awak keturunan apa? Datang dari mana?
23. Kenapa di negara awak ada Negro putih?
24. Kenapa di negara awak Cina kaya raya?
25. Kenapa di negara awak ekonomi dikuasai oleh orang India?
26. Bagaimana agama Islam diajar di negara awak?
27. Bagaimana cara untuk membantu umat Islam di negara awak?
28. Mengapa di negara awak belum ada McD dan KFC?
29. Bagaimana sistem pilihan raya diadakan?

30. Bagaimana menteri-menteri dipilih?
31. Mengapa pemimpin di Afrika sangat terkenal dengan korupsi?
32. Apakah kesan penjajahan Barat kepada benua Afrika?
33. Bagaimana negeri-negeri di Afrika diberikan sempadan oleh penjajah?
34. Apakah kesan imperialis barat kepada Afrika pada masa sekarang?
35. Bagaimanakah kesan kemasukan China kepada ekonomi Afrika?

Balik Kampung Lagi

Kali ini, ibu mentua sakit. Suami harus pulang. Walaupun belanjanya besar (Harga tiket RM11,000 ringgit kerana terpaksa diambil dalam jarak masa yang singkat, kami hanya mampu pulang berdua. Tidak termasuk belanja untuk hotel, makanan, sewa kereta, duit belanja, duit hadiah, dan pelbagai lagi.). Koyak lagi dompet duitku. Namun begitu, harga kasih sayang anak dan ibu tidak boleh dibayar dengan apapun tebusan. Aku sempat memberitahu suami, kalau boleh selain melihat mentua yang sakit, aku tidak mahu kepulangan kali ini sia-sia dengan hanya sibuk melawat ahli keluarga dan melihat tempat-tempat menarik. Sekurang-kurangnya aku mesti diberikan peluang untuk melakukan sesuatu sumbangan kepada masyarakat di sana.

Dalam diam-diam, suami menghubungi kawan-kawannya. Aku diberitahu, aku akan mengajar *Research Methodology* di Kampala International University (KIU) dan memberikan ucapan dalam satu persidangan wanita Islam di Hotel Africana. Konsulat negara Encik Suami mencadangkan nama aku mewakili Malaysia untuk berucap. Aku macam tidak percaya. Eh! Janganlah hebat sangat, nanti binimu ini ketakutan. Yang kecil tidak ada? Apa yang hendak kucakapkan di persidangan itu? Kalau setakat "Research Methodology", itu makanan harianku sahaja.

Katanya lagi, "Honorary Ambassador of Malaysia sudah memberitahu setiausaha persidangan, awak akan menyampaikan ucapan." Ini bukan berita lawak. *"No, I am serious,"* katanya tegas. Ini betul-betul mencari nahas. Persidangan ini akan dihadiri oleh Timbalan Presiden dan Menteri Wanita, dan wanita-

wanita terpelajar. Apa yang akan kusampaikan?

Betul-betullah aku ini wanita paling beruntung di dunia. Mendapat peluang begini, satu dalam 30 juta. Mana ada rakyat Malaysia yang 30 juta dapat peluang begini. Tetapi kalau aku gagal, habislah nama Malaysia. Aku masih berangan-angan dalam perut kapal terbang.

Perjalanan yang mengambil masa 20 jam akhirnya berakhir di ibu negara Encik Suami. Bapa mentuaku sudah menunggu dengan kereta buruknya, Toyota Corolla menghantar kami ke hotel. (Aku tidak sanggup tinggal di rumah mentua). Bukanlah aku ini manusia yang sombong. Tetapi aku sudah menetapkan syarat, tidak mahu menyusahkan mentua yang suka bersusah payah menyiapkan makanan istimewa yang sukar dimasak, mengambil masa 4 hingga 5 jam. Pernah sekali kami dihidangkan masak tomato ayam turkey, dari pagi sampai jam 3.00 petang baru dapat makan tengah hari. Suami sudah memberitahu dia akan ke hospital dan aku akan berada di universiti.

Sebelum itu, kami singgah di universiti untuk bertemu dengan Dekan Pascasiswazah untuk menetapkan apa yang perlu dibuat, melihat bilik kuliah, dan persediaan yang perlu. Kutanyakan tentang *internet connection* juga. Jangan lupa LCD, kertas mahjong, *marker pen,* dan selotep. Bengang juga dia mahu memahami apa itu kertas mahjong. Lalu aku mencadangkan kad manila sahaja. Nasib baik benda-benda itu ada dan sempat disediakan. Pagi esoknya jam 8.00 pagi, aku sudah tercongok di depan pintu. Profesor Charles menyambut kedatanganku. Ramah dia bercerita pernah datang ke Malaysia pada awal tahun 2000 untuk menjalankan penyelidikan di Tasik Pedu, Kedah.

Terlopong mulutku mendengar. Oh! Ada rupanya projek penyelidikan sebegitu. Mengkaji tentang kegunaan tasik kerana mempunyai persamaan dengan Tasik Victoria. Hampir jam 9.00 pagi, rupa batang hidung pelajar pun belum nampak. Lalu, aku membuat kesimpulan sendiri. Mundur dan modennya sesebuah negara adalah kerana rakyatnya pandai menjaga masa. Kalau rakyatnya malas menjaga masa, bagaimana mereka akan maju. Kelas yang sepatutnya bermula 8.30 pagi, dimulakan pada jam 9.30 pagi.

Aku memperkenalkan diri dan mengajar sedaya upaya memahamkan mereka yang

Universiti tempat aku mengajar

berjumlah hampir 20 orang. Pelajar masuk satu per satu. Sekitar jam 3.00 petang, bilangan hampir bertambah menjadi 30. Mulalah aku berleter "*Malaysian style*". Menjadi polis dan melakukan soal siasat mengapa lambat masuk. Rupa-rupanya mereka baru mendapat mesej ada seseorang dari Malaysia mengajar di *Postgraduate Room*. Akhir sekali selepas pembentangan kajian, masing-masing aku menjalankan sesi refleksi. Yang paling ramai mengatakan inilah kali pertama mereka belajar kajian yang begitu senang dan mudah difahami.

Yang paling menyeronokkan dan satu perkara baru, aku memperkenalkan pelbagai halaman web untuk mendapatkan bahan kajian. Semua terlopong. Sekurang-kurangnya nama Malaysia masyhur dalam kalangan 20 pelajar master dan Ph.D. pada hari itu. Kalau 20 orang itu memberitahu kepada lima orang lagi ilmu yang aku ajar pada hari itu, sudah menjadi 100 orang. Aku kaya! Aku kaya! (Kaya pahala, Insya Allah).

Yang sebenarnya, aku sendiri belajar perkara baru pada hari itu. Antaranya, ada seorang pelajar P.hD. yang menjalankan kajian mengenai impak penggunaan kayu api terhadap kemusnahan hutan di sekeliling Tasik Victoria. Seorang lagi menjalankan kajian berupa kualitatif perbezaan antara memasak dengan

kayu api, dapur arang, dan satu jenis lagi dapur yang tidak aku fahami. Yang dikaji ialah kos, keselamatan, dan kesan penggunaan. Beliau temuramah isi rumah yang memasak menggunakan dapur tersebut. Aku benar-benar gembira hari itu dan berjanji akan datang lagi jika dijemput. Letih sungguh hari itu sebab aku benar-benar memberikan mereka 100 peratus apa yang aku tahu. Bengkel tamat hampir jam 6.00 petang. Dekan meminta aku menyambung lagi esok, tetapi aku terpaksa ke persidangan pula.

Musuh Wanita

Persidangan wanita Islam akan diadakan esok. Aku belum menyiapkan power point. Malah tidak tahu apa lagi yang akan kuberitahukan dalam masa 30 minit itu. Malam itu, aku sempat bertanya Encik Suami apa yang aku patut bentangkan supaya tidak menyinggung perasaan orang ramai. Kadangkala aku takut dengan diri sendiri yang selalu lupa akan keadaan sekeliling dan gemar bercakap ikut suka hati. Busuk pula nama Malaysia. Rupa-rupanya Encik Suami sudah terlelap, agaknya letih melawat ibunya yang sakit. Malam itu aku sempat melihat internet akan kemajuan wanita di Malaysia. Ya! Inilah modal untuk aku berniaga esok. Menggoreng apa yang patut. Jam hampir 3.00 pagi. Power point pun sudah sedia.

Pagi-pagi lagi aku sudah bersedia dengan baju paling *lip-lap* dan glamour. Biar gempar peserta hari itu. Jam 8.30 pagi aku sudah tiba ke tempat persidangan, namun sunyi sepi. Biar betul! Selepas menunggu hampir satu jam, baru kelibat manusia kelihatan. Jam 10.00 pagi, majlis baru bermula. Sudah kukatakan, negara yang maju ialah negara yang menghargai masa (surah *Al-Asr* dalam Quran mencatatkan kepentingan masa). Sudah dua bukti manusia di sini terlalu relaks dengan masa. Jeng... jeng. Tibalah masanya aku dijemput ke hadapan. Di hadapanku, ada hampir 400 pasang mata. Empat pasang mata mat salleh juga di situ, dan pelbagai jenis peringkat manusia, lelaki dan wanita. Persidangan wanita yang dihadiri oleh lelaki! Berserban, berketayap. Wanitanya pula memakai baju bergemerlapan dari seluruh pelosok negara. Maklumlah, ini Persidangan Wanita Muslim Pertama dan julung-julung kali diadakan.

Sejak di bangku sekolah, aku terlibat dengan debat mewakili sekolah. Walaupun tidaklah sampai

ke peringkat kebangsaan, tetapi latihan dan pertandingan yang aku pernah ikuti mengajar aku bagaimana menghadapi penonton. Aku memperkenalkan diri dan menunjukkan power point yang aku buat semalam. Bangunan organisasi tempat aku bekerja begitu gah berdiri. Di sinilah saya bekerja. Pembentangan aku hari itu bertajuk "*Women in Malaysia: What You Can Learn From Malaysia.*" Aku mengetengahkan hipotesis aku seperti berikut:

Semua Wanita Mempunyai LIMA musuh utama. (*Women Enemy):*

Musuh pertama: Buta Huruf (illiteracy). Lalu aku terangkan di Malaysia kadar celik huruf wanita menghampiri 98 peratus. Di universiti, bilangan wanita menghampiri 70 peratus. Di Malaysia, masalah bukan wanita, tetapi lelaki. Bagaimana pendidikan perlu difokuskan kepada lelaki supaya mereka menjauhi dadah, menjadi warga yang berguna, dan berjaya dalam kehidupan. Lalu aku terangkan bagaimana pendidikan dapat mengeluarkan manusia daripada kegelapan. Seperti yang berlaku di Malaysia, pendidikan telah menjadikan wanita menjawat pelbagai jawatan tinggi, menjadi penyumbang kepada ekonomi keluarga dan negara. Aku ketengahkan statistik yang aku ambil dari pelbagai halaman web.

Musuh Kedua: Pergantungan (Dependency). Di Malaysia, wanita tidak bergantung kepada lelaki untuk hidup. Statistik wanita bekerja aku tunjukkan dan 400,000 guru di Malaysia, 85 peratus ialah wanita. Gaji guru di Malaysia agak besar dan dibayar oleh kerajaan. Jika wanita di sini diceraikan, mereka tahu bagaimana untuk meneruskan hidup. Ucapanku disambut dengan tepukan gemuruh apabila aku berkata:

"*Dear ladies, freed your self from slavery. Free yourself from being dependent to others. Find your freedom through education. Educate yourself. Strive hard.*"

(Macam ahli politik gaya berdebat aku gunakan sepenuhnya). Ada penonton yang sudah berdiri. Dewan Hotel Africana begitu gamat dan hangat.

Musuh Ketiga: Salah Faham Terhadap Ajaran Islam (Misunderstanding of Islamic Teaching). Aku mulakan poin ini dengan membaca surah *Al-Asr* dan permulaan surah *Al-Iqra*.

"Al-Quran talks everything under the sun. About time. Muslims have to

appreciate time. Al-Quran talks about reading. Read in the name of Allah. Al-Quran talks about helping the poor, about being modest, about success… everything. But Muslim are the most slow to understand. For example, I am here since 8.00 am and the program only start at 10.00 am. I was told in Japan they are counting in minutes and in German they are counting in second. I am sorry to say this. Dear brothers and sisters. Let's practice what Al-Quran said. You know what few misguided ulama men focused on? They focused on getting four wives. They never talk about what happen to the children of the four wives. What are they going to do with their education. How they are going to spend time with their children. I think few ulama men misunderstand Al-Quran."

Hadirin bangun lagi dan bertepuk beramai-ramai. Lelaki-lelaki berserban tunduk malu. (Poligami adalah amalan biasa di Afrika).

"If the ulama really care about religion, they should educate the Muslim, take the society out from poverty, out from illiteracy."

Dewan riuh rendah dengan tepukan tidak berhenti-henti.

Musuh Keempat: *Backwardness of Culture.* Aku memberitahu, setelah datang ke negara ini beberapa kali, aku melihat pelbagai bentuk budaya yang merugikan. Yang terpenting ialah budaya kenduri besar apabila berkahwin.

"In Malaysia, big wedding only can be done by big people for example ministers. So, 50,000 USD is not the problems. Can you all here tell me and justify why you can make wedding of USD 50,000 if he only school teachers or mechanic (I attended one wedding). Yes! Yes!" beberapa wanita menjerit. *"Why do you spend so much money on wedding and at the same time you don't have money to send your children to study in the university? Tell me!"*

Aku mencabar. Separuh dewan berdiri dan bertepuk tangan. Suasana begitu hangat.

Musuh Kelima: *Personality Problems.* Aku memberitahu penyakit wanita ini ada di mana-mana. Penyakit suka bergaya biarpun miskin. Mengutamakan pakaian dan kosmetik daripada membina akal. Penyakit suka mengumpat dan berdengki. Penyakit tidak suka melihat orang lain senang. Penyakit kedekut ilmu dan hipokrit, serta pelbagai penyakit lain yang ada pada semua.

"If you all and we all want success in life, we have to correct all this bad behaviour, bad attitude."

Tepukan lagi. Malah, ada yang menjerit takbir seperti ceramah parti PAS.

Sebagai tesisnya, aku mengemukakan LIMA cara untuk mengatasi masalah ini. Aku mencadangkan:

"Change has to start with yourself. You cannot change you husband, children, neighbours, before you can change yourself. If you are a mother, lets focus on education of the children. Stop allocate your money on Gomez."

(Gomez ialah pakaian kebangsaan wanita yang biasanya dibuat untuk menghadiri kenduri dengan harga yang mahal. Bagi orang miskin, mungkin 200 hingga 300 ringgit. Malah, boleh mencecah ribuan).

"If you are an auntie or neighbour, please give advice do not spend big money on wedding."

Ucapanku diakhiri dengan tawaran datang ke Malaysia jika ingin belajar bagaimana wanita di sini berjaya. Sebaik sahaja tamat, aku meluru keluar. Boleh dikatakan semua hadirin bangun bertepuk begitu gamat dan hebat sekali.

Aku meluru keluar kerana berasa malu kepada Encik Suami. Sewaktu bercakap tadi, aku terlupakan dia. Agaknya, marahkah dia aku berleter kepada kaum kerabatnya yang tidak pandai menghargai masa, yang suka berbelanja besar-besaran?

Beberapa wanita datang memelukku dan mengucapkan tahniah. Seorang wanita berbadan gempal datang dan memelukku erat. Katanya, "*Before this I think, my husband is my enemy. But now I know he is not my enemy.*" Aku mengangguk.

"*What happen to your husband.*" Aku bertanya. *"He has Aids."*

Sepasang warga mat salleh datang mengucapkan tahniah. Rupa-rupanya Presiden Kelab Rotary. "*Your speech wrap everything.*" Aku malu-malu.

Pemberita dari *World Broadcasting* (WBS) datang bertanyakan untuk temuduga aku. Aku memeluk Encik Suami, terasa panas telinga, tangan, dan muka. Dia memberitahu aku, "*You are doing very well. Congratulations! Congratulations.*"

Aduh adik lelaki ipar juga ada dari Kenya, dia datang begitu jauh untuk berjumpa kami. Aku bertanya pendapat Encik Suami

bolehkah aku menjawab temuduga televisyen. Aku penjawat awam dan tidak ada kebenaran pula. Suamiku memberitahu jangan sentuh apa-apa mengenai sesiapa, insya Allah akan selamat. Sewaktu kamera televisyen dihalakan ke muka, aku lupa segalanya. Yang aku ingat, ialah Lima Musuh Wanita dan semua wanita harus mengenali musuh tersebut jika ingin berjaya. Majlis tamat hampir jam 6.00 petang. Seorang wanita datang memelukku dan memperkenalkan diri sebagai bekas pelajar Universiti Islam Antarabangsa jurusan IT. "*You are the best speaker today. Congratulations! Congratulations!*" Selepas temubual dengan pihak televisyen, tawaran datang bertalu-talu.

Presiden Kelab Rotary menawarkan bantuan kewangan jika aku ingin memulakan projek di sana. Setiausaha Majlis Islam Afrika (African Muslim Council) ingin berjumpa di pejabatnya. Rupa-rupanya beliau ingin mengajak kami membuka sekolah Islam dengan menggunakan pendekatan dan kurikulum Islam Malaysia. Berita aku ditemubual di televisyen hangat diperkatakan. Tidak tahu pula rupa-rupanya ibu mentuaku mendapat tahu akan hal itu. Apabila malam menjelang, anak-anak yang aku tinggalkan di Malaysia

Peserta dalam persidangan wanita

sibuk menelefon bila mama dan tata (daddy) akan balik.

Rindunya Malaysia...

Aku rindukan kedai-kedai makan yang merata-rata di tepi jalan. Mahu makan tomyam, nasi goreng padprik, sup ekor, ikan masam manis, semua ada. Aku rindukan memandu keretaku sendiri di jalan-jalan luas dan lebuhraya Malaysia. Aku rindukan masjid-masjid dan kebersihan yang terdapat di Malaysia. Aku rindukan *shopping mall* yang merata-rata dan bergemerlapan. Aku rindukan kerja-kerja di atas meja.

Kalau Kau Ingin Pahala

Afrika ialah benua bebas. Kalau kau ingin kaya, kau boleh ke Afrika. Terlalu banyak peluang di sana. Kalau kau ingin pahala pun kau boleh ke Afrika. Inilah yang aku jumpai di sana. Ramai orang Inggeris yang sudah bersara dari Britain dan Amerika menghabiskan sisa-sisa hidup di sana sebagai pendakwah. Tinggal di Afrika bertahun-tahun lamanya. Inilah yang aku temui pada seorang kenalan Mat Salleh tua warga Amerika. Aku kenal beliau melalui Internet dan menghubungi beliau sewaktu berada di sana. Dia mengusahakan syarikat pelancongan dakwah Kristian (Nama yang aku beri sendiri). Maksudnya, jika ada kumpulan-kumpulan Kristian yang ingin masuk ke kampung dan kawasan pedalaman, beliau akan menguruskan kenderaan, lawatan, bentuk kerjasama, dan aktiviti dengan masyarakat kampung. Aku sempat membaca blog beliau yang bercerita tentang pengalaman membawa pelajar-pelajar sekolah menengah untuk tinggal bersama orang kampung di kawasan pedalaman.

Teringin sekali di dalam hati, jika ada kumpulan Islam yang serupa melakukan kerja dakwah sebegitu. Tetapi, mana ada orang Melayu yang akan benarkan anak mereka tinggal bersama penduduk kampung di kawasan pedalaman? Anak-anakku sendiri tidak sanggup apabila aku bertanya. Terutama tentang makanan dan tandas mereka.

Ada juga dalam kalangan mereka menubuhkan pelbagai NGO. Nama pun ada pelbagai jenis. Ada tujuan pelancongan, menjaga anak yatim, pesakit AIDS, untuk wanita, pelarian, dan kesihatan, bola sepak, penyelidikan, pertanian dan lain-lain lagi. Setakat yang aku tahu, ada lebih daripada 1,000 NGO berdaftar. Yang pasti, kebanyakan mereka ialah pendakwah Kristian yang masuk ke kampung-kampung dan pedalaman untuk menyampaikan mesej mereka. Banyak yang boleh dilakukan. Misalnya menubuhkan sekolah, membina perigi, tandas, hospital, dan perkhidmatan lain yang

Syarikat menjual perabot yang berjaya milik warga Malaysia keturunan India. Tun Mahathir pernah merasmikan bangunan ini.

7

Deep

Unik dan Pelik

Ada banyak perkara yang aku ingin kongsikan bersama-sama untuk difikirkan. Pelik dan Unik.

Afrika sebuah benua unik ciptaan Allah. Hanya di sini binatang liar seperti kuda belang, singa, badak, gajah, zirafah, dan pelbagai jenis binatang lagi boleh didapati. Bayangkan bilangan mereka beribu-ribu, malah berjuta-juta ekor. Lalu aku berteori, mungkin semasa kapal Nabi Nuh dihanyutkan dalam banjir besar yang menenggelamkan dunia dengan membawa binatang yang dikutip berpasang-pasangan itu sebenarnya hanyut ke benua Afrika. Kawasannya antara tiga negara, iaitu Kenya, Tanzania, dan Uganda.

Pada musim kemarau, kita akan dapati beribu-ribu binatang ini, malah berjuta-juta akan berhijrah berjalan beribu-ribu batu mencari air. Beribu-ribu ekor kuda belang, badak, gajah, dan burung akan berkongsi minum air dari sungai yang sama. Sama seperti filem dokumentari National Gepgraphic. Di atas seluruh pelosok bumi, mengapa semua binatang bertumpu di tiga negara ini? Binatang-binatangnya pula pelbagai jenis bagaikan merangkumi semua binatang yang ada di tempat lain. Pelik bukan?

Bagaimana orang Negro berkulit hitam? Masa mula-mula menjejakkan kaki ke Afrika, aku sukar membezakan wajah-wajah mereka kerana nampak macam sama. Mata yang menghantar isyarat objek gagal mengesan perbezaan. Apabila sudah lama, barulah aku dapat membezakan lelaki Afrika dari pelbagai negara. Itupun masih ada kesilapan. Rupa-rupanya, Encik Suami aku juga menghadapi masalah yang sama. Masa mula menjejakkan kaki ke Malaysia, dia tidak dapat membezakan antara Melayu, Cina, dan India! Baginya, semua nampak serupa. Aku baru faham, otak kita

rupa-rupanya mengambil masa untuk mentafsirkan objek yang kita jarang-jarang lihat.

Waktu kali ke empat aku ke sana, aku sudah mengenali perbezaan wajah. Sambil menunggu Encik Suami mencari bapanya di lapangan terbang, aku duduk di satu sudut bersama-sama dengan beg. Aku perhatikan satu per satu orang yang lalu lalang. Aku memang terperasan ada banyak muka-muka yang mempunyai mirip orang-orang di Malaysia. Cuma, mereka berkulit gelap. Betul-betul aku nampak wajah seakan-akan seorang pak cik tua di kampung aku. Malah, aku pernah nampak wajah seakan-akan seorang Menteri. Memang benarlah kalau orang tua-tua pernah berkata, dalam dunia ini ada tujuh wajah yang serupa dengan wajah kita. Maknanya yang berwajah mirip kita mungkin ada di Afrika, China, Jepun, Britain, Peru, Brazil, dan Uruguay. Cuma dibezakan oleh warna kulit dan perbezaan kecil yang ketara seperti bermata sepet, berkulit coklat, dan berambut keriting. Masya Allah. Allahuakbar!

Spektrum warna kulit manusia ciptaan Allah sangat hebat. Menurut saintis, melatonin dalam kulit kita memberikan warna pada kulit. Apabila aku berfikir mengenai hal ini, tiba-tiba aku mendapat satu pemahaman. Menurut Syed Naquib Al-Attas, ilmu ialah ketibaan pada suatu pemahaman. "*The arrival of knowledge*", patutlah orang yang mendapat ilmu digambarkan dalam lukisan sebagai tiba-tiba mendapati lampu mentol menyala. Jadi pemahaman aku ialah, Allah menciptakan spektrum kulit atau kontinum manusia katakanlah bermula pada skala 0 dan berakhir pada jarak 100.

Di hujung sebelah kiri ialah orang berkulit putih, paling putih yang biasa kita dapati di negara-negara Scandinavian. Mereka kadangkala mempunyai bulu mata putih dan kening yang putih kerana melatonin sangat kurang dalam kulit mereka. Manakala di sebelah kanan ialah manusia yang paling hitam, bangsa atau suku kaum di Afrika yang sangat gelap kadangkala berkilat. Kulit mereka mempunyai banyak melatonin. Di antara garisan kontinum kita akan dapati orang Aryan, China, Jepun, dan Melayu beransur-ansur semakin gelap. Masya Allah, Maha Suci Allah yang menciptakan manusia dengan cara dan *design* yang tersendiri. Tidak ada perbezaan darjat yang dinilai oleh Allah s.w.t. melainkan takwa, amal baik yang kita lakukan sepanjang hayat.

Pokok janggus atau gajus aku temui di satu jalan sunyi. Malah aku juga menjumpai pokok kelapa sawit, pokok menerung, pokok kiambang bunting, pokok nangka, kopi, mangga, malahan pelbagai jenis pokok yang aku tidak tahu namanya yang ada di Malaysia, tetapi boleh didapati di Afrika. Mereka juga ada ikan tilapia, keli, dan pelbagai jenis ikan air tawar sama seperti kita. Apa yang mereka ada dan kita tidak ada ialah variasi-variasi haiwan, buah-buahan, dan tumbuh-tumbuhan lain. Aneh kerana negara-negara di sekitar kawasan tropika sebenarnya mempunyai buah-buahan, sayur-sayuran yang sama. Malahan di Tanzania boleh didapati buah rambutan, durian, sukun, dan manggis. Bukan diimport atau ditanam memang semulajadi kejadian Allah s.w.t. Namun pokok-pokok begitu ada bezanya kerana masih kecil, kurus, dan organik. Aku pernah cuba memasak kari nangka untuk ditunjuk kepada ibu mentuaku. Mereka tidak percaya nangka muda boleh dimakan. Aku bersungguh-sungguh memberitahu kari nangka sangat sedap. Tetapi dari jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang masih belum dapat makan kerana nangka yang direbus keras macam selipar jepun.

Kesan Penjajahan

Iktibar ada dimana-mana. Jika manusia belajar dari sejarah, belajar dari kesalahan orang lain, atau belajar dari kejayaan orang lain, tentu umat manusia menjadi lebih baik. Tidaklah seperti peribahasa Melayu, "Sudah terantuk baru tengadah." Ada banyak perkara yang aku pelajari dalam kehidupan dan ingin berkongsi dengan pembaca.

Pertama, tentang kesan penjajahan terhadap manusia. Setiap manusia dilahirkan bebas sehinggalah kita dikuasai oleh orang lain. Spesis manusia seperti kita juga. Cuma manusia tadi mungkin lebih bertamadun atau lebih maju daripada kita. Tidaklah Allah menjadikan seorang manusia

berkulit putih lebih baik daripada seseorang berkulit hitam kerana pada waktu dilahirkan, semua manusia mempunyai kemampuan berfikir dan bentuk fizikal yang sama.

Penjajahan rupa-rupanya begitu dalam dan masuk ke urat akar umbi bangsa, menjadikan manusia hilang jati diri dan menganggap penjajah atau bekas penjajah sangat hebat. Kesannya sangat mendalam sehinggakan apabila penjajah sudah meninggalkan sesebuah negara berpuluh-puluh tahun, parut itu masih kekal lama. Rupa-rupanya adalah sukar untuk membuang habis segala akar umbi penjajahan. Lalu penjajahan wujud dalam bentuk yang lain dengan cara yang berlainan pula. Inilah yang aku lihat di Malaysia dan Afrika. Kita mempunyai persamaan, tetapi di sana keadaan lebih parah kerana parut itu begitu besar dan mendalam. Contohnya di negara Encik Suami, bahasa Inggeris adalah bahasa rasmi kerana mereka pernah dijajah oleh British. Jika dengan berbahasa Inggeris (asing) sesuatu bangsa itu boleh maju, maka Afrika lebih berhak maju. Ini kerana, kebanyakan negara bekas jajahan masih menggunakan bahasa bekas penjajah dahulu.

Aku hanya menyedari hal ini setelah mempunyai ramai kawan-kawan dari Afrika. Ada enam bekas penjajah Barat yang pernah menguasai Afrika. Antaranya Britain, Itali, Portugal, Sepanyol, Perancis, dan Belgium. Misalnya penduduk Angola berbahasa Portugis, manakala Madagascar berbahasa Perancis. Libya berbahasa Itali, manakala Algeria berbahasa Perancis. Penjajah Barat datang ke Afrika dan berbuat sesuka hati. Membahagi-bahagikan tanah, kawasan, dan sempadan berdasarkan kehendak mereka. Hal ini tanpa mempedulikan penduduk tempatan yang sudah sedia mempunyai agama, budaya, dan tamadun sendiri. Sewaktu aku dalam darjah enam, aku sempat belajar sejarah penemuan Afrika. Kononnya Afrika ditemui oleh David Livingstone.

Maka, banyak nama-nama tempat diambil berdasarkan nama-nama Raja di negara penjajah seperti Tasik Victoria dan Port Prince. Dalam buku sejarah dicatatkan, Sumber Sungai Nil ditemui oleh David Livingstone. Jadi, penduduk yang sudah sedia menetap di situ sejak beribu-ribu tahun yang menggunakan sungai itu sehari-hari bukan orang yang menemui tempat itukah? Benarlah kebenaran sejarah

ditentukan oleh orang yang menulis buku sejarah.

Antara kesan penjajahan ialah nama-nama tempat, jalan raya, dan bandar, diberikan berdasarkan nama penjajah. Selain itu, budaya hidup masyarakat banyak dipengaruhi oleh bekas penjajah. Semua ini terlihat dalam pergaulan harian, cara perkahwinan, stail seni dan lukisan-lukisan, perbendaharaan kata, cara berpakaian, nyanyian, dan ritual masyarakat yang lain. Kesan penjajahan ini kadangkala berasimilasi dengan budaya tempatan sehingga kita tidak dapat membezakan antara yang mana satukah milik penjajah atau kepunyaan penduduk tempatan. Aku ketawa besar apabila Encik Suami memberitahu perkataan "fulam peni" berasal daripada perkataan "frying pan". Ini seperti dialek bahasa Kedah, "kerunaih" yang berasal dari perkataan bahasa Inggeris "scrutinise".

Aku pasti kesan penjajahan tidak akan tamat apabila sesebuah negara mencapai kemerdekaan. Malah, penjajahan semakin hebat masuk ke seluruh pelosok dunia dengan adanya internet. Tidak hairanlah sebenarnya dunia pada hari ini sangat terbuka, walau di mana sahaja manusia berada, sekalipun di tengah-tengah belantara Afrika yang tidak terbayangkan oleh minda, telefon, dan Internet akan sampai. Aku hairan juga memikirkan perkhidmatan telefon adalah antara perniagaan yang paling maju di Afrika. Semiskin mana sekalipun seseorang itu, dia mesti memiliki telefon bimbit yang tidak mempunyai kredit untuk membuat panggilan. Oleh kerana ramai yang buta huruf, mereka tidaklah berupaya sangat untuk menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas (sms). Jadi, bagaimanakah mereka menggunakan telefon bimbit? Ini satu perkara yang sangat menarik untuk difikirkan.

Membina Negara Bangsa

Kebanyakan negara-negara di Afrika menerima subsidi dari negara-negara Barat dalam belanjawan negara mereka. Bayangkan kalau kau ada keluarga, tetapi hidup kau dibiayai oleh orang lain. Jika dilakukan dalam masa yang lama, kau akan jadi hilang keupayaan diri, hilang jati diri, tidak ada daya usaha, hilang kreativiti, dan malas. Orang yang menanggung kau pula bila-bila masa boleh masuk ke rumah dan meminjam anak isteri, dan paling jahat merampas semua

kekayaan yang kau cuba bina sendiri. Dia mahu kau bergantung kepada dia sahaja. Hilanglah kemerdekaan dan kuasa kau berfikir. Pendek kata, kau bukan kau lagi, tetapi seorang manusia tanpa roh. Inilah yang aku analogikan Afrika.

Isu-isu Afrika banyak aku bincangkan dengan pelbagai pihak. Malah, pernah dijemput bertemu Timbalan Presiden negara Encik Suami. Kami pernah ke rumah beliau, tetapi beliau tidak ada di rumah. Aku banyak berjumpa dengan warga Afrika yang datang dari seluruh pelosok Afrika. Sama ada sebagai tetamu di rumah, pelajar yang menyambung pelajaran, kedutaan, jiran, dan sesiapa sahaja kawan yang diperkenalkan oleh kawan. Ada yang datang dari Kenya, Sudan, Nigeria, Liberia, Ghana, Afrika Selatan, Tanzania, Somalia, Ethopia, Rwanda, Senegal, dan juga negara-negara Arab yang terletak di benua Afrika seperti Morocco, Libya, dan Mesir. Pendek kata, maklumat yang aku dapat boleh dikatakan memadai, tambahan dengan maklumat dan bacaan dari internet serta buku.

Isu utama di negara-negara Afrika ialah kepimpinan. Kepimpinan yang korup dan terlalu lama memegang jawatan. Ramai pemimpin Afrika terkenal kerana paling lama memerintah, iaitu melebihi 25 tahun. Pemerintahan yang lama begini meninggalkan kesan buruk kepada negara kerana mereka seolah-olah kebal terhadap undang-undang negara sendiri dan bebas mengamalkan kronisme dan rasuah. Rakyat semakin miskin dan menderita. Nilai mata wang sangat tidak bernilai, tetapi pemimpin masih mampu membeli kapal terbang peribadi, memiliki ramai isteri simpanan, serta bertindak kejam terhadap pemimpin pembangkang dan rakyat yang membangkang. Aku banyak membaca berita-berita dari Afrika. Sistem pemerintahan yang begini melumpuhkan sistem ekonomi dan meninggalkan kesan buruk kepada rakyat. Ini kerana, tidak ada syarikat luar yang ingin berniaga. Kilang ditutup, perniagaan merosot. Akhirnya, negara jatuh bankrap.

Afrika ialah sebuah negara yang sangat kaya. Tanahnya sangat subur. Bayangkan di belakang rumah sahaja dengan cuaca sejuk seperti Cameron Highland, pelbagai jenis tanaman boleh diusahakan. Sepatutnya ada ladang tanam-tanaman besar yang mengeksport pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan. Malang sekali, yang menguasai ladang-ladang besar menanam bunga-bunga ialah warga Inggeris. Bunga-bunga ini dihantar setiap hari ke

pasar-pasar bunga di Eropah seperti di Holland.

Negara-negara Afrika yang lain sangat kaya dengan mineral dan batu batan berharga. Lombong berlian dan emas, petroleum banyak terdapat di Afrika. Malah, banyak lagi yang belum diterokai. Inilah sumber utama pada pandangan aku, mengapa Afrika kurang maju. Negara mereka dikawal supaya kurang maju supaya negara-negara Barat terus menguasai kekayaan negara tersebut.

Aku banyak membaca berita di Internet, bagaimana pendakwah Kristian yang masuk ke kampung-kampung sebenarnya melombong emas secara sembunyi. Ada juga menjadi penyeludup berlian dan membiayai penduduk tempatan supaya berperang sesama sendiri, sedangkan mereka sibuk merompak (looting) kekayaan dan khazanah negara. Penemuan emas sejak akhir-akhir ini sangat mengujakan. Contohnya di Sudan, yang emasnya boleh dijumpai di merata-rata tempat. Tidak hairanlah jika mumia raja-raja Mesir dalam piramid yang ditemui kebanyakannya memakai patung emas. Emas sejak dulu ialah mineral berharga yang boleh dijumpai di sepanjang sungai, di padang pasir, di hutan, dan di merata-rata tempat.

Dalam perjalanan merentasi satu tempat ke satu tempat, kita dapat melihat padang rumput beratus-ratus ekar. Malah, kami dijemput melawat ke sebuah ladang yang begitu besar seluas 200 ekar yang cuma ada 15 ekor kambing! Perladangan untuk makan sendiri atau perladangan cara pemalas. Sekali peristiwa kami singgah di sebuah kampung dan duduk di anjung sebuah rumah, serta dikelilingi ramai penduduk kampung. Kebanyakannya pandai berbahasa Inggeris (kesan penjajahan yang paling ketara). Mereka bertanya kepada aku, apa pendapat aku tentang negara mereka. Aku memberitahu sama seperti yang aku beritahu bapa mentua. "Allah menganugerahkan pelbagai kemudahan, sayang sekali rakyatnya tidak tahu menggunakan." Mereka tidak begitu faham apa yang aku maksudkan.

Aku terangkan tentang konsep perladangan besar-besaran, untuk eksport, perniagaan, dan bukan untuk makan sendiri. Sekali sekala Encik Suami menambah tentang Malaysia. Ada seorang pemuda begitu tertarik dengan cerita aku sehingga dia menghubungi aku

Kasino memang banyak di negara miskin.

apabila aku balik ke Malaysia. Adakah mereka kurang ilmu, kurang pendedahan, tidak ada role model, ataupun tidak ada inisiatif? Aku pun tidak pasti. Yang aku pasti ialah manusia yang hidup dalam kemiskinan kadangkala tidak sepatutnya dibantu. Mereka bukan cacat, bukan berpenyakit, tetapi malas. Masyarakat kita akan jadi begini jika pada masa yang panjang kita dihulurkan dengan bantuan dan subsidi tanpa bekerja seperti BRIM.

Oleh kerana biasa menerima bantuan daripada pelbagai negara, rata-rata masyarakat di sini hilang keupayaan berdikari, suka meminta-minta, tidak mahu berkreatif, berdaya usaha atau mengambil inisiatif untuk memulakan sesuatu. Masyarakat Barat pula sanggup mengumpulkan wang untuk memberi pelbagai kemudahan kepada Afrika. Ini termasuklah perigi, sekolah, ubat-ubatan, dan pelbagai jenis NGO atas nama bantuan kemanusiaan. Bahkan, ada NGO yang kerjanya memberikan sabun mandi dan kelambu. Ada penduduk yang menunggu "orang NGO datang untuk bagi pinggan plastik". Namun begitu, masih ramai yang sanggup

bekerja keras untuk mencari rezeki. Ada cara halal, haram, cara jenayah, dan sebagainya.

Masyarakat di sini juga sangat kebaratan. Ini yang memeranjatkan aku. Aku berpendapat, oleh kerana negara mereka miskin, jauh dari terdedah kepada dunia Barat dan media, tentulah masyarakat masih utuh menjaga nilai dan adat. Sayang sekali, agak memeranjatkan dengan budaya disko, minum waragi, pakaian seksi ala barat, rancangan televisyen, muzik barat, kasino, dan segala yang datang dari barat sangat menguasai kehidupan masyarakat. (Tidak padan dengan warna kulit. Benci melihat perempuan-perempuan gedik berpakaian seksi tidak tentu hala. Bukan semakin cantik pun).

Sistem pendidikan mereka pula sangat dikuasai oleh pihak swasta. Kerajaan tidak mampu menyediakan pendidikan percuma untuk rakyat, kecuali sekolah rendah. Itupun keadaan sekolah yang agak dhaif. Sangat menyedihkan. Pernah aku melawat ke sebuah sekolah rendah di pedalaman dan dikerumuni oleh kanak-kanak tanpa kasut dan baju sekolah yang koyak rabak. Terlalu sedih. Kalaulah aku orang kaya dan berkuasa... (Aku selalu berangan-angan.) Oleh itu, orang yang berduit sahaja yang mampu pergi ke sekolah atau ibu bapa terpaksa berjuang habis-habisan hanya untuk menyekolahkan anak-anak.

Selain itu, terdapat jurang pendapatan yang besar antara masyarakat bawahan dan orang atasan yang kebanyakannya terdiri daripada ahli politik atau pegawai atasan tentera. Ramai juga yang aku kenal menghantar anak-anak mereka ke universiti swasta di Malaysia. Kebanyakannya kaya-raya dan datang ke Malaysia sambil berhibur dan belajar (education tourism). Sedangkan masih ramai warga sendiri hidup dalam kemiskinan tidak ada pendidikan, pekerjaan, mahupun makanan.

Kelumpuhan sistem politik dan ekonomi juga rupa-rupanya melumpuhkan sistem nilai masyarakat. Keluarga bercerai-berai, anak tidak bersekolah, jenayah juga tinggi. Ramai yang menganggur. Jadi, setiap orang hanya berfikir bagaimana untuk mencari wang. Ada dengan jalan menipu, meminta sedekah, melakukan jenayah dan yang menakutkan mereka menyihir untuk mendapatkan wang.

Pada pandangan aku (sahaja), Islam sekurang-kurangnya telah mendidik mereka untuk mempunyai nilai walaupun kadangkala nilai itu

agak longgar, tetapi berbanding dengan golongan agama lain dan masyarakat pagan yang lebih serius. Satu penyakit umat Islam yang aku lihat ialah poligami yang diamalkan lelaki Muslim atas nama agama. Walaupun hidup dalam kemiskinan, mereka masih berpoligami dan mempunyai berbelas-belas anak yang tidak bersekolah atau terbiar. Sungguh menyedihkan.

Penyakit meminta-minta sangat ketara. Dalam kalangan umat Islam, dan badan-badan Islam gemar meminta wang daripada penderma negara Arab yang kaya-raya. Ada orang yang kerjayanya ialah membuat kertas cadangan bagaimana memohon wang derma daripada orang-orang Arab. Kertas ini akan dikemukakan oleh seseorang yang akan pergi ke negara-negara di Timur Tengah, dan berjumpa sesiapa untuk memberikan kertas cadangan. Ada yang tujuannya konon untuk membina masjid, rumah anak yatim, sekolah, dan membuat perigi. Kebanyakan wang ini akan berakhir dalam poket sendiri atau kepada isteri yang kedua, ketiga, atau keempat.

Dalam aspek politik antarabangsa, banyak negara-negara di Afrika dikuasai oleh negara Barat melalui World Bank, IMF, dan pelbagai nama badan-badan antarabangsa yang lain. Mereka akan meminjam wang daripada badan-badan dunia ini untuk menampung perbelanjaan negara. Tetapi, banyak daripada wang tersebut akan masuk ke poket ahli politik, tentera, dan pegawai kerajaan yang lain. Yang betul-betul memanfaatkan rakyat bawahan, hanyalah serpihan daripada wang yang dipinjam.

Tidak hairanlah jika bangunan sekolah yang dibina daripada wang pinjaman akan runtuh, bangunan retak, dan sebagainya kerana rasuah, nepotisme, dan penyelewengan. Rakyat bawahan hidup dalam kemiskinan kerana menanggung kos hidup yang tinggi, dan membayar hutang negara melalui cukai yang sangat membebankan. Kadar *interest* untuk pinjaman perumahan ialah 20 peratus. Kadar yang sangat tinggi untuk membolehkan seseorang membeli rumah. Tidak hairanlah jika rumah tidak mampu dimiliki oleh orang yang tidak mempunyai wang, kecuali rumah buruk yang dibina sendiri.

Kuasa Allah s.w.t. pula telah menciptakan sejenis tanah yang boleh didapati di mana-mana, penduduk boleh membuat bata sendiri, dan prosesnya sangat senang. Aku melopong melihat bagaimana orang membuat bata.

Hanya ambil tanah campurkan dengan air, masukkan dalam acuan yang dibuat daripada papan berbentuk empat segi, pijak supaya ia mampat. Keluarkan dari acuan, susun macam sebuah bukit kecil. Ambil rumput kering, bakar bata tadi perlahan-lahan selama beberapa bulan, dan tinggalkan sampai ia betul-betul kering. Kalau sudah siap bata ini, boleh buat rumah dan rumah kau dijamin tidak panas.

Ringkasnya, aku cuma melawat dua buah negara di Afrika. Mungkin pandangan aku tidak dapat mewakili semua negara. Pengalaman berada dan melawat ke Afrika benar-benar membuka mata mengenai kejadian Allah s.w.t., hakikat kehidupan, hakikat kemanusiaan, hakikat kenegaraan. Kebesaran dan keluasan ilmu dan pengetahuan Allah yang mengetahui walau semut hitam berjalan di malam gelap di atas sebuah batu yang hitam, di sebuah negara berkulit hitam, semuanya dalam pandangan dan pengetahuan Allah s.w.t. Tidak terlepas pandangan Allah walau sedikitpun dan Dia tidak tidur dan tidak letih memelihara makhluk ciptaannya. Sebaik-baik penciptaan Allah s.w.t. ialah manusia yang pelbagai warna, bangsa, dan bahasa supaya mereka boleh mempelajari satu sama lain kekuatan dan kelemahan masing-masing, supaya dapat lengkap melengkapi dan menjadi pemimpin atas muka bumi. Bahawa tidak ada kemuliaan seseorang dengan seorang yang lain, melainkan amalan baik dan takwa.

Antah dan Beras

Masyarakat kita ramai yang tidak tahu membezakan antara hutan dan pokok. Ramai yang melihat pokok sebagai hutan dan hutan sebagai pokok. Ilmu mengenal perbezaan ini sangat penting untuk kehidupan. Waktu aku kecil, aku selalu disuruh oleh emak untuk mencari antah di dalam beras, beras pula dimasukkan dalam nyiru buluh. Kadang-kadang cari juga batu, pasir, dan padi yang masih menjadi padi. Sampah sarap ini perlu diasingkan sebelum beras dimasak menjadi nasi. Proses mencari sampah beras ini berlaku begitu teliti sekali. Apabila besar, aku belajar pula mengenal manusia. Yang mana antah, yang mana batu, kaca, berlian, dan pasir.

Kadang-kadang masyarakat kita apabila bercakap, masih kurang bijak dalam mengenal antah dan beras. Dalam bahasa moden kita katakan sebagai stereotaip dan generalisasi. Semua pukul rata. Contohnya, orang Melayu malas, tidak suka kerja berat, suka ambil mudah dan rasuah. Orang Cina pula penipu, rajin

bekerja tetapi kiasu. Orang India suka bercakap putar belit, berpusing-pusing, dan ramai penjenayah.

Sekarang gantikan dengan Negro. Negro selalu dikaitkan dengan scam wang palsu, emel palsu, penipuan, badan besar, kasar, penipu, pandai mengayat wanita, dan bernafsu besar. Bentuk fizikal besar dan yang paling panas, isu kemaluan besar. Aku tidak malu untuk berterus terang kerana kita semua tahu isu ini. Boleh buka facebook dan google sahaja di Internet. Kadang-kadang panas hati juga apabila baca komen orang kita tentang Negro. Ada pula yang berani bertanya hal ini secara bersemuka kepada aku.

Jawapan aku pun macam-macam juga. Tengok kepada yang bertanya. Kalau rasa mahu marah sangat, aku jawab sahaja begini. Kenapa kau mahu tahu sangat. Mahu pinjam ke? Tidak ada kerja lain orang kita ini. Sibuk mengukur kemaluan orang. Tidak ada benda yang lebih bijak untuk difikirkankah? Bodoh sungguh.

Sejak kenal siapa orang Afrika, sudah kahwin lebih daripada 20 tahun, sudah pergi ke Afrika beberapa kali dan merata-rata tempat di dunia, sudah berkawan dengan ramai orang termasuk duta-duta, menteri, dan ketua-ketua negara dan membaca pelbagai jenis bahan sama ada dari Internet, buku dan sebagainya. Aku boleh katakan begini.

Afrika ada 54 buah negara. Penduduknya berjumlah 1,200 juta atau 1.2 bilion manusia. Bukan sedikit umat manusianya. Bolehkah kita generalisasikan semua orang Afrika atau semua Negro itu penipu dan jahat. Kalau begitu, tidak adalah Nelson Mandela yang meringkuk di dalam penjara 27 tahun dan menjadi Presiden cuma 5 tahun. Pemimpin Afrika lain kalau boleh mahu memegang kuasa sampai mati, begitu juga pemimpin di negara-negara pemikiran mundur yang lain. Sudahlah rasuah, mencuri duit berbilion-bilion pun masih mahu memegang kuasa sampai mati.

Hitam itu tidak semuanya hitam, dan putih itu tidak selamanya putih. Hidup ini ada warna-warni dan ada sisi-sisi gelap dan terang, naik dan turun, bengkang-bengkok dan simpang siur.

Sejujurnya, aku berjumpa ramai manusia baik, teramat baik dari Afrika. Sehingga terasa aku terlalu kecil macam ingin masuk ke dalam lubang arnab. Suatu kali, balik kampung ke Afrika kami melawat sebuah universiti dan berjumpa

dengan Rektor Universiti (macam Naib Chanselor). *Subhanallah*, dipanggilnya semua staf, dekan, dan profesor datang menerima kedatangan kami yang bertangan kosong dari Malaysia. Rasa malu sungguh, setakat bersembang kosong dan menjual air liur. Sekurang-kurangnya bawalah buku untuk diberi kepada perpustakaan universiti. Banyak sungguh isu yang kami bincangkan. Isu-isu dunia, hal akademik, masa depan umat Islam, dan pelbagai macam isu.

Tuan Rektor mengangkat dulang dan menuangkan air untuk aku dan semua tetamu, termasuk kaki tangan universiti yang bertamu dalam bilik. Ingatkan dia tuang air untuk dirinya sahaja, walaupun ada staf pembancuh kopi. Waktu ingin balik, sempat dia menghadiahkan aku dengan kraftangan dibuat daripada rumput. Yang aku terkejut sekali siap upacara melutut. Terus aku beritahu.

"Aduh! *Next time never, never do this to me.*"

Tuan rektor memanggil seorang stafnya dan menyuruhnya melutu. Aku ingatkan dia melutut kerana mahu buat apa. Semua tetamu ketawakan aku yang begitu terharu dan terperanjat. Ini rektor universiti graduan dari Amerika Syarikat dalam bidang Sains, bukan belajar di sekolah pondok di belakang rumah. Aduhai!

Pernah juga aku berjumpa dengan profesor-profesor besar (seperti Profesor Perubatan dari Harvard), orang yang terkaya di Uganda (beliau melabur sebanyak USD100 juta membuka kilang di Malaysia), pelbagai peringkat manusia bijak pandai, kaya raya, dan miskin papa tetapi sangat berbeza dengan watak yang kita selalu beritahu. Negro jahat, penipu, gatal. Ada yang kalau kita bertemu seperti orang miskin sahaja, sungguh simple, *humble*, dan *spontaneous*.

Aku percaya pembaca pun seperti aku, pernah mendapat emel menyatakan kita ini orang terpilih. Penghantar emel bercerita bapanya mempunyai wang yang banyak di dalam akaun tetapi tidak dapat dikeluarkan kerana masalah tertentu. Jumlahnya berbilion-bilion dan kita akan mendapat wang tersebut kalau membantu. Pernah juga aku mendapat emel jemputan menghadiri persidangan di luar negara dengan perbelanjaannya ditanggung.

Bagi aku kalau kita menerima emel seperti ini, cuma ketawakan sahaja, kerana ini tidak logik langsung. Macam menunggu

kucing tumbuh janggut. Percayalah, ini cuma scam atau sindiket palsu. Boleh dikatakan hampir semua aktiviti penipuan ini dilakukan oleh warga Nigeria (bukan Muslim). Warga Nigeria kini tidak dibenarkan masuk di banyak negara seperti di United Arab Emiriyah (UAE). Kalau di Singapura, jika ada warga Nigeria, satu pemeriksaan yang sangat ketat akan dilakukan.

Bukan sukar untuk memahami perkara ini jika kita mampu menggunakan sedikit akal. Kita boleh berhujah begini, jika kita ingin ke tandas pun perlu berbayar, siapa di dalam dunia ini akan memberi kita wang. Hatta, saudara sendiri, atau sahabat sekampung pun jika berkaitan dengan wang agak sukar. Inikan pula emel. Sekadar emel!

Hairan sungguh kerana banyak kes begini dilaporkan di media tetapi masih ada yang terkena. Hairan juga memikirkan ada anak-anak gadis yang tertipu dan jatuh cinta melalui emel dengan lelaki negro. Atau ada yang menjadi keldai dadah. Apakah begitu mudah kita ini dijual, dibeli dengan kata-kata indah, hadiah mahal-mahal sehingga boleh alpa. Ini bagi aku paling tidak boleh diterima akal.

Bagi aku kalau kita berjumpa dengan Negro atau sesiapa daripada bangsa apa sekalipun yang kurang berakhlak, jauhkanlah diri dan buat tidak tahu sahajalah. Aku sudah lama tahu membezakan yang mana antah dan beras, baik Melayu, Cina, India, Negro, Mat Salleh, dan pelbagai bangsa lain. Entahlah, mungkin ada ilmu telepati atau ilmu kasyaf kot. Cuma aku percaya dengan janji Allah, lelaki yang baik untuk perempuan yang baik dan begitulah sebaliknya. Kalau kita patuhi suruhan Allah s.w.t., rasul, dan cuba menjadi manusia baik dalam kehidupan, selalu ada jalan-jalan yang dipermudahkan oleh Allah s.w.t.

Tetapi yang aku sedihkan adalah ramai anak-anak gadis kita sendiri yang tidak berakhlak dan berbudi. Sama ada mereka gatal, tidak belajar agama, atau kurang didikan ibu bapa. Memalukan bangsa sahaja! Pernah aku nampak gadis Melayu yang memeluk Negro di depan khalayak ramai tanpa segan silu. Lelaki dan perempuan tidak kira bangsa, berpeluk-pelukan di tempat awam macam tidak ada dosa. Pernah aku cuba menegur sepasang remaja di dalam LRT kerana malu kepada anak-anak yang sama-sama menonton adegan kurang sopan.

Ini isu bangsakah? Boleh kita belajar mengenal antah dan beras?

Epilog Akhir

Aku telah menulis apa yang terpendam selama 20 tahun. Ada cerita rekaan. Ada cerita benar. Kebanyakannya kisah benar. Ada cerita benar, tetapi telah kutambah asam, garam, dan cili supaya kau dapat menghayati kisah dan anekdot kehidupan. Sebagai manusia, kata-kata kita kadangkala tidak dapat menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku. Kadang-kadang kita tidak ada perbendaharaan kata-kata itu. Kadangkala kita berkata-kata berlebih-lebihan daripada peristiwa sebenar. Aku memohon maaf di atas kekurangan itu. Jika kau membaca tulisan aku dan kau ketawa, begitulah aku semasa aku meluahkannya di atas kertas ini. Jika kau membaca tulisan aku dan kau menangis, ketahuilah bahawa aku juga menangis semasa aku menulis di atas kertas ini.

Sebahagian daripada royalti kepada buku ini akan dimasukkan dalam tabung sekolah yang akan aku bina di negara Encik Suami. Doakan supaya projek aku dan projek ini akan menjadi kenyataan, dan kita sama-sama dapat membina masa depan yang lebih baik untuk umat Islam di sana.

Terima kasih.

**jika kau berminat untuk bertanya, sila kemukakan kepada hayyabilal@gmail.com.

Glosari

Kikomba - Sebuah tempat di Kenya sebagai kawasan setinggan terbesar di dunia atau ghetto.

Matokay - Sejenis makanan daripada pisang tiga suku masak yang dikukus dalam daun pisang. Matokay ialah makanan ruji yang menggantikan nasi.

Mukadday - Menantu perempuan.

Mitumba - Pasar menjual barangan terpakai terbesar di Afrika menjadi tempat eksport pakaian terpakai ke negara-negara jiran.

Gomez - Sejenis pakaian labuh macam jubah, tetapi tangannya pendek dan kembung sama seperti pakaian kebangsaan wanita Filipina. Dipakai bersama kain ikat di pinggang.

Teka Teki

50 pembaca pertama yang menghantar jawapan kepada emel akan mendapat hadiah istimewa.

1. Berapa buah negarakah yang dilalui oleh Sungai Nil?
2. Apakah nama 4 negara jiran kepada negara encik suami?
3. Apakah musuh kepada wanita? Namakan tiga.
4. Apakah makanan utama rakyat di negara tersebut?
5. Namakan tempat membeli barangan terpakai di Kenya.
6. Berapakah jarak dari Kampala, Uganda ke Nairobi, Kenya?
7. Apakah apakah perkara baru yang anda pelajari dalam buku ini?
8. Apakah perkara lain yang anda ingin tahu mengenai Afrika?
9. Apakah kelemahan buku ini?
10. Mahukah anda membeli buku kedua yang lebih dahsyat dan menarik? Ya dan tidak.

Sila tinggalkan emel jawapan, pertanyaan anda di *hayyabilal@gmail.com*.

Lampiran

1. Sebuah kawasan yang cantik dalam perjalanan ke kampung. Kelihatan lembu susu dari jauh. Udara sejuk di luar menambah kecantikan di kiri kanan jalan. Allah memberikan tanah yang subur dan udara yang sejuk tetapi masih ramai yang hidup dalam kemiskinan.
2. Punca Sungai Nil.

1

2

3. Nasi, capati dipotong-potong, coleslaw dan tepung suji dimasak seperti nasi impit. Makanan di sebuah restoran Somalia
4. Matokay kukus baru keluar dari daun pisang.
5. Daging lembu dikukus bersama bawang, tomato dan rempah-rempah. Perghh... makan bersama matokay. Lupa orang sekeliling.

6. Anjing Polis memeriksa beg baru tiba di lapangan terbang Entebbe, Kampala



7. Pengawal keselamatan menggunakan mesin pengimbas bom (scanning machine) untuk memeriksa kereta yang masuk ke pusat membeli belah (Macam Sogo) menyebabkan jalan raya sesak sampai berkilo-kilometer. Pandangan dari dalam kereta yang kami sewa. Beliau tersenyum apabila diberitahu aku akan mengambil gambar.

8. Pintu masuk utama Universiti Islam.
9. Universiti mempunyai ladang seluas 400 ekar dan menanam pelbagai jenis tanaman.
10. Bersama dengan Rektor Universiti di kebun mangga milik universiti.

11

11. Stadium Mandela.
12. Zirafah dari pandangan atas pelantar.



13. Sebuah masjid berwarna warni. Islam sampai di Benua Afrika lama dahulu sebelum Islam sampai ke Madinah atau negara lain di dunia. Penghijrahan umat Islam pertama berlaku ke Ethopia (negara orang kulit hitam) yang diperintah oleh Raja Najasyi.
14. Stesen bas di sebuah bandar kecil.
15. Stesen radio popular di Uganda.

14

Muyenga stage
MTN MOBILE MONEY. EGONZA OBULAMU.
MUYENGA BYAGA
NSABYA POLICE
AMERICAN
KABALAGALA
KIBULI RD
TANK HILL

15


91.2
Great Mus
Great Frien

16. Kerusi tempat duduk daripada kayu keras diukir gajah.

17. Alat eksperiman di hujung ialah di kutub selatan, manakala yang berdekatan ialah di kutub utara. Garisan kuning ialah garisan yang membahagikan antara utara dan selatan. Namun, garisan di atas tanah hanyalah anggaran sahaja, tetapi tidak betul-betul berada pada atas garisan seperti di atas peta. Sebaliknya, kuasa magnet seperti yang dikatakan berada antara kedua-dua bekas seperti dalam gambar.

ISBN 978-967-369-325-2
9 789673 693252
Sem. Malaysia RM15.00
Sabah/Sarawak RM17.00